



MELAYU

LAWAN

MELAYU

Cetakan pertama: Mei, 1990

© Ruhanie Haji Ahmad

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis.

Typesetting:
LUKMAN AHAMAD

Penerbit:
NUSANTARA PUBLISHING SDN. BHD.
Suite 9.3, Tingkat 9, Wisma On-Tai,
161, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2613945, 03-2613946. Fax: 2617826


Pencetak:
THE COMMERCIAL PRESS SDN. BHD.
No. 6, Jalan SR 4/18, Serdang Raya,
43300 Seri Kembangan, Selangor D.E.
Tel: 9483519

\$7.50

544005
APB

UNTUK ANAK-ANAKKU

Tanggungjawab terhadap Melayu dan Islam
perlu selaras, harus seimbang dan wajar
ditunaikan dengan amanah, jujur dan ikhlas.



KANDUNGAN

Penghargaan	VII
Pendahuluan	IX
1. Kesetiaan, Demokrasi Dan Tradisi	3
2. Kemungkaran	15
3. Siapa Pembunuh Umno?	29
4. Umno Malaysia	37
5. Umno Tetap Umno /	49
6. Semangat 46 Tulen	59
7. Kumpulan Bebas Semangat 46	67
8. Parti Semangat 46	81
9. Matlamat Parti Semangat 46	95
10. Angkatan Perpaduan Ummah	105
11. DAP Bukan Anti-Melayu?	117
12. Melayu Lawan Melayu	133
13. Ke Manakah Akhirnya?	147
Rujukan	



PENGHARGAAN

BUKU ini sebenarnya merupakan koleksi ceramah saya sewaktu berkempen dalam beberapa Pilihanraya Kecil - Parit Raja, Ampang Jaya dan Tambatan - dan juga ceramah penerangan mengenai politik semasa yang disampaikan di beberapa cawangan dalam Bahagian Batu Pahat, Labis, Segamat, Bakri, dan bahagian saya sendiri - Parit Sulong, di Negeri Johor serta dalam satu cawangan di Bahagian Kapar, Selangor, sejak tahun 1988 hingga 1990.

Oleh kerana begitulah hakikatnya, maka terdapat beberapa pertindihan maklumat dan fakta dalam beberapa bab yang terkandung di dalam buku ini. Semoga ia mendapat kefahaman yang sewajarnya, kerana pertindihan ini mungkin menjadikan proses pembacaan agak kurang menyegarkan.

Bagaimanapun, buku ini mungkin tidak akan menjadi satu kenyataan tanpa galakan serta dorongan dari Encik Yahya Jalil, seorang sahabat karib, yang berpendapat bahawa koleksi ceramah itu lebih manfaat jika dibukukan untuk bacaan umum.

Dalam pada itu, buku ini mungkin hanya tinggal sebagai koleksi ucapan sahaja tanpa bantuan penyelidikan dan penyuntingan dari beberapa orang sahabat dari GPMS Kebangsaan dan dari Kajian Komunikasi ITM Shah Alam serta Encik Ashar Ahmad, Encik Mohd. Rafi Saim dan Encik Samsuddin Majid dari cawangan-cawangan Pergerakan Pemuda UMNO dalam Bahagian Parit Sulong.

Saya juga terhutang budi kepada Puan Maimunah Rashid dari Bahagian Perpustakaan *Utusan Melayu* dan Encik Ahmad Wahab, Pengarang Berita Ekonomi *Berita Harian* yang juga membantu saya memperolehi maklumat yang relevan dengan tulisan ini.

Begitu juga terima kasih saya kepada Saudara Shafie Nor dan *Nusantara Publishing Sdn. Bhd.* Kuala Lumpur yang berusaha menerbitkan buku ini.

Kepada mereka, saya kalungkan terima kasih yang murni lagi abadi. Moga-moga jasa dan pertolongan mereka itu akan membawa manfaat kepada survival bangsa, agama dan tanahair tercinta.

Ruhanie Haji Ahmad

Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur.

5 April 1990.

PENDAHULUAN

ARUS Semangat 46 baru kini bergelora di seluruh negara. Mulai dari Pilihanraya Kecil Parlimen Johor Bahru dan Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Parit Raja dalam tahun 1988 membawa kepada Pilihanraya Kecil Parlimen Ampang Jaya dan Bentong serta Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu, Tambatan, Teruntum dan Sungai Besar dalam tahun 1989, serta Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka di Kedah dalam tahun 1990, perkataan "Semangat 46" sebenarnya Semangat 46 baru, sentiasa dijadikan modal politik oleh golongan penentang Barisan Nasional.

Huru-hara, haru-biru, kelam-kabut dan porak-purandalah orang Melayu dilanda oleh apa yang dikatakan sebagai arus politik Semangat 46 baru ini. Bersama arus politik ini, nampaknya lahir perasaan konfrontasi ataupun permusuhan di kalangan orang Melayu yang suatu ketika dulu bersatu, bersetia, berkhidmat di bawah panji-panji UMNO. Bersama Semangat 46 baru ini juga muncul jagoh-jagoh Melayu yang seolah-olah sudah hilang arah pedoman dan arah matlamat dalam perjuangannya untuk bangsa. Nampaknya, mereka tidak dapat membezakan yang mana satu kawan dan yang mana satu lawan. Pihak penentang UMNO pun dijadikan rakan perjuangan, kononnya untuk meneruskan perjuangan menghidupkan semula UMNO asal.

Kebangkitan arus politik Semangat 46 baru ini telah mengundang banyak persoalan di kalangan orang Melayu. Contohnya, matikah UMNO kalau tidak ada kumpulan yang mengheretnya ke mahkamah? Lahirkah golongan bebas Semangat 46 kalau Tengku Razaleigh Hamzah berjaya merampas kerusi Presiden UMNO dalam pemilihan parti pada 24 April, 1987 dahulu? Wujudkah Parti Semangat 46 kalau UMNO Malaysia tajaan

Tunku Abdul Rahman yang didaftarkan pada 8 Februari, 1988 itu menjadi kenyataan? Mengapakah pula Tengku Razaleigh dan kawan-kawannya memilih Semangat 46 sebagai intisari perjuangannya untuk menentang UMNO dan Barisan Nasional sekarang?

Dan, kalaulah Tengku Razaleigh ikhlas hendak memulihkan UMNO asal, kenapa beliau kini berada di dalam sebuah parti baru - Parti Semangat 46 - yang ditubuhkan pada pertengahan tahun 1989? Tidakkah Semangat 46 yang ditiupkan menerusi Parti Semangat 46 itu merupakan Semangat 46 baru, bukannya Semangat 46 yang tulen? Kenapa pula, kalaulah benar hendak berjuang menghidupkan UMNO asal, Parti Semangat 46 kini bergabung dengan penentang-penentang UMNO itu sendiri, seperti PAS, DAP dan PRM (*dulu PSRM*)? Mengapa pula baru-baru ini Tengku Razaleigh menegaskan bahawa usaha memulihkan UMNO asal bukan lagi merupakan matlamat pokok perjuangan Parti Semangat 46?

Tetapi, walaupun Semangat 46 yang mulanya digerakkan secara bebas - dari cap kunci, membawa kepada ikan dan payung - kini sudah rasmi menjadi sebuah parti politik yang berdaftar, nampaknya, tiada siapapun di kalangan pemimpin kumpulan itu yang pernah menghuraikan dengan sejelas-jelasnya tentang apakah sebenarnya yang dikatakan sebagai Semangat 46 yang sedang diperjuangkan sekarang?

Ketiadaan penjelasan tentang Semangat 46 baru yang sebenar ini mungkin sesuatu yang tidak disengajakan. Mungkin juga disengajakan dengan motif-motif tertentu supaya penyokong-penyokongnya mudah dikerah mengikut dorongan emosi, sentimen dan kepentingan yang sudah direncanakan dengan teliti.

Maka, adalah menjadi matlamat utama tulisan ini untuk cuba mengkaji mengapa Semangat 46 ditonjol dan dipolitikkan semula pada tahun 1988 sehingga ianya dijadikan nama sebuah parti pembangkang Melayu.

Buku ini ditulis atas kesedaran bahawa ramai orang Melayu, yang kini sedang ghairah menyokong Parti Semangat 46, kelihatannya seolah-olah belum, dan mungkin tidak mahu memahami apakah yang dikatakan sebagai Semangat 46 yang asal, yang tulen, yang lahir pada tahun 1946.

Mereka yang dulu berada di dalam UMNO, nampaknya seolah-olah lupa bahawa UMNOlah yang sentiasa mendukung, menghayati serta menyemarakkan falsafah perjuangan Semangat 46 yang tulen hingga ke

hari ini. Mereka juga seolah-olah enggan menerima hakikat bahawa UMNO hari ini adalah kesinambungan kepada UMNO yang haram. UMNO hari ini masih dan terus-terusan mengamalkan falsafah Semangat 46 tulen. Dan, UMNO hari ini terus menjadi wadah perjuangan Melayu yang terunggul di negara ini.

Golongan yang tidak aktif dalam politik UMNO sebelum parti tersebut dikuburkan oleh Mahkamah Tinggi dan kalangan yang baru mula mendampingi politik, nampaknya lebih simpati kepada Parti Semangat 46 kerana perjuangan anti-establishment ataupun perjuangan menentang pihak berkuasa mungkin menyeronokkan. Kedua-dua golongan ini kelihatan menyokong Parti Semangat 46 oleh kerana landaan arus sentimen, emosi semata-mata.

Dalam pada itu, pihak penentang UMNO, khususnya PAS, DAP dan PRM, kini menyumbangkan simpati dan jelas bekerjasama dengan Parti Semangat 46, bukan kerana mereka mahu membantu parti berkenaan memulihkan UMNO asal. Ketiga-tiga golongan pembangkang ini nampaknya menyokong Parti Semangat 46 atas niat politik "ada udang di sebalik batu."

Orang Melayu yang pernah menganggotai UMNO, baik yang telahpun menjadi ahli UMNO hari ini atau sebaliknya, pasti sedar akan niat pembangkang tersebut, yang kelihatan semata-mata untuk terus memecah-belahkan bangsa Melayu, nampaknya semata-mata untuk menanggung di air keroh dan melukut di tepi gantang. Ketiga-tiga pembangkang ini menentang UMNO pada setiap masa. Di manakah logiknya maka parti-parti pembangkang itu kini membantu sebuah parti pembangkang baru yang berjuang kononnya untuk menghidupkan semula UMNO asal?

HAMIM dan BERJASA - dua parti Melayu yang sebelum ini menjadi komponen Barisan Nasional - nampaknya turut dilanda oleh arus Semangat 46 baru. Kehadiran dua parti ini dalam gelanggang yang disediakan oleh Parti Semangat 46, menambahkan sorak-sorai politik Melayu menjadi semakin gamat dan gawat. Hendaknya, janganlah sampai orang Melayu yang sedang menentang pemerintah negara yang berteraskan politik Melayu ini menang sorak sahaja, tetapi akhirnya bangsa Melayu seluruhnya yang akan tergedai!

Oleh kerana bangsa Melayu mempunyai maruah dan martabat dan politik Melayu juga mempunyai maruah dan martabat, maka dalam keadaan politik Melayu sedang berpecah-belah dan songsang-terbalik ini, seharusnya orang Melayu menentukan sikap dan pendirian masing-masing berpandukan kepada semangat dan kasih sayang kepada bangsa, agama, tanahair. Pilihan di antara UMNO baru dan Parti Semangat 46 harus dibuat dengan penuh perhatian dan rasional.

Para pendukung, penyokong dan para simpatisan Parti Semangat 46 khususnya, ketepikanlah sentimen dan emosi buat sementara. Tanya diri masing-masing, adakah keputusan menyokong parti pembangkang baru itu rasional, wajar dan demi kepentingan bangsa Melayu? Benar-benarkah keputusan enggan menyertai UMNO itu dibuat atas dasar kefahaman dan penghayatan yang mendalam tentang apakah yang sebenarnya dikatakan sebagai Semangat 46 tulen? Memang benar-benarkah orang Melayu hari ini memerlukan sebuah lagi parti pembangkang Melayu selain dari PAS? Dan, sedarkah bahawa dalam keadaan sekarang, siapapun yang menang akan tetap merugikan orang Melayu keseluruhannya?


Moga-moga tulisan ini dapat membantu sebilangan besar orang Melayu untuk membuat keputusan yang wajar dalam percaturan politik Melayu di tanahair yang sedang bergolak. Moga-moga juga ia dapat membantu orang Melayu untuk memperbetulkan langkah perjuangan masing-masing.

BERSATU. BERSETIA. BERKHIDMAT

HIDUP MELAYU!

Ruhanie bin Haji Ahmad
Kuala Lumpur,
5 April, 1990.

**KESETIAAN,
DEMOKRASI DAN TRADISI**



KESETIAAN, DEMOKRASI DAN TRADISI

BANYAK pihak berpendapat bahawa pertarungan Melayu lawan Melayu mula dirasakan getirnya bila Tengku Razaleigh Hamzah menentang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Sebab itulah maka keputusan Tengku Razaleigh untuk merampas jawatan Presiden UMNO semasa pemilihan 24 April, 1987 telah mengundang banyak pertanyaan terhadap orang Melayu dan nasibnya.

Di antara tanda soal itu adalah:

Sekiranya Tengku Razaleigh menang, akan berubahkah corak dan bentuk politik Melayu?

Jika beliau kalah, apakah yang bakal terjadi kepada para penyokongnya?

Kemanakah beliau selepas kekalahannya?

Apa pula perancangan yang akan dilakukan oleh Tengku Razaleigh dan sahabat-sahabatnya untuk menegakkan cita-citanya menjadi Presiden UMNO pada masa yang akan datang?

Memang dalam pemilihan bersejarah itu Tengku Razaleigh mahu kemenangan. Untuk menang, maka pelbagai cara telah digunakan. Satu daripada caranya ialah mengadakan majlis "bersua muka berpandang mata" dengan penyokongnya di sebuah hotel kelas antarabangsa di Kuala Lumpur, pada saat-saat akhir menjelang pemilihan.

Di pertemuan besar-besaran itu, Tengku Razaleigh dengan ghairahnya menyampaikan "ucapan dasarnya" berjudol "Menentang Kemungkaran Politik dan Ekonomi" - satu curahan hati yang diwarnai dengan pelbagai isu panas dan hangat, peribadi dan emosi.

Dalam ucapannya, calon Presiden UMNO itu cuba menyakinkan penyokongnya bahawa di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir,

kononnya banyak kemungkarannya yang wujud sehingga banyak pihak yang merasa tersisih, berkecil hati dan menjauhkan diri.

Beliau mendakwa bahawa akibat kemungkarannya maka ramai orang UMNO yang berpecah-belah, ramai pegawai Kerajaan yang menjadi sinis dan apatetik, ramai anggota masyarakat intelektual dan akademik yang merasakan diri mereka diketepi dan dipersendakan, ramai peniaga dan usahawan Bumiputera yang merasa tertinggal dalam proses pengagihan projek menerusi "sistem pilih kasih."

Menerusi ucapan itu, Tengku Razaleigh seolah-olah menampilkan dirinya untuk menentang Presiden UMNO demi menghapuskan segala kemungkarannya yang tersenarai di atas dengan sekelip mata. Beliau menggambarkan bahawa bangsa Melayu perlu diselamatkan dengan seberapa segera. Kemungkarannya perlu dihapuskan menerusi gerakan pembaharuan. Dan, orang yang paling layak mengepalai angkatan penentang kemungkarannya itu, nampaknya, adalah Tengku Razaleigh sendiri.

Sebab itulah agaknya, Tengku Razaleigh menyifatkan tindakannya menentang Presiden UMNO itu seperti berikut:

Satu kewajipan dan tanggungjawab untuk membawa pembaharuan, agar iklim ekonomi akan cerah dan subur semula, untuk membawa pembaharuan agar perpaduan bangsa dan ummah tetap utuh dan terpelihara, serta untuk membawa pembaharuan agar martabat dan maruah bangsa terus meningkat dengan gagah dan mulia.

Sebab itulah juga agaknya, maka Tengku Razaleigh tampil dan menjadikan dirinya seolah-olah satu-satunya juara bangsa Melayu yang layak dan berani untuk menentang kepimpinan Melayu dan kekuasaan Melayu - menentang Datuk Seri Dr. Mahathir - supaya "semangat ukhwa dan persaudaraan" serta semangat "setiakawan" dalam perjuangan dapat dipulih dan diperluaskan di kalangan Melayu dan bukan Melayu.

Beliau tidak pernah menghuraikan dalam ucapan itu bahawa kalau Melayu menentang Melayu yang terjejas adalah kekuasaan Melayu dan yang rugi adalah bangsa Melayu keseluruhannya. Keghairahan, nampaknya, mendahului segala-galanya!

Namun begitu, orang Melayu lebih matang dan lebih faham bahawa isu-isu yang diwarna-warnikan menurut kacamata Tengku Razaleigh

itu adalah isu-isu yang kelihatannya penuh emosi, kelihatannya peribadi untuk memanjangkan hasrat dan cita-cita yang juga emosi dan peribadi bentuknya.

Ramai di kalangan orang UMNO menyetujui kata Tengku Razaleigh seperti berikut:

Kalau di satu masa bangsa Melayu banyak terhutang budi kepada UMNO, kita juga jangan lupa bahawa UMNO juga turut terhutang kepada bangsa Melayu yang telahpun memberikan kepercayaan kepadanya.

Tiada sesiapa juga yang akan mengengkar seruan Tengku Razaleigh supaya:

Dengan semangat saling mengenang budi dan saling menyokong, marilah kita kembalikan perpaduan dan keutuhan parti kita; demi peningkatan martabat dan maruah bangsa.

Pokoknya di sini, mengapakah dalam satu nada, Tengku Razaleigh mendakwa kononnya terdapat kemungkaran yang dilakukan oleh pimpinan Melayu, sementara dalam nada yang sama, beliau mengajak orang Melayu mengembalikan perpaduan demi keutuhan parti dan demi peningkatan martabat serta maruah bangsa? Mungkin beliau tidak sedar bahawa keputusannya untuk menentang apa yang dipanggil kemungkaran itulah punca perpecahan Melayu hari ini.

Pokoknya lagi, salahkah atau wajarkah kalau dikatakan bahawa Tengku Razaleigh adalah satu-satunya pemimpin UMNO yang berani dan sanggup melanggar tradisi UMNO semata-mata untuk memanjangkan hasrat dan cita-cita politiknya. Beliau kelihatannya menghalalkan tindakannya melanggar tradisi atas alasan bahawa perbuatannya itu adalah demokratik dan tidak pula kontra dengan perlembagaan parti.

Menurut satu risalah tulisan Abdullah Khir berjudul "Siapa Bunuh UMNO," Tengku Razaleigh dikatakan memang sudah melanggar tradisi UMNO buat beberapa kalinya sejak beliau menganggotai parti itu mulai tahun 1965.

Pertama sekali, Tengku Razaleigh dikatakan telah mendesak pucuk pimpinan UMNO melantiknya sebagai Naib Presiden UMNO dalam tahun 1973. Pada tahun tersebut Tun Ismail meninggal dunia dan tempatnya sebagai Timbalan Presiden UMNO pun diisi oleh Tun

Hussein Onn yang pada ketika itu Naib Presiden.

Abdullah Khir dalam risalah itu menegaskan:

Apabila Tun Hussein memangku Jawatan Timbalan Presiden, mengikut amalan biasa, beliau kekal sebagai Naib Presiden. Ini bermakna tidak ada kekosongan dalam jawatan itu. Tetapi, Tengku Razaleigh bermi-
nat untuk mengisi jawatan itu. Beliau melobi, tetapi anggota Majlis Tertinggi tidak bersetuju.

Presiden UMNO ketika itu, Tun Abdul Razak Hussein, berpendapat, jika ada kekosongan, jawatan itu seharusnya diisi oleh pihak yang mendapat undi tertinggi sebagai ahli Majlis Tertinggi, iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir.

Abdullah Khir selanjutnya menulis:

Tengku Razaleigh mengatasi masalah ini dengan merayu Datuk Seri Dr. Mahathir mencadangkan jawatan itu diisi olehnya (*Tengku Razaleigh*). Dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang ketiga selepas perantukan Tun Hussein sebagai Pemangku Timbalan Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir telah mencadangkan Tengku Razaleigh sebagai Naib Presiden tanpa apa notis. Ahli-ahli Majlis Tertinggi tercengang, tetapi tidak membantah. Tun Razak meminta pandangan ahli-ahli Majlis Tertinggi, tetapi tiada slapapun yang berkata apa-apa kerana yang mencadang itu ialah orang yang sepatutnya mengisi jawatan itu (*Datuk Seri Dr. Mahathir*). Tengku Razaleigh pun dilantik sebagai Naib Presiden yang belum dikosongkan secara rasmi oleh Tun Hussein.

Apabila Tun Hussein mengundurkan diri sebagai Perdana Menteri Malaysia pada pertengahan 1981, "hasrat utama" Tengku Razaleigh ialah untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri. Maka berentaplah beliau dengan Datuk Musa Hitam untuk kerusi Timbalan Presiden UMNO.

Menurut Abdullah Khir, kemuncak kepada kempen sengit sewaktu itu ialah, Tengku Razaleigh "membelanjakan \$600,000 wang UMNO tanpa mendapat kelulusan Majlis Tertinggi." Wang sebanyak itu, katanya, dibelanjakan oleh Tengku Razaleigh bagi acara perletakan batu asas dan menanam "capsule" Ibupejabat UMNO yang kini dikenali sebagai Menara Datuk Onn di kompleks Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Acara itu sebenarnya adalah sebahagian dari strategi kempenya. Pada ketika itu, mungkin Tengku Razaleigh terlupa bahawa membelanjakan

sejumlah besar duit parti tanpa sebarang kelulusan Majlis Tertinggi juga boleh ditafsirkan sebagai satu kemungkaran yang perlu ditentang habis-habisan!

Kali kedua Tengku Razaleigh dikatakan melanggar tradisi UMNO ialah dalam pemilihan UMNO tahun 1984. Sebenarnya, rasa tidak puas hati yang tersemat di dadanya bila ditewaskan untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO dalam tahun 1981 telah mendorong Tengku Razaleigh memulakan strategi mengalahkan Datuk Musa sebaik sahaja pemilihan 1981 berakhir.

Maka, pertandingan untuk jawatan Timbalan Presiden dalam tahun 1984 adalah satu pertandingan yang sangat ditunggu-tunggu oleh Tengku Razaleigh. Beliau sentiasa dalam keadaan bersiap sedia untuk bertempur - seorang Melayu menentang seorang pemimpin Melayu. Pada ketika itu, terdapat pemerhati-pemerhati politik berpendapat, sebagai mulanya elemen politik wang dan politik fitnah.

Sebagai Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir telah menasihatkan Tengku Razaleigh supaya tidak bertanding lagi untuk jawatan Timbalan Presiden. Tetapi, beliau tidak sedikitpun menghiraukan nasihat itu. Sebaliknya, beliau meningkatkan lagi kempenya.

Dalam tahun 1981 jawatan Timbalan Presiden belum diisi oleh sesiapa-pun, kerana itu jawatan tersebut dipertandingkan. Tetapi, pada tahun 1984, jawatan Timbalan Presiden sudahpun dipenuhi. Datuk Musa Hitam telah mengisi jawatan itu sejak tahun 1981. Mengikut tradisi UMNO, jika jawatan itu sudah diisi, kerusi jawatan itu tidak harus dicabar lagi.

Bolehkah pencabaran tradisi seperti ini disifatkan sebagai satu kemungkaran seperti yang dipolitikkan oleh Tengku Razaleigh mulai 1987 hingga ke hari ini? Tidak sedarkah Tengku Razaleigh bahawa penentangannya terhadap Datuk Musa buat kali keduanya dalam tahun 1984 "telah menghina tradisi UMNO" dan hanya mencerminkan bahawa kepada dirinya, seperti apa yang dikatakan oleh Abdullah Khir, "tidak ada apa yang dimuliakan dan dihormati jika sesuatu itu menghalang cita-cita besarnya."

Menurut Abdullah Khir lagi, pelanggaran tradisi UMNO buat ketiga kalinya yang dilakukan oleh Tengku Razaleigh ialah bila beliau sanggup menentang Datuk Seri Dr. Mahathir untuk jawatan Presiden UMNO pada

tahun 1987. Jawatan itu dimenangi oleh Datuk Seri Dr. Mahathir tanpa bertanding sejak 1981.

Oleh itu, para simpatisan Tengku Razaleigh harus bertanya sebab-sebab utama tokoh itu menentang Presiden UMNO pada tahun 1987.

Benarkah oleh kerana tindakannya itu demokratik, maka masalah pemeliharaan tradisi yang menjadi salah satu rahsia kepada kekuatan UMNO boleh diketepikan begitu sahaja?

Adakah atas nama menghapuskan kemungkaran sebagaimana yang dikempenkan?

Adakah juga kerana cita-citanya "untuk menjadi Perdana Menteri" maka beliau "tidak menghiraukan lagi adat resam dan tradisi Melayu atau UMNO."

Agaknya, pelanggaran tradisi seperti yang dilakukan oleh Tengku Razaleigh inilah yang mendorong Datuk Seri Dr. Mahathir untuk membuat kenyataan mengenai tradisi dan demokrasi pada 14 Februari, 1988 - sepuluh hari sesudah UMNO diisytiharkan menjadi satu pertubuhan menyalahi undang-undang. Dalam kenyataan tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan:

Kelnginan untuk menguasai sesuatu oleh beberapa orang dan untuk merebut jawatan tertentu, mereka telah berpecah, meninggal dan membelakangkan tradisi kononnya kerana demokrasi. Sebenarnya, demokrasi tidak menjadi bukan demokrasi semata-mata kerana kita mengamalkan cara-cara tradisional. Kita masih menjadi sebuah parti yang demokratik walaupun kita mempunyai tradisi tertentu. Tetapi, ada pihak yang ingin membelakangkan tradisi kononnya atas prinsip demokrasi. Inilah yang telah berlaku dalam UMNO sehingga membawa kepada anggapan bahawa UMNO sudah lemah.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata bahawa jika pengamal demokrasi mahu, mereka boleh menggunakan demokrasi untuk menghancurkan amalan demokrasi itu sendiri. Sebab itulah, katanya, demokrasi cuma akan kekal dan kuat jika pengamalnya memahami peranan mereka dan mengawal kepentingan diri untuk menjayakan kepentingan ramai dan memelihara demokrasi.

Ketidakfahaman Tengku Razaleigh terhadap tradisi dan demokrasi dalam UMNO adalah sesuatu yang mustahil. Jadi, pelanggaran tradisi oleh tokoh ini nampaknya selaras dengan tulisan Abdullah Khir dalam

buku yang sama bahawa:

Tidak ada sesuatu yang dianggap mulla olehnya jika perkara itu menjadi halangan terhadap impiannya. Jika dahulu tidak pernah mana-mana tokoh mencabar Timbalan Presiden yang sudah memegang jawatan, beliau sudah mencabarnya. Tidak halranlah jika orang yang sebegini kuat mementingkan diri sendiri menjadi orang yang pertama juga secara serius mencabar Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Presiden.

Maka, kembali kepada ucapannya menjelang pemilihan tahun 1987, Tengku Razaleigh mengajak ahli-ahli UMNO dan umat Melayu untuk mengembalikan perpaduan dan keutuhan parti demi peningkatan martabat dan maruah bangsa, banyak kalangan orang Melayu yang bertanya:

Kalau benar-benar Tengku Razaleigh cintakan perpaduan, mengapakah beliau bertindak melanggar tradisi UMNO buat beberapa kali sehingga pelanggaran tradisi itu sendiri menimbulkan perpecahan di kalangan UMNO dan ahli-ahli UMNO?

Kalau benar Tengku Razaleigh inginkan perpaduan, kalau benar Tengku Razaleigh inginkan perubahan untuk bangsa Melayu, dan kalau benar ada di kalangan umat Melayu yang tersisih, kecil hati, merajuk dan sinis terhadap UMNO, maka kenapa dan mengapa Tengku Razaleigh tidak menghayati slogan UMNO itu sendiri - Bersatu, Bersetia, Berkhidmat?

Tengku Razaleigh tentu arif untuk mentafsir erti Bersatu, Bersetia, Berkhidmat. Beliau juga pasti sedar bahawa bangkitnya beliau untuk menentang Datuk Seri Dr. Mahathir membuktikan dengan jelas dan nyata bahawa beliau sengaja tidak mahu menghayati cogankata UMNO yang lahirnya dari perkataan bersatu, perpaduan dan kerukunan - intisari utama Semangat 46 yang tulen.

Cuba renungkan sekali lagi, apakah erti bersatu. Sewaktu menentang komunis Bintang Tiga dan sewaktu menentang gagasan Malayan Union, bangsa Melayu menyatukan keputusan, pemikiran dan tindakan mereka. Suara mereka senada. Gerak mereka serentak. Tengku Razaleigh insaf akan hakikat ini.

Bersetia pula adalah sendi yang lebih murni kepada kekuatan UMNO selama ini. Tengku Razaleigh juga faham akan hakikat ini. Tetapi, nam-

paknya masalah kesetiaan itu hanya dihayati di bibir sahaja. Kalau tidak, tentu beliau memelihara kesetiaan dalam UMNO yang telah diwariskan oleh Allahyarham Datuk Onn kepada ahli-ahli parti sejak 1946. Berdasarkan kepada lunas-lunas kesetiaan ini beberapa pertanyaan lagi perlu dijawab oleh Tengku Razaleigh:

Apakah UMNO jadi haram kalau Tengku Razaleigh berjaya merampas kerusi Presiden UMNO dari Datuk Seri Dr. Mahathir?

Kenapa Tengku Razaleigh tidak menasihati orang-orangnya supaya jangan mengheret masalah UMNO ke mahkamah pada lewat 1987?

Tidakkah Tengku Razaleigh insaf bahawa tindakan undang-undang yang diambil oleh orang-orangnya itu tidak selaras dengan teguran Datuk Musa Hitam dalam *The New Straits Times* 4 Julai 1987, adalah tidak wajar kerana ia akan menimbulkan suasana politik yang keruh. Dari segi kepentingan politik UMNO dan sudut mententeramkan politik negara, tindakan itu akan menyebabkan suasana yang keruh.

Kenapakah Tengku Razaleigh tidak menasihati mereka yang terlibat (*orang-orangnya dalam kumpulan 11*) supaya menyelesaikan masalah cawangan tidak sah itu secara habis-habisan melalui saluran politik?

Kalau benar Tengku Razaleigh mengamalkan kesetiaan dalam parti, kenapa beliau tidak menasihati orang-orangnya supaya tidak mengheret UMNO ke mahkamah seperti yang disuarakan oleh Tun Hussein Onn dalam *Utusan Malaysia* 29 Jun, 1987, kerana "perbuatan itu menjejaskan pandangan umum terhadap UMNO yang jarang sekali mengalami masalah seperti ini."

Kenapa tidak dengar nasihat Tun Hussein supaya kes itu diselesaikan di peringkat politik sahaja?

Banyak lagi soalan yang ada hubung-kaitnya dengan kesetiaan yang boleh ditimbulkan kepada Tengku Razaleigh yang di ambang pertaruangannya dengan Datuk Seri Dr. Mahathir, mengajak keseluruhan orang UMNO untuk berpadu demi maruah dan martabat bangsa.

Kalau benar Tengku Razaleigh seorang yang benar-benar cintakan parti, seorang yang setia kepada parti dan tidak mahu melihat partinya musnah, mengapakah tidak beliau mempolitikkan masalah kewujudan cawangan yang haram sebelum proses pemilihan Presiden UMNO dijalankan?

Sebaliknya, mengapa sesudah kalah baru perihal sah-haramnya

sesuatu cawangan itu mula digembar-gemburkan?

Sebelum memutuskan sama ada masalah cawangan yang tidak sah itu perlu diheret ke mahkamah, kalau Tengku Razaleigh benar-benar setia kepada UMNO, seharusnya beliau meminta empat-lima orang peguam yang menjadi penasihatnya meneliti keseluruhan aspek kesan dan implikasi dalam Akta Pertubuhan 1966.

Kalau tindakan itu dibuat, tentu beliau tahu bahawa pengheretan UMNO ke mahkamah bererti membunuh UMNO dan memusnahkan payung dan panji perjuangan bangsa Melayu seluruhnya.

Dan, kalau benar-benar Tengku Razaleigh menghayati erti bersatu, bersetia, berkhidmat, tidak seharusnya beliau mengheret Tunku Abdul Rahman Putra untuk menubuhkan UMNO Malaysia pada 7 Februari, 1988 - hanya tiga hari sesudah UMNO mati.

Sesudah UMNO menjadi tidak sah, Tengku Razaleigh marah dan sama-sekali tidak terima kalau dikatakan dirinya dan rakan-rakannya yang sudah "membakar jambatan" sebagai golongan yang khianat kepada UMNO dan bangsa Melayu. Beliau lebih mirip menuduh bahawa UMNO mati akibat kepimpinan Melayu yang tamak kuasa. Siapa sebenarnya yang rakuskan kuasa? Tengku Razaleigh melancarkan kempen ke seluruh negara bahawa UMNO mati kerana kepimpinan negara enggan menggunakan kuasa untuk menyelamatkan UMNO.

Sayang. Sayang seribu kali sayang bahawa UMNO parti yang unggul dan kuat kini terkubur di mahkamah. Tetapi sepatah kata Tunku Abdul Rahman dalam buku cenderamata UMNO 25 Tahun:

"Memang parti yang kuat itu ada sahaja orang-orang yang bukan sebenar-benarnya ada fahaman UMNO yang masuk menyeludup di dalam parti. Ada antara mereka yang rapat dirinya dengan pemimpin-pemimpin yang tinggi - tujuan mereka adalah hendak meruntuhkan dan hendak membentuk perjalanan UMNO bagi sesuai dengan fahaman politik mereka itu, dan ada juga daripada mereka itu yang hendak memecah-belah UMNO supaya mereka boleh menubuhkan lain parti dengan mendapat pengikut-pengikut daripada ahli-ahli UMNO."

Kata-kata Tunku Abdul Rahman itu adalah satu renungan tajam seorang pemimpin - Bapa Kemerdekaan - yang seharusnya dijadikan bahan renungan semua pihak yang sayang dan cintakan UMNO. Adalah satu

andaian yang semberono kalau dikatakan bahawa renungan Tunku Abdul Rahman itu mungkin relevan dengan tindak-laku Tengku Razaleigh dalam UMNO sebelum dan sesudah pemilihan Presiden pada tahun 1987. Tetapi, itulah kata-kata seorang bekas Presiden UMNO yang kini menjadi penasihat agung Parti Semangat 46.

Namun begitu, Tunku Abdul Rahman juga menegaskan dalam buku cenderamata itu seperti berikut:

“Aziz Ishak dulu cuba hendak buat demikian tetapi tiada berjaya. Pada akhirnya dibinasakan dirinya sendiri. Pepatah Melayu ‘keris tajam menikam diri.’ Siapa juga yang ada perasaan khianat yang seumpama itu akan menempuh nasib Aziz Ishak juga - ini amaran saya. Kerana UMNO ialah PERTUBUHAN Perpaduan Melayu, orang-orang yang hendak merosakkan UMNO akan merosakkan diri mereka sendiri.”

Tengku Razaleigh mengerti maksud pandangan Tunku Abdul Rahman itu. Beliau pastinya mengerti maksud perkataan:

“Ada juga daripada mereka itu yang hendak memecah-belah UMNO supaya mereka boleh menubuhkan lain parti dengan mendapat pengikut-pengikut daripada ahli-ahli UMNO” dan erti perkataan “orang-orang yang hendak merosakkan UMNO akan merosakkan diri mereka sendiri.”

Memang keterlaluan kalau dikatakan bahawa segala tindak-tanduk Tengku Razaleigh yang dikatakan melanggar tradisi UMNO itu adalah bertepatan dengan pandangan Tunku Abdul Rahman. Dalam pada itu, adalah benar kata-kata Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman bahawa:

“Sekiranya UMNO ingin menemul kehancurannya, perkara itu akan berlaku bukan kerana perbuatan daripada luar, tetapi daripada dalam.”

Kini UMNO yang dilahirkan pada tahun 1946 sudah hancur. UMNO yang ada hari ini menyambung nafas UMNO lama. Tetapi, wujud segelintir pemimpin UMNO lama, termasuk Tengku Razaleigh, yang nampaknya tidak mahu menerima hakikat kematian UMNO dan hakikat bahawa UMNO hari ini adalah kesinambungan kepada yang lama.

Melayu pun terus lawan Melayu. Mengapakah terjadi begini? Angkara siapakah yang menyebabkan UMNO mati? Tengku Razaleigh tentu

mengetahui sebab-sebabnya. Wajarkah pertarungan Melayu dengan Melayu ini diteruskan dengan hebatnya sekarang? Jawapannya juga terdapat di jiwa Tengku Razaleigh dan orang-orang kuatnya!

KEMUNGKARAN

TENGGU Razaleigh menentang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sejak April, 1987 hingga ke hari ini dengan bermodalkan apa yang didakwanya sebagai "kemungkaran politik dan ekonomi". Isu-isu kemungkaran ini telah dipersembahkan dengan gaya yang amat menarik sehingga ramai rakyat jelata yang nampaknya terpengaruh dengan dakwah-dakwah tersebut. Tengku Razaleigh mendakwa bahawa usaha menentang kemungkaran adalah "satu ibadat kepada Allah dan khidmat bakti kepada bangsa."

Di antara kemungkaran-kemungkaran politik yang dihuraikan oleh Tengku Razaleigh dalam "ucapan dasarnya" empat hari menjelang pemilihan Presiden UMNO pada 24 April, 1987, sebagaimana yang terkandung dalam teks ucapannya, MENENTANG KEMUNGKARAN POLITIK DAN EKONOMI, adalah seperti berikut:

Gaya kepimpinan yang semakin diktatorial dan otokratik, yang semakin enggan berunding dan semakin enggan mendengar pendapat dan teguran-teguran yang membina, yang semakin ternoda dengan amalan-amalan pilih kasih yang menyebabkan parti berpuak-puak, dan yang semakin tercemar dengan tablat menyebarkan fitnah serta menimbulkan syak wasangka dan cemburu yang mengancam perpaduan sosial dan keutuhan ukhwah.

Dalam ucapan yang sama, Tengku Razaleigh menggariskan kemungkaran-kemungkaran ekonomi yang dilakukan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir seperti berikut:

Perancangan ekonomi yang tidak teliti mengenal projek-projek tertentu; kecenderungan menumpukan kekayaan kepada segelintir golongan yang sentiasa dirasuk nafsu tamak dan haloba yang tidak mengenal batas, skandal-skandal kewangan dan perniagaan semakin berleluasa sama ada secara berselindung, atau secara samar-samar

mahupun secara berterang-terang. Peluang-peluang ekonomi di kalangan Bumiputera sendiri tidak lagi diagih-agihkan dengan adil dan saksama. Perancangan yang tidak teliti dan pelaksanaan yang tidak sistematik mengenai projek-projek tertentu, telah menyebabkan hutang negara semakin tertumpuk-tumpuk, pertumbuhan ekonomi semakin rendah dan kadar pengangguran semakin menggerunkan.

Kenyataan Tengku Razaleigh mengenai kemungkaran politik dan ekonomi itu dihidangkan kepada para perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO 1987, khususnya penyokong-penyokong beliau sendiri, dengan cara yang umum sekali. Contohnya, kononnya Datuk Seri Dr. Mahathir mengamalkan gaya kepimpinan yang diktatorial. Apa dia yang dikatakan sebagai diktatorial atau kekukubesian itu? Apa bukti-buktinya? Apa dalil-dalilnya? Yang digariskan cuma barisan kata-kata dan ayat-ayat yang mudah menangkap emosi dan psikologi manusia yang sudahpun ditiupkan dengan sikap membenci dan konfrontasi sewaktu berkempen menentang Presiden UMNO.

Tuduhan yang dikatakan sebagai kemungkaran politik dan ekonomi itu tidak dilampirkan dengan fakta dan bukti. Kalaupun ada fakta dan bukti, ianya disampaikan secara lisan sebagai buah mulut yang pindah dari bibir ke bibir dengan tokok dan tambah yang terkeluar dari kawalan pemikiran yang rasional lagi nyata.

Penyebaran "fakta dan bukti" secara lisan itu bukannya dijalankan oleh Tengku Razaleigh. Ia dilaksanakan oleh "orang-orangnya". Pada perkiraan akhirnya segala apa yang disebar dan dihebahkan itu telah dipercayai ramai sebagai fakta sebenarnya, walaupun pada hakikatnya, segala apa yang dikatakan sebagai bukti dan fakta kemungkaran itu sukar untuk dipertahankan kredibilitinya.

Bagaimanapun, masalah kemungkaran yang disenaraikan dengan begitu umum itulah yang dijadikan "pedang sakti" Tengku Razaleigh dalam penentangannya terhadap Datuk Seri Dr. Mahathir. Pedang sakti itulah yang dihunus ke pelusuk negara untuk membunuh keyakinan orang UMNO terhadap Presidennya sehingga wujud apa yang dikatakan sebagai "krisis keyakinan" di dalam UMNO.

Tengku Razaleigh, dalam ucapannya juga membakar emosi penyokongnya dengan kata-kata seperti berikut:

“Semua kemungkaran politik dan ekonomi itu tidak boleh kita blarakan berterusan. Kemungkaran-kemungkaran itu mestilah ditentang dan langkah-langkah yang berani mestilah kita ambil untuk membawa perubahan. Semuanya ini adalah menjadi tanggungjawab kita bersama sesuai dengan ajaran agama yang menuntut kita menentang sebarang bentuk kemungkaran.”

Kemudiannya, dengan bahasa yang lunak, merdu dan muluk-muluk, Tengku Razaleigh menggariskan perjuangan pemimpin-pemimpin UMNO sebelum Datuk Seri Dr. Mahathir, dari Allahyarham Datuk Onn Jaafar, membawa kepada Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Razak dan Tun Hussein Onn.

Apabila tiba kepada era kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh menegaskan seperti berikut:

Bila Tun Hussein Onn dengan penuh kerelaan dan dengan semangat ukhwa menyeraikan kepimpinan parti dan negara kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir dalam tahun 1981, boleh dikatakan seluruh negara menyambutnya dengan penuh harapan. Walaupun pada masa itu, saya adalah seorang calon yang tidak berjaya untuk mendapat satu jawatan yang saya tandingi dalam pucuk pimpinan, namun dengan ikhlas, saya mengakui bahawa pucuk pimpinan baru parti selepas pengunduran Tun Hussein Onn itu benar-benar telah melahirkan satu suasana optimistik dan membawa harapan dan semangat baru terhadap seluruh negara. Kita merasakan bahawa parti dan negara di awal tahun lapanpuluhan itu sedang diterajui oleh satu generasi kepimpinan yang mempunyai visi dan berpandangan jauh, yang mempunyai keupayaan mempersembahkan semangat idealisme dan tuntutan-tuntutan pragmatik.

Melihat semuanya itu secara umum dapat dikatakan bahawa semangat kita berkobar-kobar dan harapan kita menyala-nyala. Kita melihat parti dan negara dipimpin oleh satu barisan generasi baru yang rata-rata lebih muda usianya, tetapi lebih tinggi pendidikannya, dan lebih idealistik serta nasionalistik sikap dan orientasinya. Kita telah dijanjikan dengan satu kepimpinan yang “Bersih, Cekap, Amanah.” Tetapi tidak lama kemudian serangkaian harapan yang ibarat mimpi-mimpi indah itu telah bertukar corak menjadi igauan-igauan yang mengganggu ketenteraman perasaan dan jiwa kita. Diharapkan panas sehingga ke petang rupanya hujan di tengahari.

Kita kecewa, tetapi lebih dari sekadar merasa kecewa. Kita mulai merasa takut dan gerun kerana semua harapan dan mimpi-mimpi indah kita tadi telah semakin pupus dan tenggelam oleh kemungkaran-kemungkaran politik dan ekonomi yang semakin menjadi-jadi dan menimbulkan rasa tersisih atau "sense of alienation" di kalangan berbagai-bagai golongan.

Begitulah di antara kata-kata Tengku Razaleigh mengenai kemungkaran. Terlalu umum dan terlalu "menghukum." Namun demikian, nyata bahawa Tengku Razaleigh gagal menggunakan isu kemungkaran ini untuk memenangi kerusi Presiden UMNO. Beliau kalah dan Datuk Seri Dr. Mahathir mengekalkan jawatannya.

Apakah erti kekalahan? Tidakkah ini bermakna segala apa yang dikatakan oleh Tengku Razaleigh sebagai kemungkaran politik dan ekonomi itu tidak diyakini oleh seluruh anggota UMNO? Kalau begitulah hakikatnya, benarkah wujud kemungkaran-kemungkaran seperti yang didakwa oleh Tengku Razaleigh itu?

Selanjutnya, adakah Tengku Razaleigh menerima kekalahan itu dengan semangat demokrasi yang ikhlas dan jujur? Cuba kaji dua kenyataan beliau sesudah kekalahan itu seperti yang dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* dua hari berturut-turut. Kenyataan Tengku Razaleigh yang tersiar pada 25 April, 1987 adalah seperti berikut:

Tengku Razaleigh Hamzah menerima kealahannya untuk merebut kerusi Presiden UMNO dengan tenang sambil menyifatkan kekalahan 43 undi di tangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai satu sokongan kuat kepadanya daripada ahli parti.

Dengan 50 peratus sokongan di belakang kita, kita tidak harus hampa malah patut menganggap kita menang dalam kekalahan... Kita bukan kalah tetapi tidak bernasib baik... Kita jangan takut kepada sesiapa yang mahu menekan kita atau menjadikan kita mangsa. Sokongan 50 peratus di belakang kita tidak membolehkan sesiapapun mengambil tindakan sewenang-wenangnya. Kita harus bersatu untuk menghadapi hari esok. Saya mungkin terkenal sebagai orang yang kalah tetapi Insya-Allah dalam pemilihan 1990 kita akan menang.

Berikut pula adalah kenyataan Tengku Razaleigh di *Utusan Malaysia* 26 April, 1987:

Tengku Razaleigh Hamzah berkata, nasibnya dalam Kerajaan kini

terletak di tangan Perdana Menteri dan beliau sedia menerima apa juga keputusannya. Beliau berikrar menyokong Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dipilih semula. Bagaimanapun, sokongan ini hendaklah timbal-balas. Beliau menerima keputusan para perwakilan walaupun menjangka akan menang. Beliau juga menasihatkan para penyokongnya supaya menerima keputusan yang telah dibuat selaras dengan lunas-lunas demokrasi.

Ditanya sama ada beliau akan meletakkan jawatan Kabinetnya, Tengku Razaleigh menegaskan beliau akan berbincang terlebih dahulu dengan para penyokongnya sebelum membuat sebarang keputusan. Bagaimanapun, bila ditanya sama ada beliau akan menerima sebarang jawatan jika ditawarkan, Tengku Razaleigh berkata ia bergantung sama ada jawatan itu sesuai dengan dirinya dan dapat diterima oleh para penyokongnya. Beliau menarik perhatian bahawa adalah hak Perdana Menteri untuk menentukan sama ada beliau masih diperlukan.

Tengku Razaleigh menafikan ura-ura kononnya beliau akan menubuhkan sebuah parti baru untuk menentang UMNO. Beliau menyifatkan ramalan-ramalan itu sebagai karut semata-mata. Saya akan mati sebagai seorang Islam dan UMNO, katanya.

Beliau bersyukur kepada Tuhan kerana mendapat sokongan yang amat baik, beliau menyifatkan undi yang diterimanya sebagai 'hebat.' Diminta mengulas kemenangan tipis Datuk Seri Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh menegaskan bahawa kuasa dan kehendak majoriti mesti dihormati.

Mengenai sokongan yang dilkrarkan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh berkata, sebarang kerjasama hendaklah dibuat secara timbal-balas. Saya akan bantu, saya tetap akan bantu dan bekerjasama, tapi ia hendaklah merupakan kerjasama bagi kedua belah pihak. Pihak kami akan bekerjasama dengan syarat pucuk pimpinan sekarang menghulur tangan persahabatan, ujarnya.

Menurut Tengku Razaleigh juga, analisis komputer pihaknya menunjukkan beliau mendapat antara 780 hingga 790 undi. Ditanya di mana silangnya, beliau hanya berkata, tak tahulah.

Tentang rancangan masa depannya, beliau berkata adalah terlalu awal untuk memikirkannya kerana apa yang beliau hendak buat sekarang hanyalah berehat. Ditanya sama ada beliau akan cuba lagi tiga tahun dari sekarang, Tengku Razaleigh sambil berseloroh berkata,

mungkin pada masa itu saya tidak akan berguna lagi.

Kedua-dua kenyataan di atas mencerminkan pemikiran Tengku Razaleigh di saat-saat kekalahannya. Dalam kedua-dua kenyataan itu terdapat satu perkara yang berhubung-kait iaitu, kata-kata "kita menang dalam kekalahan" dan "kita bukan kalah tetapi tidak bernasib baik" dalam kenyataan pertama, dan "menjangka akan menang" dan "analisis komputer pihaknya menunjukkan beliau boleh mendapat antara 780 hingga 790 undi", dalam kenyataan kedua.

Kata-kata di atas membayangkan bahawa Tengku Razaleigh nampaknya memang susah untuk menerima kekalahan. Sebab itu beliau menegaskan yang beliau menang dalam kekalahan dan sebab itu juga beliau menegaskan tentang analisis komputer yang meramalkan kemenangannya.

Kata-kata beliau "kita jangan takut kepada sesiapa yang mahu menekan kita atau menjadikan kita mangsa" dan "sokongan 50 peratus di belakang kita tidak membolehkan sesiapapun mengambil tindakan sewenang-wenangnya," mencerminkan ego Tengku Razaleigh yang nampaknya penuh prasangka ataupun prejudis terhadap pihak yang menang, iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir dan Kerajaan. Kenyataan itu juga mencerminkan emosi yang mungkin mahu dijadikan pembakar semangat para penyokongnya.

Dalam kenyataan yang kedua, Tengku Razaleigh menyerahkan nasibnya dalam Kabinet kepada Perdana Menteri. Beliau juga berikrar akan menyokong Perdana Menteri. Tetapi sokongan itu adalah satu sokongan yang bersyarat. Syaratnya "pucuk pimpinan menghulurkan tangan persahabatan." Syarat itu juga merupakan satu lagi prasangka yang pihak Perdana Menteri kononnya akan "memusuhi" puak penentangannya.

Dalam pada itu, kenyataan bahawa: "saya akan bantu, saya tetap akan bantu dan bekerjasama" dengan Perdana Menteri, walaupun dengan syarat "pucuk pimpinan sekarang menghulurkan tangan persahabatan" kepada Tengku Razaleigh dan kumpulannya, boleh ditafsirkan bahawa segala bentuk kemungkaran yang didakwa sewaktu kempen pemilihan Presiden UMNO itu adalah "kata-kata politik" semata-mata. Jika tidak, tentu Tengku Razaleigh tidak akan berikrar menyokong dan bekerjasama dengan Datuk Seri Dr. Mahathir.

Kata-kata di atas juga memberi makna bahawa jika "pucuk pimpinan menghulurkan tangan persahabatan," maka segala tuduhan bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir melakukan kemungkaran politik dan ekonomi itu akan ditarik balik oleh Tengku Razaleigh dan kumpulannya. Jika tidak begitu tafsirannya, tidak mungkin Tengku Razaleigh akan "bantu, tetap akan bantu dan bekerjasama" dengan orang yang dituduhnya sebagai pengamal kemungkaran!

Dua kenyataan Tengku Razaleigh seperti yang tersiar di *Utusan Malaysia* 25 dan 26 April, ini terpaksa dihalusi kerana mungkin keputusan Datuk Seri Dr. Mahathir menggugurkan tiga orang Menteri dan lima Timbalan Menteri pada penghujung April, 1987 telah ditafsirkan sebagai keengganan Perdana Menteri untuk "menghulurkan tangan persahabatan" kepada Tengku Razaleigh dan kumpulannya.

Sebab itulah agaknya, maka soal-soal yang disifatkan sebagai kemungkaran politik dan ekonomi ditiupkan semula. Sebab itulah agaknya, maka timbul isu 30 cawangan yang tidak berdaftar yang tidak pernah dibangkitkan oleh Tengku Razaleigh sewaktu kempen atau sebaik sahaja selesai proses pemilihan Presiden UMNO pada 24 April, 1987. Sebab itulah juga agaknya, maka lahir Kumpulan 11 yang telah mengemukakan saman di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur pada 26 Jun, 1987 untuk meminta supaya Perhimpunan Agung UMNO pada 24 April, 1987 itu diisytiharkan sebagai tidak sah dan melanggar perlembagaan parti.

Mungkin atas sebab yang sama, maka Kumpulan 11 yang bertemu dengan jawatankuasa khas yang mewakili Majlis Tertinggi UMNO untuk mencari penyelesaian politik terhadap masalah cawangan yang tidak berdaftar itu, enggan membuka hati dan pemikiran mereka "setulus-tulus dan seikhlas-ikhlasnya."

Contohnya, Kumpulan 11 itu hanya sekali sahaja bertemu dengan jawatankuasa tersebut, iaitu pada 12 Oktober, 1987. Hanya tujuh orang sahaja dari Kumpulan 11 itu yang hadir di pertemuan tersebut. Di akhir pertemuan itu, seorang dari mereka, Encik Ahmad Mokhtar Haji Mohamad, kini seorang anggota Majlis Tertinggi Parti Semangat 46, telah dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* 13 Oktober, 1987 seperti berikut:

"Sementara itu, Timbalan Pengerusi Tetap UMNO Bahagian Pekan Lama, Pahang, Encik Ahmad Mokhtar Haji Mohamad, salah seorang

yang mengemukakan tuntutan itu menegaskan bahawa beliau tetap tidak akan menarik balik tuntutan Mahkamah yang telah dibuat itu. "Dalam satu kenyataan yang diedarkan kepada para pemberita selepas pertemuan itu beliau berkata, penyelesaian melalui saluran politik sudah tertutup."

Hakikat bahawa seorang dari anggota Kumpulan 11 itu telah menyiapkan satu kenyataan akhbar sebelum menghadiri pertemuan berkenaan, adalah bukti bahawa memang nampaknya, mereka tidak mahu masalah cawangan tidak sah itu diselesaikan menerusi saluran politik. Kalau tidak, tidak mungkin Encik Ahmad Mokhtar berani mengatakan bahawa "penyelesaian menerusi saluran parti sudah tertutup."

Memang pembabitan Tengku Razaleigh dengan Kumpulan 11 itu dinafikan secara hitam-putih. Tetapi, umum mengetahui hubungan kumpulan itu dengan beliau. Tidak mungkinkah oleh kerana hubungan itulah maka Encik Ahmad Mokhtar berani "menutup perundingan menerusi saluran politik" sebaik sahaja tamat perundingan peringkat pertama dengan wakil Majlis Tertinggi UMNO?

Tidak mungkinkah keberanian Encik Ahmad Mokhtar itu didorong oleh kenyataan Tengku Razaleigh kepada para penyokongnya di detik-detik kekalahannya seperti berikut:

Kita jangan takut kepada seselapa yang mahu menekan kita atau menjadikan kita mangsa. Sokongan 50 peratus di belakang kita tidak membolehkan seselapapun mengambil tindakan sewenang-wenangnya.

Jadi, siapakah yang mungkar sehingga menyebabkan UMNO mati? Datuk Seri Dr. Mahathir dan Kerajaan pimpinannya, ataupun siapa?

Lupakah Tengku Razaleigh kepada kenyataan Tunku Abdul Rahman ketika mengulas kemenangan Datuk Seri Dr. Mahathir, tersiar dalam *Utusan Malaysia* 26 April, 1987 seperti berikut:

Kemenangan Datuk Seri Dr. Mahathir dan regunya memang telah diduga memandangkan mereka mempunyai segala jentera untuk berkempen. UMNO telah membuat keputusannya dan tiada apa lagi yang hendak dicakapkan kecuali berharap bahawa masalah utama dilatasi dengan memenuhi kehendak rakyat. UMNO hendaklah terus bersatu kerana UMNO lah satu-satunya parti yang rakyat menaruh harapan demi keamanan dan kesejahteraan negara. Biarlah apa yang berlaku itu tidak menjejaskan perpaduan dan keutuhan UMNO.

Jadi, jelas yang Tengku Razaleigh melupakan kenyataan Tunku Abdul Rahman itu dan sekaligus beliau memungkiri "ikrarnya" sendiri untuk membantu dan bekerjasama dengan Perdana Menteri. Dalam pada itu juga, penyokong-penyokong Tengku Razaleigh engkar kepada nasihat Tengku Razaleigh "supaya menerima keputusan yang telah dibuat (*kekalahan Tengku Razaleigh*) selaras dengan lunas-lunas demokrasi."

Pada waktu yang sama, Tengku Razaleigh juga mencanggahi kenyataan beliau sendiri bahawa beliau "akan mati sebagai seorang Islam dan sebagai ahli UMNO." Kalau tidak, pastinya beliau yang mempunyai ramai penyokong dari golongan peguam, akan sedar bahawa pengheretan UMNO ke mahkamah bermakna membunuh UMNO yang disayangnya itu.

Kaulah hakikat ini diinsafi sedalam-dalamnya, pasti Tengku Razaleigh tidak berterusan menuduh Datuk Seri Dr. Mahathir dan Kerajaan sebagai punca segala kucar-kacir politik dan ekonomi seperti dalam kenyataan beliau berjodol KE ARAH PERPADUAN SEMA-NGAT 46, di majlis perjumpaan Hariraya Aidilfitri 1408 di Hotel Merlin Subang, Subang Jaya, Selangor pada 11 Jun, 1988 seperti berikut:

Keadaan kucar-kacir yang amat jelas di bidang politik ialah malapetaka yang menimpa parti yang bermula dengan sikap yang angkuh, "intolerant" dan penuh dendam kesumat dari mereka yang sedang berkuasa membawalah kepada keputusan mahkamah mengisytiharkan parti yang kita cintai ini, dianggap sebagai menyalahi undang-undang, dan lebih menyedihkan lagi apabila pihak yang sedang berkuasa tidak membuat sebarang usaha untuk menyelamatkan parti kita daripada dibunuh.

Di peringkat ini, Tengku Razaleigh sudah kelihatannya terlalu "geram" dan "marah" sehingga menuduh "pihak yang sedang berkuasa" bersikap dendam kesumat dan "tidak membuat sebarang usaha untuk menyelamatkan akan parti kita daripada dibunuh."

Pada peringkat ini juga, beliau sudah terlupa akan "ikrarnya" kepada Datuk Seri Dr. Mahathir untuk membantu dan bekerjasama. Kalau benar beliau mahu "mati sebagai ahli UMNO," seaharusnya beliau menyekat Kumpulan 11 yang jelas terdiri dari para penyokongnya, dari mengheret UMNO ke mahkamah. Bukannya menuduh "pihak yang sedang berkuasa tidak membuat sebarang usaha untuk menyelamatkan parti kita daripada dibunuh."

Jadi siapakah yang mengamalkan kemungkaran politik dalam konteks ini sehingga menyebabkan "parti kita dibunuh?" Slapa? Tidakkah keputusan menutup pintu perundingan untuk menyelesaikan masalah UMNO menerusi saluran politik di akhir pertemuan pertama itu boleh ditafsirkan sebagai satu kemungkaran yang amat dahsyat kesannya?

Tidakkah sikap Tengku Razaleigh yang tidak menghalang Kumpulan 11 untuk mengheret UMNO ke mahkamah sehingga menyebabkan UMNO mati itu boleh dikategorikan sebagai satu kemungkaran politik?

Tidakkah mungkar itu bermakna derhaka? Tidakkah mungkar itu juga bererti mungkir dan engkar?

Maka, timbullah persoalan yang pokok yang perlu dianalisis bersama. Adakah segala isu kemungkaran dan isu lain yang ditimbulkan oleh Tengku Razaleigh itu satu realiti, satu hakikat dan satu kebenaran; ataupun isu-isu itu cuma sekadar fantasi, ilusi dan fitnah yang sengaja direncana untuk diterapkan ke dalam pemikiran orang Melayu, dengan harapan moga-moga penerapan yang disuburkan dengan emosi yang dibakar itu akan diterima sebagai satu kebenaran, satu hakikat, walaupun sebenarnya merupakan ilusi, fantasi dan fitnah semata-mata.

Lantaran itu, adakah perjuangan untuk memulihkan UMNO asal juga satu perkara yang hakiki, ikhlas dan murni; ataupun satu ilusi, fantasi dan mimpi seorang pemimpin yang enggan mengenal erti kekalahan dalam konteks demokrasi? Mungkinkah juga matlamat perjuangan untuk memulihkan UMNO asal itu cuma topeng-topeng yang melindungi suatu kepura-puraan, suatu penipuan, suatu dendam, suatu kegairahan ataupun suatu kecewaan?

Nampaknya, soalan-soalan pokok seperti di atas sudah berjaya dianalisis oleh sebilangan besar orang Melayu. Kalau tidak, tentu Barisan Nasional akan tewas kepada kumpulan Tengku Razaleigh di Parit Raja, Ampang Jaya, Bentong, Tambatan, Teruntum, Sungai Besar dan Pantai Merdeka. Tetapi, Tengku Razaleigh, nampaknya masih tetap setia kepada ilusi ataupun fantasinya.

Sebab itulah agaknya, dengan nada yang paling yakin, dengan suara seorang jagoh, beliau terus berkata di Perhimpunan Agung Parti Semangat 46 yang pertama di Kuala Lumpur pada 12 Oktober, 1989 seperti berikut:

Puncak kemungkaran politik yang dilakukan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir ialah membunuh parti yang kita cintai, iaitu UMNO, yang telah demikian banyak jasanya kepada bangsa Melayu dan negara Malaysia. Walaupun UMNO asal yang mereka bunuh cuba dihidupkan kembali dalam bentuk UMNO yang ada sekarang, kita tahu parti baru itu adalah satu parti yang tempang dan pincang serta penuh kepura-puraan.

Dalam ucapan yang disampaikan di hadapan penyokongnya dan juga pemimpin tertinggi PAS, DAP, PRM, BERJASA, HAMIM serta lain-lain kumpulan pembangkang di negara ini, Tengku Razaleigh menyifatkan "pembunuhan UMNO asal" itu sebagai satu dosa terhadap cita-cita nasionalisme dan kebangkitan bangsa Melayu.

Adakah kenyataan seperti di atas berdasarkan hakikat, fantasi ataupun ilusi semata-mata? Tengku Razaleigh pasti tahu bahawa sebilangan besar orang UMNO sudah maklum tentang siapakah sebenarnya yang membunuh UMNO.

Beliau juga pasti sedar bahawa kalau kebenaran itu ditegaskan kepada seluruh orang Melayu dengan seikhlas-ikhlasnya, maka sudah pasti akan lenyaplah segala tuduhan kemungkaran politik seperti yang kelihatannya sedang dipolitikkan dengan ghairahnya sekarang.

Jika beginilah keadaannya, sampai bilakah agaknya orang Melayu akan terus ditiupkan dengan isu-isu kemungkaran yang pada hakikatnya cuma rekaan dan ciptaan semata-mata? Sampai bila harus Melayu lawan Melayu atas dakwaan kemungkaran yang dipolitikkan sekarang ini? Sampai bilakah agaknya Melayu perlu terus bercakaran dan bermusuhan sesama Melayu? Kalau beginilah keadaannya, ke manakah akhirnya orang Melayu? Inilah pokok pertanyaan yang wajar ditanyakan kepada Tengku Razaleigh ataupun kepada penasihat agungnya, Tunku Abdul Rahman, apatah lagi bila Tunku Abdul Rahman sendiri mahu orang Melayu bangkit menghapuskan UMNO!

Namun begitu, sekadar untuk renungan, khususnya untuk renungan para penyokong PAS dan Parti Semangat 46, semasa pemilihan UMNO pada bulan April, 1987, Timbalan Yang Dipertua PAS, Haji Hadi Awang,

pernah menyatakan menerusi *Harakah* 1 Mei, 1987 bahawa Team B yang nampaknya diketuai oleh Tengku Razaleigh telah “menyalahgunakan perkataan mungkar dari segi Islam.”

Soalnya sekarang, mengapakah Haji Hadi kini bersama-sama Tengku Razaleigh dan Parti Semangat 46 kononnya untuk menentang kemungkar? Tidakkah istilah “mungkar” dalam konteks perjuangan Parti Semangat 46 sekarang ini juga tidak selaras dengan kemungkar yang ditentukan oleh Islam?

Menurut satu makalah di *Mingguan Kota* 5 November, 1989:

“Orang berpendidikan agama diperalat oleh Team B, kata Saudara Haji Abdul Hadi dulu. Tidakkah sekarang ulama PAS juga diperalat? Seharusnya, atas nama kelkhlasan, “kerana orang yang dusta dilaknat Allah,” Haji Hadi patut menjelaskan perbezaan mungkar (*ikut tafsiran*) PAS dengan mungkar (*ikut tafsiran*) Semangat 46. Dan, sewajarnya PAS menentang kemungkar dalam Semangat 46 sebelum bersama-sama Semangat 46 menentang kemungkar Barisan Nasional.”

Tidakkah hujah di atas membuktikan bahawa “kemungkar” Kerajaan Barisan Nasional ataupun kemungkar Datuk Seri Dr. Mahathir seperti yang sedang diheboh-hebohkan oleh Parti Semangat 46 adalah cuma propaganda-dakyah politik semata-mata? Kalau tidak, mustahil Haji Hadi yang warak kini bersama-sama Parti Semangat 46 untuk menentang kemungkar yang pada tahun 1987 disifatkan sebagai “istilah yang disalahgunakan dari segi Islam.”

Oleh itu, para penyokong PAS dan Parti Semangat 46 seharusnya insaf bahawa perjuangan yang kononnya menentang kemungkar yang diribut-ributkan oleh pemimpin-pemimpin mereka bolehlah disifatkan sebagai satu perjuangan kumpulan yang mementingkan peribadi.

Istilah “kemungkar” ini sama motifnya dengan propaganda yang mengatakan bahawa UMNO lama boleh dihidupkan semula, walaupun sudah diakui bahawa ianya “tidak wujud lagi.” Sama juga dengan dakyah kononnya UMNO mati akibat Datuk Seri Dr. Mahathir memang sengaja mahu membunuhnya. Sama juga dengan dakwaan kononnya pemerintahan sekarang lebih zalim dari zaman Jepun dan

rakyat hari ini berada dalam satu keadaan dharurat yang lebih dahsyat dari zaman komunis.

Masalah kemungkaran yang pernah dikatakan oleh Haji Hadi sebagai tidak selaras dengan Islam ini juga sama dengan dakyah yang mengatakan bahawa Parti Semangat 46 kononnya berjuang untuk menghidupkan UMNO asal sedangkan kini matlamat itu pula dikatakan bukan lagi menjadi matlamat pokok parti berkenaan. Pendeknya, segala apa yang dibangkitkan oleh kumpulan Parti Semangat 46 adalah semata-mata dakyah yang kelihatan lahir dari fantasi manusia yang mungkin berada dalam keadaan kelemahan!

Istilah "kemungkaran" itu boleh dianggap sebagai sengaja diadakan, sebagai satu tipu-helah untuk memperdayakan penyokong kedua-dua pembangkang Melayu supaya mereka tergamak bangkit menentang bangsanya sendiri.

Seharusnya hujah-hujah seperti di atas menyedar dan menginsafkan setiap mereka yang fanatik dengan UMNO untuk kembali kepada UMNO. Seharusnya hujah-hujah seperti di atas akan mendorong mereka yang sudahpun berkecimpung dengan Parti Semangat 46 untuk kembali mempertahankan UMNO.

Kesongsangan politik di kalangan setengah orang Melayu sekarang, jika berlarutan boleh membawa kesongsangan kepada bangsa Melayu seluruhnya. Kesongsangan Melayu pula akan menjejaskan kebaqo'an Melayu di bumi warisan yang kini menjadi milik multi-bangsa.

Melayu tidak lagi harus hidup dalam ruang-ruang perpecahan kerana perpecahan di zaman pra-merdeka seharusnya sudah dijadikan satu rujukan yang keramat oleh bangsa Melayu yang berjaya menyatupadukan Melayu menerusi UMNO. Janganlah hendaknya ada lagi Melayu yang menyalak mengenai perpaduan sedangkan perpaduan itu sebenarnya hanya hiasan bibir-bibir manusia yang tidak menghayati erti perpaduan kepada bangsanya sendiri.

Melayu hari ini sudah tidak lagi harus hidup dalam ilusi dan kepura-puraan. Seharusnya Melayu sekarang menggembelingkan tenaga untuk perjuangan yang berpijak di bumi nyata!!

SIAPA PEMBUNUH UMNO?

KEMATIAN UMNO pada 4 Februari, 1988 adalah satu sejarah yang amat luas tafsiran dan implikasinya. Ia juga telah menimbulkan satu proses tuduh-menuduh yang amat sengit di kalangan penyokong dan pemimpin UMNO yang terbelah kepada dua kelompok yang mempunyai kecenderungan serta prasangka yang berbeza. Satu pihak menuduh bahawa UMNO terkubur akibat permainan politik kumpulan "pengkhianat bangsa." Pihak yang satu lagi mendakwa bahawa UMNO binasa akibat percaturan politik golongan yang "tamak kuasa."

Maka, masalah kehancuran UMNO itu pun menjadi topik politik yang hangat sehingga mencetuskan gerakan-gerakan yang kelihatan agresif, melulu dan mungkin juga terlalu semberono. Gerakan-gerakan tersebut menjelma dalam berbagai bentuk. Yang popular sekali ialah ceramah-ceramah politik di mana isu itu dikupas serta diberi nafas baru secara sensasional dan lisan.

Cetusan-cetusan dalam bentuk penulisan juga menjadi begitu ghairah dan ada kalanya liar lagi tidak bertanggungjawab. Menerusi buku-buku serta makalah, segala bentuk keghairahan dan keliaran proses tuduh-menuduh diabadikan secara hitam dan putih.

Kesannya, rakyat jelata teracun pemikirannya. Kesannya, Melayu terus bangkit melawan Melayu, biarpun sebilangan besarnya agak kurang memahami apakah isu pokok yang berhadapan dengan orang Melayu yang sebenarnya. Kesannya, ketidakfahaman ini menjadikan sebilangan besar Melayu yang terdorong menentang Melayu, bertindak mengikut hati dan perasaan dan bukannya mengikut kematangan serta ketenangan pemikiran.

Oleh itu, persoalan pokoknya di sini ialah, wajarlah dipastikan sama

ada benar Datuk Seri Dr. Mahathir adalah orang yang bertanggungjawab membunuh UMNO sebagaimana yang didakwa oleh seorang bekas aktivis pelajar, Kamarazaman Yacob, dalam bukunya, POLITIK MALAYSIA - RUMUSAN yang diterbitkan pada penghujung tahun 1988.

Kamarazaman menyesali nasib malang yang menimpa UMNO. Beliau menuduh UMNO dibunuh oleh Presidennya, iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir. Beliau kini aktif dalam Parti Semangat 46 Pahang. Kelancaran mata pena beliau nampaknya tidak terkawal sehingga Datuk Seri Dr. Mahathir juga dituduh membunuh UMNO menerusi peguam parti, Sri Ram.

Kamarazaman menulis mengenai kematian UMNO seperti berikut:
Benarlah UMNO telah mati. Benarlah Dr. Mahathir pembunuhnya... Malangnya nasib UMNO. Dia dibunuh oleh Presidennya. Harapkan pagar, pagar makan padi. Biasanya yang memamah tempat lanya bergantung lalah Hantu Raya. Biasanya yang memakan tuannya lalah *hantu polong*.

Dalam sebuah lagi bukunya, MAHATHIR MENUJU DIKTATOR?, Kamarazaman juga menulis tentang kematian UMNO seperti berikut:

Kematian ini dibuat oleh mahkamah atas tuntutan peguam bagi pihak UMNO yang dipimpin oleh Datuk Seri Dr. Mahathir.

Tulisan Kamarazaman mencerminkan pendirian beliau dan mungkin juga mencerminkan pendirian kumpulannya - kumpulan Tengku Razaleigh Hamzah. Tuduhan seperti di atas adalah satu dari propaganda kumpulan Melayu yang kini sedang bertubi-tubi menyerang kekuasaan Melayu di negara Melayu ini.

Namun demikian, seorang lagi penulis, Abdullah Khir pula merumuskan dalam bukunya, SIAPA BUNUH UMNO, bahawa Tengku Razaleighlah satu-satunya pemimpin Melayu yang sebenarnya membunuh UMNO. Abdullah Khir menulis seperti berikut:

Sekarang UMNO sudah dibunuh oleh Tengku Razaleigh dan ahli-ahli UMNO dibahagi dua olehnya. Sepatutnya Tengku Razaleigh kesal akan akibat tindakannya. Tetapi jelas baginya ini adalah peluang untuk merebut kuasa lagi. Dengan sengaja beliau berusaha untuk mengekalkan perpecahan yang dilakukan olehnya. Kononnya orang yang membunuh UMNO ini mahu menghidupkan UMNO yang asal

dan menolak UMNO Baru.

Jadi, mana satu yang betul? Datuk Seri Dr. Mahathir ataupun Tengku Razaleigh yang membunuh UMNO? Mari sama-sama kita analisis beberapa kenyataan yang ada hubung-kaitnya dengan masalah ini seperti berikut. Dalam satu sidang akhbar pada 15 Februari, 1988, Tengku Razaleigh, antara lainnya dilaporkan sebagai berkata:

Adalah tidak masuk akal bahawa pucuk pimpinan tidak sedar tentang pelanggaran undang-undang yang serius yang mengakibatkan UMNO dilsyiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang haram....

Tidakkah ini menakutkan hingga orang lain pula yang disalahkan?

Sewaktu berucap di satu perjumpaan Hariraya Aidilfitri 1408 di sebuah hotel di Subang Jaya, Selangor pada 11 Jun, 1988 pula, Tengku Razaleigh antara lainnya menegaskan seperti berikut:

...Dan lebih menyedihkan lagi apabila pihak yang sedang berkuasa tidak membuat sebarang usaha untuk menyelamatkan parti kita daripada dibunuh. Malah sebaliknya mereka sendiri melalui peguam yang mereka upah dengan sengaja telah mengemukakan hujah-hujah yang mahukan keseluruhan parti kita dilsyiharkan tidak sah di sisi undang-undang.

Kenyataan di atas sekali lagi mencerminkan yang Tengku Razaleigh tidak langsung mahu bertanggungjawab terhadap pembunuhan UMNO. Sebaliknya, pucuk pimpinan UMNO sendirilah nampaknya yang dituduh oleh beliau. Namun begitu, cuba teliti ucapan dasar Tengku Razaleigh sebagai Presiden Parti Semangat 46 di Perhimpunan Agung parti tersebut di Kuala Lumpur pada 12 Oktober, 1989 seperti berikut:

...Dan memang tidak dapat dinafikan lagi, puncak kemungkaran politik yang mereka lakukan ialah membunuh parti yang kita cintai, iaitu UMNO, yang telah demikian banyak jasanya kepada bangsa Melayu dan negara Malaysia.

Menurut kenyataan itu, nampaknya, jelaslah yang dituduh membunuh UMNO adalah pihak yang didakwa oleh Tengku Razaleigh sebagai pengamal kemungkaran. Sungguh ironis sekali bila tuduhan itu dilafazkan di hadapan musuh-musuh UMNO seperti pemimpin PAS, DAP dan PRM.

Kenyataan Tengku Razaleigh yang terbaru ini sebenarnya bukan baru. Isu kononnya Datuk Seri Dr. Mahathir yang membunuh UMNO itu

sudahpun dihebah dan dihebohkan ke seluruh pelusuk negara sejak sebaik sahaja UMNO mencapai kemuncak kecelakaannya, akibat perbuatan anggota UMNO sendiri. Isu inilah di antara isu prominan yang dibangkit dan diungkit dalam beberapa pilihanraya kecil di seluruh negara. Isu itu dikaitkan pula dengan dakwaan bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir kononnya seorang diktator. Memang ramai Melayu yang terpengaruh dengan isu itu sehingga tercetus emosi dan kemarahan yang nampaknya menyeluruh. Namun begitu, lebih ramai Melayu yang masih waras dan mampu menolak isu tersebut sebagai dakyah, walaupun bukan fitnah semata-mata. Ini terbukti dengan kemenangan Barisan Nasional dalam tujuh dari sembilan pilihanraya kecil di negara ini sejak 1988 hingga 1990.

Kalangan Melayu yang berfikiran rasional sentiasa menghujah sama ada UMNO akan mati kalau tidak diheret ke mahkamah oleh pihak yang jelas simpatisan Tengku Razaleigh. Mereka juga setuju dengan pendapat Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa mengheret UMNO ke mahkamah dan mencemarkan parti yang menjadi payung kepada bangsa Melayu adalah satu perkara yang dahulunya tidak pernah langsung terlintas di hati sanubari mana-mana ahli UMNO. Sebilangan besar Melayu juga setuju dengan hujah Datuk Seri Dr. Mahathir seperti dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung UMNO pada 28 Oktober, 1988 yang berjudul "UMNO Tetap UMNO" seperti berikut:

Keputusan mahkamah yang menyatakan bahawa UMNO tidak sah adalah perkara yang terasing daripada UMNO. Ia bukan pilihan UMNO. Ia bukanlah hajat UMNO walaupun ia mungkin menjadi niat segelintir ahli-ahli UMNO yang mempunyai kepentingan peribadi.

Selanjutnya, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa UMNO sememangnya mempunyai cawangan yang tidak sah daripada segi undang-undang semenjak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946. Tetapi, kata beliau, keadaan tersebut tidak menimbulkan masalah kerana ahli-ahli UMNO setia kepada parti dan perjuangannya. Mereka tidak bertindak di luar UMNO kerana ini akan memburukkan UMNO.

Dalam konteks ini Datuk Seri Dr. Mahathir menghuraikan masalah cawangan yang tidak sah pada tahun 1984 seperti berikut:

Penting dilingatkan pembatalan pendaftaran UMNO bukanlah kerana wujudnya cawangan-cawangan yang tidak berdaftar, tetapi kerana lanya dibawa ke mahkamah.

Pada tahun 1984, setelah Perhimpunan Agung UMNO diadakan, ada ahli UMNO yang membawa UMNO ke mahkamah. Tetapi, mereka tidak meneruskan tindakan mereka sehingga UMNO diharamkan. Setelah kejadian itu, Ibupejabat UMNO telah menyemak semua fail cawangan UMNO dan mendapati ada 5,000 cawangan yang tidak berdaftar. Setelah semua cawangan didaftarkan semula, Setiausaha Agung telah mengarah supaya diadakan mesyuarat penubuhan.

Sebahagian daripada 5,000 cawangan yang didapati tidak berdaftar pada tahun 1984 telah tidak terdaftar semenjak 1966. Tetapi UMNO tidak diharamkan semenjak 1966 kerana tidak ada ahli yang membawa UMNO ke mahkamah.

Bukanlah ada atau tidaknya cawangan yang tidak berdaftar yang menjadikan UMNO tidak sah, tetapi ada atau tidaknya orang-orang yang tidak sayangkan UMNO dan sanggup membawa UMNO ke mahkamah. Rangkaian perenggan di atas membuktikan bahawa memang UMNO tidak mati kalau tidak diheret ke mahkamah dan sebaliknya diselesaikan menerusi saluran parti dengan niat yang ikhlas dan dada yang terbuka semata-mata atas nama UMNO, Melayu, Islam dan Malaysia.

Sebab itulah agaknya, maka Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan bahawa kumpulan yang mengheret UMNO ke mahkamah itu sebagai pihak yang membelakangkan parti kerana keutamaan dan kepentingan politik diri dan peribadi. Perkiraan bahawa UMNO mungkin jadi haram dan Melayu akan purak-puranda jika UMNO diheret ke mahkamah tidak langsung dihiraukan.

Sebenarnya, kumpulan yang mengheret UMNO ke mahkamah telah diberi amaran tentang kemungkinan tindakan tersebut akan menyebabkan UMNO keseluruhannya menjadi haram. Amaran ini juga tidak diambil endah langsung.

Sebagai kesimpulannya, benarkah UMNO sudah mati dan pembunuhnya adalah Datuk Seri Dr. Mahathir seperti yang didakwa oleh Kamarazaman dalam bukunya, POLITIK MALAYSIA - RUMUSAN? Benarkah juga kematian UMNO itu merupakan klimaks kepada apa yang dikatakan sebagai kemungkaran kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir seperti yang didakwa oleh Tengku Razaleigh? Ataupun, benarkah UMNO mati akibat angkara Tengku Razaleigh dan kunco-kunconya seperti yang didakwa oleh Abdullah Khir?

Persoalan-persoalan di atas akan terjawab dengan tersendiri jika seluruh orang Melayu sanggup merasionalkan pemikiran masing-masing oleh kerana Melayu yang rasional juga berani mengeluarkan pertanyaan kepada Tengku Razaleigh seperti berikut:

Akan terhamburkah tuduhan bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir yang sengaja membunuh UMNO jika pendaftaran Parti UMNO Malaysia tajaan Tengku Razaleigh berjaya didaftarkan empat hari sesudah UMNO dikuburkan pada 4 Februari, 1988? Kalau soalan ini mampu dijawab secara ikhlas dan jawapannya adalah "tidak," maka serahkanlah kepada Allah yang Maha Melihat, Maha Mendengar dan Maha Mengetahui untuk memastikan yang benar dan yang mungkar!

Bagaimanapun, apabila dianalisis mengikut hukum akal, pembunuh UMNO adalah Tengku Razaleigh. Beliauulah yang membunuh UMNO. Beliauulah, dan bukan Datuk Seri Dr. Mahathir dan bukannya peguam UMNO. Begitulah keadaannya dan begitulah hakikatnya. Sejarah akan membuktikan segala-galanya!

UMNO MALAYSIA

UMNO MALAYSIA

SEBAIK sahaja UMNO mati, isu kemungkaran politik dan ekonomi mula jarang diperkatakan. Sebaliknya, Tunku Abdul Rahman mendaftarkan sebuah parti bernama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu Malaysia ataupun UMNO Malaysia pada 8 April, 1987.

Berikut adalah latarbelakang UMNO MALAYSIA yang disedut dari minit perhimpunan penubuhan parti tersebut yang telah diadakan pada jam 8.00 malam, 7 Februari, 1988, di kediaman Tunku Abdul Rahman, No. 16 Jalan Tunku Abdul Rahman, Pulau Pinang:

Perhimpunan Agung ke 38 parti UMNO telah berlangsung pada 24 April, 1987. Menjelang perhimpunan tersebut beberapa ahli UMNO telah membuat bantahan-bantahan kepada Setiausaha Agung mengenal beberapa perkara termasuk kehadiran beberapa cawangan tidak sah di dalam beberapa Perwakilan Bahagian. Oleh kerana bantahan mereka tidak dihiraukan, dan Bahagian-bahagian tersebut menghantar wakil-wakil ke Perhimpunan Agung, 12 ahli UMNO biasa telah membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi. Pada 4 Februari, 1988, Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur telah mengisytiharkan UMNO sebagai "an unlawful society" di bawah Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966. Keputusan ini berdasarkan hakikat yang UMNO telah menubuhkan cawangan-cawangan terlebih dahulu tanpa kelulusan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

Keputusan/pengisytiharan Mahkamah Tinggi ini bermakna bahawa UMNO TIDAK WUJUD LAGI. Oleh kerana UMNO merupakan parti yang telah benar-benar menjaga dan memelihara kepentingan orang Melayu dan semua kaum di Malaysia, maka satu parti politik dengan tujuan dan peranan yang sama perlu ditubuhkan dengan seberapa segera yang boleh. Perhimpunan ini telah dipanggil untuk mengambil

tindakan yang perlu bagi tujuan ini, iaitu untuk menubuhkan PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU MALAYSIA atau UMNO MALAYSIA (*UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION MALAYSIA*) dengan meluluskan draf perlembagaannya.

Datuk Haji Mohd. Yussof Latiff telah dilantik sebagai Pengerusi Tetap UMNO MALAYSIA sementara Datin Paduka Hajah Rahman Osman sebagai timbalannya.

Presiden Penaja UMNO MALAYSIA ialah Tunku Abdul Rahman, Timbalan Presiden, Tun Hussein Onn; Naib Presiden merangkap Setiausaha Agung, Datuk Rais Yatim; Bendahari, Datuk Abdul Manan Othman dan Ketua Penerangan, Datuk Zainal Abidin Zin.

Dua orang Ahli Majlis Tertinggi Sementara yang dipilih dalam perhimpunan penubuhan tersebut ialah Hajah Ilani Datuk Isahak dan Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin, sementara mereka yang dilantik oleh Presiden ialah Kamarudin Haji Awang Teh, Abdul Kahar Ahmad, Hajah Marina Yusoff, Datuk Muhammad Radzi Sheikh Ahmad dan Ibrahim Azmi Hasan.

Tengku Razaleigh, nampaknya tidak tersenarai untuk menyandang sebarang jawatan dalam jawatankuasa protem UMNO MALAYSIA. Bagaimanapun, gambar *Utusan Malaysia* pada 8 Februari, 1988 memaparkan wajah beliau duduk di kiri Tunku Abdul Rahman yang kebetulan merayakan harijadinya yang ke 85 pada 7 Februari, 1989.

Perhimpunan penubuhan UMNO MALAYSIA itu telah berjaya mengutip derma para hadirin sejumlah \$121,045 untuk membiayai kos pendaftaran parti berkenaan dan untuk membiayai aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan setelah menerima Kebenaran Bergerak Sementara dari pihak Pendaftar Pertubuhan Malaysia kelak.

Borang pendaftaran UMNO MALAYSIA diserahkan sendiri kepada pihak Pendaftar Pertubuhan Malaysia di Kuala Lumpur pada 8 Februari, 1988. Malangnya, sebagaimana yang digazetkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* bertarikh 11 Februari, 1989, permohonan UMNO MALAYSIA telah ditolak pada 10 Februari, 1989.

Gazet tersebut di atas juga mewartakan bahawa sebuah lagi permohonan mendaftarkan sebuah lagi pertubuhan baru bernama PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU atau UMNO, yang dikemukakan oleh pemohon yang beralamat di 42, Jalan Setiajaya, Damansara

Heights, 50490 Kuala Lumpur, telah ditolak pada tarikh yang sama.

Tiada sebarang sebab penolakan ke atas pendaftaran kedua-dua parti tersebut telah dinyatakan dalam gazet di atas. Bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa penolakan itu dibuat atas dasar bahawa pada ketika itu pendaftaran UMNO (*UMNO ASAL*) yang telahpun diisytiharkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, sebagai tidak sah, belum lagi dibatalkan oleh pihak Pendaftar Pertubuhan.

Menurut *Warta Kerajaan Persekutuan* bertarikh 15 Februari, 1989, Pendaftar Pertubuhan hanya membatalkan pendaftaran UMNO (*UMNO ASAL*) pada 12 Februari, 1989.

Begitulah serba ringkas mengenai pendaftaran UMNO Malaysia dan pembatalan pendaftar UMNO ASAL. Segala-galanya terlalu teknikal dan sentiasa menurut lunas perundangan negara.

Mungkin akibat kesulitan mendapatkan maklumat mengenai pembatalan pendaftaran UMNO ASAL, kumpulan yang menaja penubuhan UMNO MALAYSIA tidak mengemukakan permohonan baru untuk mendaftarkan partinya sesudah 12 Februari, 1989.

Sementara itu, kumpulan yang menaja UMNO (*baru*), sekali lagi mengemukakan permohonan baru sesudah 12 Februari, 1989. Maka, pada 15 Februari, 1989, pendaftaran UMNO (*baru*) pun diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Kuala Lumpur. Dan, UMNO inilah yang sekarang menjadi pewaris dan penyambung perjuangan UMNO yang asal.

Penubuhan UMNO MALAYSIA, walaupun gagal didaftarkan, telah mengundang banyak kritik serta tohmah. Datuk Rais terpaksa menjelaskan perkara itu menerusi satu sidang akhbar pada 9 Februari, 1989 di mana beliau telah menegaskan seperti berikut:

Langkah yang telah diambil oleh Tunku Abdul Rahman bukanlah menubuhkan parti yang baru. Tunku Abdul Rahman dan jawatankuasa protemnya hanya berusaha menghidupkan semula UMNO dengan ditambah perkataan "Malaysia" selepas UMNO. Kecuali beberapa perkara tertentu, semua peruntukan lama UMNO sebelum diharmonkan oleh Mahkamah, adalah wujud seperti sediakala... Dengan keputusan Mahkamah pada 4 Februari, 1988 bermakna UMNO sudah tiada. Jawatankuasa protem ini cuma bertugas menghidupkan semula parti kita kerana kita tidak mahu melihat UMNO mati begitu sahaja. Kita tidak nampak usaha-usaha lain ke arah pembentukan UMNO

semula dijalankan. Yang sibuk dilakukan ialah usaha-usaha menyokong Perdana Menteri sahaja - usaha-usaha menghidupkan UMNO tiada. Sebab itulah Tunku Abdul Rahman ambil dayausaha menubuhkan UMNO semula. Orang Melayu tidak perlu berbalah dalam soal ini. Sekiranya Pendaftar Pertubuhan memberi kelulusan nanti, seslapa sahaja boleh menerajui UMNO Malaysia di mesyuarat agungnya, termasuk Perdana Menteri sekarang, Tengku Razaleigh atau lain-lain orang. Jawatankuasa protem akan selesallah kerjanya di peringkat itu.

Chamil Wariya, seorang sahabat, dalam bukunya *UMNO (BARU) Kelahiran dan Perkembangan Awalnya*, telah membuat analisis seperti berikut mengenai perlumbaan mendaftarkan parti baru sesudah UMNO yang asal diisytiharkan tidak sah:

Jelas bahawa sebaik sahaja UMNO diisytiharkan tidak sah, terdapat perlumbaan untuk menghidupkan semula parti itu di kalangan dua kelompok yang bertelagah di dalamnya. Dr. Mahathir sendiri memang mempunyai rancangannya tersendiri ke arah itu. Tetapi, oleh kerana beliau tidak menghebahkan rancangannya, maka ada gambaran bahawa beliau tidak berbuat apa-apa dan asyik mencari sokongan untuk mengukuhkan kedudukannya di dalam Kerajaan sebagai Perdana Menteri. Lantaran itu, perlumbaan untuk menghidupkan UMNO telah didahului oleh kelompok Tengku Razaleigh.

Kenyataan Datuk Rais seperti di atas adalah murni dan ikhlas. Malangnya, setelah pendaftaran UMNO MALAYSIA ditolak dan UMNO (*BARU*) pula diterima pendaftarannya, Tengku Razaleigh yang mahu direkodkan sebagai tidak terlibat dengan penubuhan parti itu pun mengadakan satu sidang akhbar mengenai hal itu pada 15 Februari, 1987.

Dalam sidang akhbar tersebut Tengku Razaleigh, antara lainnya berkata seperti berikut:

Saya dimaklumkan bahawa kuasa kebijaksanaan di bawah Seksyen 70 dari Akta Pertubuhan boleh digunakan bagi menyelamatkan UMNO bahkan sebelum hal tersebut dibawa ke mahkamah. Malangnya ini tidak dilaksanakan. Sebab kelalalan itulah UMNO hari ini tidak lagi wujud di sisi undang-undang.

Jelas bahawa isu utama Tengku Razaleigh dan sahabat-sahabatnya sesudah UMNO mati ialah, mengapakah kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir tidak menyelamatkan parti itu menerusi penggunaan Seksyen

70 Akta Pertubuhan 1966 yang berbunyi seperti berikut:

Menteri boleh, menurut budibicaranya, dengan bertulis mengecualikan mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta ini daripada segala atau mana-mana jua daripada peruntukan Akta ini.

Tengku Razaleigh juga mendesak Datuk Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 supaya UMNO boleh dihidupkan semula.

Kedua-dua cadangan Tengku Razaleigh itu membuktikan bahawa beliau tidak mahu mengakui bahawa UMNO mati akibat pengheretan parti itu ke mahkamah. Beliau tidak mahu menerima kenyataan bahawa kumpulan 11 yang sebenarnya kelihatan menjadi "pembunuh" UMNO.

Kumpulan Tengku Razaleigh menafikan dakwaan yang merekalah yang bertanggungjawab membunuh UMNO. Orang yang membuat andaian seperti ini dikatakan golongan yang mungkar.

Kalau begitulah keadaannya, kenapakah Tengku Razaleigh menimbulkan masalah Seksyen 70 Akta Pertubuhan? Kenapa dikatakan bahawa UMNO mati akibat kelalaian kepimpinan Kerajaan kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad?

Kenapa dijadikan isu kononnya Presiden UMNO itu sengaja mengupah peguam untuk menggunakan Seksyen 12(3) Akta Pertubuhan 1966 yang menggariskan seperti berikut untuk membunuh UMNO?:

Jika sesuatu pertubuhan berdaftar menubuhkan suatu cawangan dengan tiada terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar maka pertubuhan berdaftar itu dan cawangan yang ditubuhkan demikian itu hendaklah disifatkan sebagai pertubuhan-pertubuhan yang menyalahi undang-undang."

Kenapa Tengku Razaleigh tidak bertanya kepada panel peguamnya - Datuk Rais Yatim, Datuk Harun Idris, Datuk Manan Othman, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin, Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan Puan Marina Yusof - sama ada mereka sedar akan Seksyen 12(3) Akta Pertubuhan 1966 sebelum kumpulan 11 mengheret UMNO ke mahkamah?

Kenapa beliau tidak bertanya kepada penasihat agung, Tunku Abdul Rahaman, tentang peruntukan undang-undang itu? Kenapa bila UMNO mati maka dijadikan isu kononnya pemerintahan Datuk Seri Dr. Mahathir sengaja mahu membunuh UMNO? Di mana logiknya isu ini?

Kalau benar Seksyen 70 itu boleh menghidupkan UMNO, kenapa Tunku Abdul Rahman mendaftarkan UMNO MALAYSIA, hanya beberapa hari sesudah UMNO mati? Kenapa tubuhkan UMNO MALAYSIA dengan cepat dan sebaliknya kenapa tidak didesak supaya Kerajaan menghidupkan semula UMNO menerusi Seksyen 70?

Kalau sayangkan UMNO, kenapakah tubuhkan UMNO MALAYSIA dan sebaliknya kenapa tidak terus dengan seberapa segera, merayu ke Mahkamah Agung mengenai hal ini?

Dalam sepucuk surat bertarikh 8 Februari, 1988 yang disertakan dengan borang pendaftaran UMNO 88 ditujukan kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Tingkat 12, Plaza Pekeliling, Jalan Tun Razak, 51990 Kuala Lumpur, untuk perhatian Penolong Pendaftar Pertubuhan Selangor dan Wilayah Persekutuan, Tunku Abdul Rahman berkata:

“Pada 4 Februari, 1988, Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur telah mengisytiharkan UMNO sebagai “an unlawful society” di bawah Seksyen 12 dan 41, Akta Pertubuhan 1966 dan dengan itu, UMNO tidak wujud lagi.”

Perkataan “UMNO tidak wujud lagi” dalam surat tersebut sama dengan yang terkandung di dalam latarbelakang penubuhan UMNO MALAYSIA seperti yang telah dihuraikan di awal bab ini. Juga senada dengan kata-kata Datuk Rais “UMNO sudah tiada” di dalam sidang akhbarinya pada 9 Februari, 1989.

Menerusi ayat “...dengan itu, UMNO tidak wujud lagi”, tidakkah Tunku Abdul Rahman memberi gambaran bahawa kumpulannya, termasuk Tengku Razaleigh sendiri, mengakui bahawa UMNO memang mati, terbunuh ataupun dibunuh di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur?

Tidakkah keyakinan bahawa UMNO memang sudah mati yang menyebabkan Tunku Abdul Rahman menulis dalam surat yang sama seperti berikut:

“Demil memastikan kepentingan orang Melayu dapat dijamin dan terpelihara, satu pertubuhan politik harus ditubuhkan dengan segera.”

Ayat “... satu pertubuhan politik harus ditubuhkan dengan segera”, sekali lagi membuktikan bahawa kumpulan Tunku Abdul Rahman dan Tengku Razaleigh memang mengakui bahawa “UMNO tidak wujud lagi.”

Tidakkah keyakinan bahawa "UMNO tidak wujud lagi" ini juga yang mendorong Tunku Abdul Rahman menggesa pihak Pendaftaran Pertubuhan menerusi surat yang sama, untuk bertindak seperti berikut:

"Kami harap Perlembagaan dan pertubuhan ini dapat didaftarkan oleh pihak Pendaftar Pertubuhan Malaysia dengan seberapa cepat yang boleh." Surat peguam kumpulan Tengku Razaleigh - Shafee & Co. - yang dilampirkan bersama-sama surat Tunku Abdul Rahman dan borang pendaftaran UMNO MALAYSIA juga membayangkan bahawa masalah UMNO yang tidak sah adalah satu perkara yang sah.

Antara lain, surat yang juga dialamatkan kepada Pendaftar Pertubuhan, rujukan S 0000 857 MSA, bertarikh 8 Februari, 1988 itu berbunyi:

"Kami mewakili Badan Penaja penubuhan UMNO Malaysia. Pada 4hb. 1988 Hakim Datuk Harun Hashim sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Malaya telah mengisytiharkan bahawa Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sebagai tidak sah (*sila rujuk Kes No. R8-22-28-87*). Bekas ahli-ahli Persatuan tersebut telah bermesyuarat dan telah menagambil tindakan untuk menubuhkan satu Persatuan yang dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu Malaysia (*UMNO Malaysia*)... kami berharap mendapat jawapan dari pihak puan dengan seberapa segera yang boleh memandangkan perl mustahaknya penubuhan pertubuhan ini."

Surat yang diterima oleh pihak Pendaftaran Pertubuhan pada jam 11 pagi, 8 Februari, 1988 ini membuktikan bahawa peguam Tengku Razaleigh sendiri tidak mempertikaikan masalah kematian UMNO dan tidak juga mempunyai pandangan yang UMNO asal itu boleh diwujudkan semula.

Berdasarkan fakta-fakta di atas, kenapakah bila UMNO MALAYSIA ditolak pendaftarannya dan UMNO Baru pula berjaya didaftarkan, maka Tengku Razaleigh pernah berkata "pihak yang sedang berkuasa tidak membuat sebarang usaha untuk menyelamatkan parti kita daripada dibunuh."

Mengapa tergamak Tengku Razaleigh menghukum kepimpinan hari ini sebagai pihak yang "menghendaki UMNO dimansuh dan dimusnahkan" sedangkan surat Tunku Abdul Rahman sendiri mengakui yang UMNO tidak wujud lagi?

Keluarkah kenyataan ataupun isu sedemikian jika pendaftaran UMNO

MALAYSIA tajaan Tengku Razaleigh diterima oleh pihak Pendaftaran Pertubuhan? Kenapa Tengku Razaleigh terlalu melulu dalam kenyataannya bahawa kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir "tidak mahu menerima hakikat bahawa bangsa Melayu tidak menerima UMNO Baru?" Mungkinkah kenyataan seperti itu terkeluar dan dilafazkan oleh Tengku Razaleigh kalau UMNO MALAYSIA berjaya didaftarkan?

Adakah kerana UMNO MALAYSIA gagal dan UMNO Baru berjaya didaftarkan, maka kumpulan Tengku Razaleigh merayu ke Mahkamah Agung? Menurut edaran yang dikeluarkan kepada para wartawan di satu sidang akhbar yang diadakan di Holiday Inn, Kuala Lumpur pada 20 Februari, 1988, jam 10.30 pagi, kumpulan Tengku Razaleigh membuat rayuan ke Mahkamah Agung atas pengharaman UMNO kerana:

1. Kita tidak mahu UMNO diisytiharkan tidak sah. Kita mahu undang-undang menghindarkan kita daripada dianggap sebagai orang yang mahu UMNO terus berkubur.
2. Kita ingin membuktikan tuduhan-tuduhan bekas Presiden UMNO dan pemimpin lain yang menuduh kita tidak betul.
3. Kita mahu hanya Persidangan Bahagian-bahagian berkenaan dan Perhimpunan UMNO 24 April, 1988 tidak sah. Di dalam mahkamah kita dapat buktikan 65 perwakilan haram yang hadir di Perhimpunan Agung.
4. Kita hendak memastikan Harta Benda UMNO tidak disalah-gunakan dan pindah ke tangan yang tidak berhak.
5. Semuga UMNO lama '46' dapat meneruskan kewujudan dan perjuangan Melayu.
6. Untuk membuktikan bahawa tindakan Pendaftar Pertubuhan meluluskan pendaftaran UMNO Baru adalah langkah dan tindakan yang terburu-buru dengan tidak mengambilkira kemungkinan rayuan ke Mahkamah Agung oleh perayu yang 11. (*Sepatutnya beliau menunggu habis tempoh 14 hari sekurang-kurangnya sebelum membuat keputusan meluluskan pendaftaran sebuah parti yang menggantikan tempat UMNO*). Pendaftar Pertubuhan tidak boleh kata beliau tak tahu akan hak asasi ini.
7. Untuk menahan segala bentuk penganaiyaan yang mungkin dilakukan

oleh pihak-pihak tertentu.

8. Untuk tidak lari dari perjuangan "berani kerana benar, takut kerana salah". Kita tidak bersalah. Bawalah kami ke mana pun.

Usaha merayu ke Mahkamah Agung ini pula menimbulkan beberapa persoalan.

Kenapakah rayuan itu dibuat sesudah UMNO MALAYSIA tajaan Tunku Abdul Rahman gagal dan UMNO Baru berjaya didaftarkan? Mengapa tidak merayu sebaik sahaja UMNO diisytiharkan haram? Mungkinkah rayuan itu dibuat jika UMNO MALAYSIA yang berjaya didaftarkan dan bukannya UMNO Baru? Adakah rayuan itu dibuat semata-mata kerana "kita mahu undang-undang menghindarkan kita daripada dianggap sebagai orang yang mahu UMNO terus berkubur", ataupun kerana rasa marahkan UMNO Baru yang didaftarkan?

Mengapakah alasan-alasan yang disenaraiakan bercanggah dengan isi surat Tunku Abdul Rahman yang dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan sewaktu mendaftarkan UMNO Malaysia yang mengatakan "...dengan itu, UMNO tidak wujud lagi?"

Soalan-soalan di atas yang timbul berdasarkan alasan-alasan yang dikemukakan untuk rayuan ke Mahkamah Agung, jelas membuktikan bahawa segala alasan tersebut, kelihatannya adalah berlandaskan politik.

Kalau tidak, sekali lagi harus ditanya, kenapakah rayuan itu cuma diketengahkan sesudah kira-kira dua minggu sesudah UMNO mati, kira-kira duabelas hari sesudah penubuhan UMNO MALAYSIA yang ditolak pendaftarannya dan lima hari sesudah Tengku Razaleigh mengadakan sidang akhbar mengenai penolakan pendaftaran UMNO MALAYSIA pada 15 Februari, 1988?

Orang Melayu dan penyokong Parti Semangat 46 umumnya, mungkin tidak diberitahu oleh pihak pemimpin Parti Semangat 46 mengenai perkembangan-perkembangan seperti di atas. Mungkin juga analisis seperti di atas tidak dapat dibuat oleh kerana maklumat mengenainya sengaja di tenggelamkan.

Maka, purak-purandalah orang Melayu diracuni isu-isu mengenai pengharaman UMNO seperti yang telah diterbitkan oleh Tengku Razaleigh dan kumpulannya itu.

Baik dalam Pilihanraya Kecil Parlimen di Johor Bahru, mahupun

dalam Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri di Parit Raja, isu kononnya Datuk Seri Dr. Mahathir yang membunuh UMNO dan enggan menghidupkan UMNO asal menerusi penggunaan undang-undang, diberi nafas baru dan perspektif yang bercelaru.

Akibatnya, orang Melayu menjadi lebih haru-biru. Bersama-sama keharu-biruan orang Melayu itu, tenggelamlah isu menentang kemungkaran fasa satu yang dilancarkan oleh Tengku Razaleigh menjelang pemilihan Presiden UMNO pada tahun 1987.

Sebaliknya, bersama keharu-biruan itu, emosi Melayu di dodoikan dengan nada fantasi Tengku Razaleigh, kononnya UMNO asal boleh dipulihkan semula. Maka, bercakaranlah Melayu sesama Melayu dalam peringkat yang seluas-luasnya - menjangkau batasan-batasan famili, jiran dan tetangga.

Di beberapa negeri yang menjadi kubu kuat UMNO, khususnya di Johor, keadaan haru-biru dan purak-puranda politik Melayu sesama Melayu itu pun menjadi seperti kekemelutan politik Melayu sesama Melayu - politik Melayu UMNO dan politik Melayu PAS - di Kelantan ataupun Terengganu.

Siapa punya angkara keadaan ini boleh berlaku? Adakah akibat kononnya Datuk Seri Dr. Mahathir sengaja membunuh UMNO ataupun angkara golongan yang berselindung di sebalik kumpulan 11 dan akibat UMNO MALAYSIA tajaan Tengku Razaleigh gagal didaftarkan?

UMNO TETAP UMNO

UMNO TETAP UMNO

UMNO tetap UMNO. Penubuhannya dalam tahun 1946 adalah mercu kepada kebulatan tekad perjuangan Melayu pra-merdeka. Pendeknya, kelahiran UMNO adalah lambang kejituan hasrat perjuangan seluruh umat Melayu Semenanjung yang dahagakan pembelaan dan keadilan di zaman kolonial. Satu kertaskerja mengenai Kepimpinan Melayu Johor - Kesinambungan Perjuangan Bermartabat yang dibentangkan pada 18 Disember, 1988, merumuskan kelahiran UMNO seperti berikut:

“Dalam keadaan masyarakat Melayu berada di ambang kehilangan martabat dan terputus akar keperibadian bangsanya turun temurun, Datuk Onn tampil ke hadapan menerokai usaha raksasa menyatupadukan umat Melayu dalam satu panji-panji politik yang gagah yang dikenali dengan nama PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU atau UMNO. Ini menjadi lambang manifestasi kebulatan tekad seluruh perjuangan Melayu sepanjang abad.”

Rumusan di atas jelas membuktikan bahawa UMNO itu lahir setelah Melayu bersatupadu, setelah Melayu benar-benar mahukan satu rupa bangsa yang kuat dan satu negara yang selamat. UMNO lahir sebagai pembela kepada martabat Melayu yang hampir dihapuskan oleh penjajah.

Menurut pengasas dan Presiden UMNO yang pertama, Allahyarham Datuk Onn Jaafar, sewaktu Kongres Melayu di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1 Mac, 1946, UMNO ditubuhkan kerana:

...Kita hendak meninggalkan dan memelihara maruah serta kesopanan bangsa kita, kita berkehendak supaya tanahair dan bangsa kita ini terselamat dan kuat, kedua-duanya itu hanyalah boleh kuat jika kita bersatupadu... marilah kita tunjukkan dengan persatuan di antara kita, kita berazam hendak menahirkan suatu bangsa yang lebih tegap dan kuat dan boleh berdiri atas kaki sendiri dan mengambil tempat

kita yang sebenar-benar sesuai di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap dan bersatu..”

Maka, dalam ertikata yang lain, UMNO lahir setelah bangsa Melayu mampu menilai erti dan hikmah perpaduan - bersatu teguh, bercerai roboh - dan juga kerana Melayu mahukan kesejahteraan dan ketenteraman, sesuai dengan bangsa yang mempunyai tradisi dan tamadun yang lengkap berakar umbi di bumi ini.

Tradisi dan tamadun Melayu dari seluruh aspek kehidupan, termasuk politik, jelas tercermin sewaktu kecemerlangan Kesultanan Melayu Melaka. Contohnya, Muhammad Yusoff Hashim menulis dalam bukunya Kesultanan Melayu Melaka seperti berikut:

“Seperti kata Parsi: Ar’yat juna bakhsanat sultan Khasad, yakni rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya.”

“Kerjasama dan hubungan antara sepohon pokok dengan akar menjadi analogi yang amat asas dalam tradisi dan falsafah kepimpinan Melayu-Melaka dan mudah untuk difikirkan keunggulannya tetapi cukup praktikal - tanpa akar pokok tidak akan berdiri, tanpa pokok pula, akar tentu tidak dapat hidup! Oleh itu, barulah masyarakat dapat hidup dan kerajaan dapat ditegakkan.”

Prinsip pokok dan akar di zaman pemerintahan Melaka menjadi kesultanan Melayu sebuah kuasa laut yang gagah dan menjadikan Melaka sebuah pusat perdagangan antarabangsa yang masyhur lagi disegani. Pendek kata, prinsip perpaduan seperti akar dan pokok, seperti aur dengan tebing, api dengan kayu dan seperti lagu dan irama inilah yang menjadikan Melayu gagah dan cemerlang. Cara hidup berbudaya seperti inilah juga yang diterapkan ke dalam UMNO sebagai sendi kepada amalan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

Prinsip perpaduan serta hidup berbudaya yang disaingi oleh semangat cintakan bangsa dan tanahair, semangat cintakan kesejahteraan dan kedamaian serta semangat cintakan kedaulatan dan keunggulan bangsa Melayu inilah yang dikatakan sebagai Semangat 46 yang tulen - satu semangat keramat yang penuh hikmah dan satu semangat yang mendorong kelahiran UMNO.

Kalaulah perlembagaan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, satu-

satunya persatuan Melayu yang aktif di zaman pra penubuhan UMNO dan satu-satunya persatuan yang komited dengan penubuhan UMNO boleh dijadikan bahan rujukan, maka Semangat 46 yang tulen adalah seperti berikut:

Perasaan dan semangat bersatupadu.

Perasaan dan semangat kasihkan serta gemarkan bangsa, tanahair dan pergerakan.

Perasaan dan semangat bersetia kepada bangsa, pemerintah, negeri serta pergerakan.

Perasaan dan semangat bekerjasama dan berkhidmat.

Jadi, intisari kepada Semangat 46 tulen adalah semangat bersatupadu, cintakan negara dan bangsa, cintakan pertubuhan yang dianggotai seperti UMNO, semangat bersetia kepada bangsa, pemerintah dan organisasi serta semangat bekerjasama dan sedia berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Berdasarkan semangat yang tulen inilah maka UMNO bercogankatakan BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT. Cogankata ini termaktub dalam perlembagaan UMNO yang mati dari segi undang-undang dan juga termaktub dalam perlembagaan UMNO yang dipulihkan semula menurut kehendak undang-undang.

Justeru itu, jelaslah bahawa Semangat 46 yang tulen, semangat yang melahirkan UMNO itu bukannya satu semangat yang menanamkan kebencian kepada bangsa apatah lagi kepada semangat konfrontasi di kalangan Melayu supaya membenci pemerintah dan kepimpinannya.

Mereka yang berpegang teguh kepada Semangat 46 tulen, mereka yang benar-benar nasionalis, tidak tergamak memfitnah kaum sebangsanya, tidak tergamak merosakkan organisasi yang dianggotainya dan jauh sekali dari melancarkan tindak-laku yang boleh menggugat ketenteraman serta kesejahteraan bangsa, agama serta tanahair. Nasionalis tulen dan pengamal Semangat 46 tulen tidak akan bergerak dengan sombong dan bongkak.

Ciri-ciri kepentingan diri tidak langsung mempunyai ruang dalam perjuangan Semangat 46 yang tulen, setulin-tulinnya. Kekecewaan peribadi juga tidak langsung tergaris sebagai sesuatu yang harus disalurkan sebagai perjuangan parti UMNO yang berfalsafahkan Semangat 46 tulen.

Oleh kerana tiadanya ruang-ruang peribadi dalam perjuangan UMNO,

maka parti tersebut pun menjelma sebagai wadah perjuangan yang mewakili satu masyarakat yang lengkap, masyarakat ibu ataupun masyarakat induk yang menjadi teras masyarakat Malaysia, iaitu Melayu - bangsa yang bermartabat lagi bermaruah.

Oleh kerana UMNO merupakan parti yang teguh milik Melayu yang menjadi induk bangsa Malaysia seluruhnya, maka walau apapun yang terjadi, ianya tetap dipelihara dan dipertahankan. Kalau ianya dibunuh dari segi undang-undang, ia pasti dihidupkan semula kerana Melayu tanpa UMNO adalah umpama lagu tanpa irama ataupun umpama pokok tanpa akar dan aur kehilangan tebing.

Sebab itulah bila UMNO mati pada 4 Februari, 1988, UMNO dihidupkan semula pada 15 Februari, 1988. Usaha ini dibuat seperti kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pada 28 Oktober, 1988, kerana:

UMNO wujud pada hakikatnya dan tidak ada sesiapa yang boleh membuat fitnah, berpura-pura atau secara rasmi mendakwa UMNO tidak ada dan perlu dihidupkan semula. UMNO tidak mati. UMNO bukan makhluk yang boleh hidup dan mati seperti makhluk lain. UMNO adalah pertubuhan yang ditubuhkan mengikut undang-undang. Hanya pendaftarannya sahaja tergugat buat sementara. Segala usaha untuk menghapuskan UMNO gagal.

Oleh sebab UMNO hanya mati dari segi teknikal, maka adalah tepat bila Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan bahawa UMNO yang wujud hari ini, dari segi semangatnya, daripada segi perjuangannya, dari segi perlembagaannya, dari segi keahliannya, adalah UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei, 1946, di Istana Besar, Johor Bahru.

Sebab itu juga, sesudah UMNO dihidupkan semula, Datuk Seri Dr. Mahathir berkali-kali menegaskan seperti berikut:

UMNO ini ialah UMNO, parti yang mewakili orang-orang Melayu semenjak tahun 1946, yang berjuang melawan Malayan Union, yang berjuang mencapai kemerdekaan, yang berjuang untuk mengislah kemerdekaan itu dengan semua keperluan dan hak satu bangsa yang merdeka, yang berjuang untuk meletakkan orang-orang Melayu khususnya sebagai bumiputera yang mempunyai tempat tertentu dalam negara Malaya dan kemudiannya Malaysia. UMNO ialah yang menjadi tulang belakang Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional. Hukuman bahawa UMNO tidak sah adalah perkara teknikal. Pem-

batalan pendaftarannya semula menjadi perkara teknikal juga. UMNO sebagai instrumen perjuangan orang-orang Melayu tidak pernah tidak wujud.

Namun demikian, seperti yang digariskan dalam kertaskerja di Perhimpunan Melayu Johor pada Disember 1988, dalam sejarah manusia sudah menjadi hukum alam bahawa kecemerlangan boleh berubah kepada kepudaran dan kejayaan boleh membabitkan kelunturan dan kegagalan. Dalam pada itu, melalui keinsafan dan penilaian semula, setiap kegagalan boleh mendorong semangat dan usaha untuk memperbaiki dan membina semula kecemerlangan yang lebih mantap. Dalam konteks sebeginilah sejarah UMNO sebagai satu pertubuhan siasah Melayu tidaklah terlepas dari hukum tabii itu. Kejayaan UMNO dapat menerajui negara selama hampir setengah abad tidaklah dicapai tanpa menghadapi cabaran-cabaran dan masalah-masalah dalamannya sendiri dari semasa ke semasa.

Contohnya, dalam dekad 50-an dan 60-an, anggota UMNO berhadapan dengan gugatan demi gugatan dari keretakan kepimpinan UMNO sendiri. Namun demikian, gugatan dan ancaman sedemikian hanya membangkitkan semula kesedaran UMNO dari proses kelesuan yang kerap menular dalam tubuhnya selepas satu-satu tempoh yang aman dan stabil.

Sebagai perbandingan, peristiwa 13 Mei, 1969 telah memaksa Melayu untuk bangkit semula membina tekad baru dan seterusnya mendorong kepimpinan UMNO untuk melaksanakan program memperbaiki kedaifan umat Melayu dalam bidang ekonomi dan sosial seperti yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru.

Perjuangan UMNO dalam tahun-tahun 70-an membolehkan kepimpinan negara terus melaksanakan projek-projek menghapuskan kedaifan ekonomi Melayu yang diwarisi sejak zaman penjajah. Kepesatan perkembangan ekonomi pada dekad ini menjadi latar kepada kemunculan keyakinan diri bangsa Melayu menghadapi cabaran hari muka.

Namun demikian, keghairahan semangat dan kecerahan suasana dalam menghadapi tahun 80-an semacam menjadi petanda kepada penularan semula kelesuan cita-cita perjuangan, dan kemerosotan komitmen siasah Melayu.

Kertaskerja Perhimpunan Melayu Johor menggariskan kelesuan itu seperti berikut:

Kejayaan-kejayaan dalam Dasar Ekonomi Baru tahun 70-an dan awal 80-an semacam memperhebat komplot dalaman atau 'internal intrigue' dalam tubuh UMNO itu sendiri. Golongan yang melihat siasah semata-mata sebagai permainan politik sekarang benar-benar memainkan politik wang, kebendaan dan pilih kasih. Perkembangan-perkembangan seperti ini akhir-akhirnya telah sampai kepada puncak yang mencemaskan apabila keretakan kepimpinan menjadi perpecahan, memulakan proses keruntuhan perpaduan kita, lalu perpaduan yang selama ini menjadi asas dan sumber kekuatan kita bersama.

Puncak kepada angkara "politik semata-mata sebagai permainan politik" inilah yang menjadi salah satu sebab utama terbunuhnya UMNO. Tetapi, oleh kerana UMNO tetap UMNO dan juga kerana Melayu itu UMNO dan UMNO itu pula Melayu, kematian itu tidak harus ditangisi sepanjang zaman. Sebaliknya, kematian itu diberi pembelaan dengan menghidupkan semula UMNO dan bukannya Parti Semangat 46.

Menurut buku cenderamata sempena hari lahir UMNO yang ke 43 tahun di Johor Bahru pada 11 Mei, 1989, UMNO yang dihidupkan semula nampaknya lebih kukuh dan lebih bersemangat dalam perjuangannya menjamin masa depan bangsa Melayu.

Dengan bertambahnya keahlian parti, bermakna UMNO lahir semula sebagai sebuah parti yang terbesar di negara ini. Ia sekali lagi menjadi wadah perjuangan bangsa yang kuat disokong oleh rakyat jelata.

Hakikat di atas diakui sendiri oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir sewaktu menyampaikan ucapan dasarnya di perhimpunan parti tersebut pada 17 November, 1989. Beliau menegaskan:

Tahun 1989 merupakan tahun yang bertuah bagi UMNO. Pada tahun ini kita telah berjaya memulihkan sepenuhnya pertubuhan yang kita semua sayangi, pertubuhan yang begitu berjasa kepada orang Melayu, kepada rakyat Malaysia dan kepada negara Malaysia.

Setelah kita memulihkan parti kita UMNO daripada segi semangat keahlian, pentadbiran dan perlemagaan serta di sisi undang-undang, setelah kita mendapat sokongan daripada sebahagian besar daripada ahli UMNO yang setia, setelah kita mendapat pengiktirafan daripada orang Melayu umumnya dan pengundi Melayu khususnya, seperti yang dibuktikan daripada kejayaan kita dalam beberapa pilihanraya kecil, maka kita telah membukakan pintu parti kita kepada semua bekas ahli

parti yang belum menyertai UMNO dan juga semua orang Melayu lain.

Pengakuan dan kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir itu seharusnya disambut baik oleh seluruh Melayu kerana beliau berpendapat bahawa:

UMNO sahajalah yang mampu memberi perlindungan dan kejayaan kepada orang Melayu dalam negara yang berbilang kaum ini. UMNO sahajalah yang boleh menstabil dan mententeramkan keadaan dalam negara kita Malaysia. UMNO sahajalah yang mampu menjamin keutuhan agama, bangsa dan negara. Sejarah perjuangan orang Melayu membuktikan kebolehan UMNO ini.

Namun demikian, setiap perjuangan memerlukan kesetiaan, komitmen dan pengabdian yang "total" yang menyeluruh. Setiap tindak-laku dalam perjuangan itu pula bukan sahaja harus berlandaskan amalan demokrasi bahkan amalan demokrasi itu pula sewajarnya bersendikan adat, tradisi serta budaya Melayu seluruhnya.

Tuntutan seperti di atas adalah perlu sebagai satu agenda memantapkan lagi perjuangan UMNO ke taraf yang lebih bermartabat. Berlandaskan kepada tuntutan perjuangan yang lebih bermartabat inilah maka Datuk Seri Dr. Mahathir menggariskan seperti berikut:

Kita menjadi ahli parti dengan rela hati. Kita menjadi ahli parti kerana kita percaya kepada perjuangan parti. Kita menjadi ahli parti kerana kita yakin bahawa cita-cita kita ahli UMNO, bahkan cita-cita orang Melayu umumnya, boleh diperjuangkan dan dijayakan melalui gabungan tenaga dalam parti UMNO.

Kemasukan kita dalam parti bermakna kita menerima perlembagaan, tradisi dan cara-cara pentadbiran parti. Walaupun perlembagaan parti, parti tidak boleh mengatasi undang-undang negara, tetapi apabila kita menyertai UMNO sebagai ahli, kita tentulah sanggup meletakkan diri kita di bawah perlembagaan parti. Ini bermakna bahawa kita mengutamakan kepentingan parti dan perjuangannya yang ditentukan melalui suara ramai.

Perbuatan menghancurkan parti kerana kita tidak bersetuju dengan suara ramai, perbuatan membelakangkan jentera parti dan mencari penyelesaian di luar daripada parti, perbuatan menghalang perjalanan parti kerana kita tidak mendapat sesuatu untuk diri sendiri - semua ini menunjukkan kita tidak faham selok-belok berparti dan konsep suara ramai dalam parti yang demokratik.

Memang sewajarnya Datuk Seri Dr. Mahathir menggariskan tuntutan perjuangan seperti di atas kerana dengan semangat baru di dalam jiwa setiap anggota UMNO hari ini sudah tertanam rasa cinta terhadap parti. Cinta itu pula lahir dari satu keinsafan bahawa perpaduan Melayulah yang melahirkan UMNO pada tahun 1946.

UMNO milik Melayu kerana Melayu tanpa UMNO adalah Melayu tanpa martabat. Melayu tanpa UMNO adalah Melayu tanpa wibawa dan maruah. Melayu dan UMNOlah yang telah membawa kesejahteraan kepada bangsa, agama dan tanahair. Oleh itu, kalaulah UMNO hari ini berhadapan dengan krisis, krisis itu adalah krisis Melayu. Kalaulah hari ini UMNO kelihatan berpecah, perpecahan itu juga adalah perpecahan Melayu.

Soalnya sekarang, adakah bangsa Melayu yang bermartabat sanggup mengizinkan martabat dan maruah itu bertukar menjadi lambang perpecahan dan kehancuran Melayu itu sendiri.

Soalnya sekarang, adakah generasi Melayu hari ini akan dicatatkan dalam sejarah sebagai generasi Melayu yang gagal menghormati warisan perjuangan bangsa, generasi yang kehilangan komitmen dan cita-cita yang tinggi?

Maka, atas satu keinsafan bahawa UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO, dan atas dasar kecintaan dan kesetiaan Melayu kepada UMNO, persepsi ataupun tanggapan yang melahirkan kontroversi kesahihan gerakan kebangsaan Melayu hari ini wajib diatasi. Dan, setelah berjaya diatasi segala rintangan, UMNO mesti terus dipelihara dengan komitmen yang maha dalam dan menyeluruh.

SEMANGAT 46 TULEN

SEMANGAT 46 TULEN

PERKATAAN "Semangat 46" kini dijadikan satu senjata yang paling utama dalam proses Melayu lawan Melayu hari ini. Namun begitu, sejarah membuktikan bahawa Semangat 46 yang sedang ditiupkan hari ini adalah berbeza dengan Semangat 46 tulen yang lahir pada tahun 1946.

Semangat 46 yang tulen adalah satu manifestasi perjuangan yang amat keramat kepada bangsa Melayu. Ia lahir dari jiwa bangsa Melayu yang hampir kehilangan maruah dan martabat di tanahair yang dijajah, dipecah dan diperintah oleh golongan kolonialis. Ia juga lahir setelah bangsa Melayu puas hidup berpecah-belah, hidup dipecah-belah, hidup ditindas, hidup derita, hidup sengsara dan hidup dihina di bumi tumpah darahnya sendiri sejak Kesultanan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511.

Memang kesedaran orang Melayu terhadap nasib dan kebaqo'an bangsa dan tanahairnya telah mula muncul sejak sebelum Perang Dunia Kedua. Tetapi, kesedaran itu, menurut Ramlah Adam dalam bukunya "UMNO - ORGANISASI DAN KEGIATAN POLITIK," tidak menyeluruh. Kesedaran serta semangat cintakan bangsa dan tanahair itu tidak merebak ke seluruh negara dan tidak mampu menjelma sebagai satu kuasa politik yang kuat, jitu dan berkesan.

Contohnya, sebelum Inggeris kembali memerintah Malaya pada penghujung tahun 1945, bibit-bibit semangat anti-penjajah ataupun semangat cintakan bangsa, agama dan tanahair memang sudah tersemai. Namun demikian, bibit penentangan itu masih bersifat kedaerahan dan hanya terhad kepada sesuatu golongan sahaja.

Oleh itu, adalah satu hakikat yang nyata bahawa gagasan Malayan Unionlah pendorong utama kepada kebangkitan semangat perjuangan

bangsa Melayu dalam tahun 1946.

Namun begitu, terdahulu dari kejutan yang lahir dari gagasan Malayan Union, bangsa Melayu baru sahaja selesai mengalami dua peristiwa pahit - peristiwa air mata di zaman Jepun dan peristiwa darah di zaman keganasan komunis Bintang Tiga. Peristiwa ini tidak akan dilupakan oleh mereka yang mengalaminya.

Peristiwa airmata di zaman Jepun merakamkan hidup bangsa Melayu yang sentiasa makan ubi kayu. Pagi, sarapan ubi kayu. Tengahari, makan ubi kayu berlaukkan sayur pucuk ubi kayu ataupun pucuk paku. Malam, juga makan ubi kayu. Kalau adapun makanan yang boleh dikatakan istimewa ianya adalah tempe biji getah ataupun "bechun" yang dibuat dari kulit ubi kayu!

Pakaian orang Melayu compang-camping. Jumpa guni, gunilah dijadikan pakaian. Jumpa kantong gandum, kantonglah dibuat baju dan seluar. Kain untuk sembahyang, sama juga dengan kain untuk selimut dan kain untuk berjalan-jalan. Penyakit kudis dan tokak menjadi perhiasan hampir setiap tubuh yang kurus kering kekurangan zat. Penyakit kepialu ataupun "gebelok" mengorbankan ramai anggota masyarakat Melayu.

Shaharom Husain dalam bukunya, "BIOGRAFI PERJUANGAN POLITIK DATUK ONN JAAFAR," menghuraikan penderitaan Melayu di zaman Jepun seperti berikut:

Penderitaan-penderitaan yang ditanggung oleh orang Melayu dalam zaman pemerintahan Tentera Jepun selama tiga tahun delapan bulan itu sungguh memberl keinsafan dan kesedaran kepada mereka, terutamanya di Johor. Kuasa-kuasa asing bermaharajalela melakukan berbagai kekejaman, penindasan dan penganalayaan. Hidup penduduk Tanah Melayu, terutama orang Melayu dalam penderitaan: Kesusahan makanan, pakalan, ubat dan hasil-hasil perusahaan tidak ada pasaran untuk menampung hidup. Masa itu Bintang Tiga komunis mendatangkan berbagai tekanan dan penderitaan tanpa perikemanusiaan.

Bintang Tiga komunis dan juga tentera Jepun tergamak menoda dan memperkosa kehormatan wanita-wanita termasuk gadis-gadis Melayu. Terutama di masa akhir-akhir Jepun hendak tewas peperangan, ramal wanita Melayu di daerah pedalaman di perkosa oleh ahli Bintang Tiga, dan tempat-tempat ibadat seperti masjid dan surau digunakan

untuk bersuka-suka kerana jamuan dengan memotong babi dan minuman keras. Segala peristiwa kotor dan di luar perkemusiaan ini ditanggung oleh orang Melayu, peribumi Tanah Melayu ini.

Kekejaman, kedurjanaan dan kezaliman Jepun inilah yang telah mula menyemarakkan bara perjuangan di dasar jiwa setiap bangsa Melayu, khususnya di Negeri Johor. Namun bara itu menjadi satu api yang liar dan terus membakar dengan kebangkitan secara terang-terang golongan Bintang Tiga sebaik sahaja Jepun menyerah kalah.

Apabila gerombolan Bintang Tiga mula mengganas di Batu Pahat, Johor; di Batu Malim, Pahang; di Ulu Jempol, Negeri Sembilan; serta di Sungai Manik dan Bekor, Perak; orang Melayu mula melihat betapakah bangsanya sendiri dibunuh oleh masyarakat pendatang yang berhasrat menjadikan Tanah Melayu sebagai sebahagian dari tanah besar komunis China.

Di Batu Pahat umpamanya, ramai orang Melayu yang dikuburkan hidup-hidup oleh gerila komunis Bintang Tiga. Ramai orang Melayu yang dipancung kepala oleh gerila komunis Bintang Tiga. Ramai orang Melayu yang direndamkan ke dalam kawah yang penuh dengan air panas menggelelak dan kemudiannya mayat mereka digantungkan ke pokok-pokok pedada di pinggir sungai. Terdapat juga orang Melayu yang dimasukkan ke dalam guni dan kemudiannya perut mereka digeraji dengan gergaji "gorok" sehingga terburai usus dan temboloknya.

Di dalam tempoh yang singkat, banyak tempat yang dikuasai oleh Bintang Tiga dan diletakkan di bawah rejim komunis. Keganasan berlaku di mana-mana. Ramai orang Melayu yang menjadi mangsa, begitu juga dengan Tok Penghulu dan ketua kampung. Kelab Batu Pahat dijadikan sebagai markas untuk melakukan penyiksaan yang langsung tidak berperikemusiaan seperti penggal kepala, rebus dalam air panas, memijak mangsa setelah dipaksa minum buluh sabun dan lain-lain lagi. Malah Pegawai Daerah Batu Pahat sendiri, Encik Ismail bin Datuk Abdullah turut dijadikan mangsa. Penghinaan yang amat dahsyat ialah bila masjid-masjid dijadikan sebagai tempat memotong babi.

Begitulah kata Salmah Sheikh Brix dalam tesisnya mengenai Panglima Salleh yang disediakan untuk Kajian Sejarah Universiti Malaya pada tahun 1977. Beliau mendedikasikan ruang yang panjang lebar mengenai

penderitaan Melayu di zaman gerila komunis Bintang Tiga itu.

Kezaliman Jepun yang lumrah dengan tempeleng, tendang, terajang dan pancung kepala menjadikan bangsa Melayu memendam rasa. Perintah Jepun yang memaksa generasi muda Melayu menyembah matahari terbit menjadikan rasa yang terpendam itu semakin membara. Keganasan gerila komunis Bintang Tiga yang menumpahkan darah bangsa Melayu pula terus membakar semangat perjuangan bangsa Melayu di mana mereka lantas bangun, bertindak, bergerak dan menentang. Sebab itulah, contohnya, orang Melayu di bawah pimpinan Panglima Salleh melancarkan serangan balas terhadap gerila komunis Bintang Tiga di Batu Pahat. Perjuangan ini dijalankan semata-mata demi kasih dan sayang terhadap bangsa dan negara. Perjuangan ini semata-mata untuk menegakkan semula maruah dan martabat bangsa Melayu serta agama Islam.

Angkatan Panglima Salleh itu, walaupun tanpa senjata moden - sekadar menggunakan parang panjang, keris dan pedang - tetap mencatatkan kejayaan demi kejayaan. Perjuangan mereka adalah untuk bangsa dan negara. Perjuangan mereka adalah "demi Allah."

Maka, jelaslah bahawa kebangkitan semangat perjuangan bangsa Melayu yang menyeluruh di Tanah Melayu pada tahun 1946 adalah akibat penderitaan dan kesengsaraan di zaman Jepun, adalah akibat kezaliman gerila komunis Bintang Tiga yang menumpahkan darah bangsa Melayu, dan akibat gagasan Malayan Union yang bertujuan menghapuskan keadulatan Raja-raja Melayu serta menghapuskan martabat dan maruah bangsa Melayu.

Justeru itu, sebaik sahaja akhbar-akhbar Melayu menyiarkan berita-berita mengenai gagasan Malayan Union pada bulan Oktober, 1945, orang Melayu pun terus bangun, bergerak dan bertindak menentang pemerintah Inggeris tanpa takut-takut lagi. Setiap seruan yang disiarkan oleh akhbar-akhbar seperti *Utusan Melayu* pada 16 Oktober, 1946, dan oleh akhbar Majlis serta *Warta Negara* supaya bangsa Melayu menghidupkan kembali persatuan masing-masing di negeri masing-masing, menerima sambutan yang luar biasa.

Seruan supaya persatuan-persatuan itu pula digabungkan menjadi satu jentera penentang penjajah yang paling berkesan, juga disambut tanpa sebarang soal dan bicara. Pokoknya, mulai munculnya gagasan Malayan

Union, bangsa Melayu secara sebulat suara mengambil keputusan bahawa masanya sudah sampai untuk mereka bangun: bersatu teguh, bercerai roboh!

Di Batu Pahat, Johor, Allahyarham Datuk Onn Jaafar yang menjadi Pegawai Daerah pada ketika itu, mengambil dayausaha menyatupadukan orang Melayu di daerahnya menerusi penubuhan Pergerakan Melayu Semenanjung. Persatuan inilah yang kemudiannya menjadi panitia utama dalam menubuhkan UMNO menerusi Kongres Melayu di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1,2,3 dan 4 Mac, 1946.

Oleh kerana perpaduan bangsa Melayu di daerah itu masih belum pudar selepas menghadapi keganasan Bintang Tiga, seruan Datuk Onn supaya orang Melayu bersatupadu di dalam satu pertubuhan telah mendapat sambutan hangat.

Datuk Onn dibantu oleh Panglima Salleh. Mereka berdua menjelajah ke pelusuk kampung untuk menjelaskan kepada orang Melayu bahawa gagasan Malayan Union merupakan satu usaha menghapuskan kekuasaan bangsa Melayu dan merendahkan maruah serta martabat bangsa serta Raja-raja Melayu.

Kempen penerangan yang dijalankan oleh Datuk Onn dan Panglima Salleh di Batu Pahat telah mendorong lebih 120,000 rakyat jelata Melayu di daerah itu menganggotai Pergerakan Melayu Semenanjung yang ditubuhkan pada hari Khamis 3 Januari 1946. Pergerakan tersebut bertujuan menyatupadukan bangsa Melayu dalam satu wadah perjuangan "untuk menggerakkan mereka menentang gagasan Malayan Union" - menentang penjajah.

Maka, coganata "Hidup Melayu" pun mula bergema - lahirnya dari dasar jiwa orang kampung, orang bandar, orang susah dan orang senang. Jeritan slogan yang senada itu mengiringi niat yang sekata. Coganata itu lahir dari jiwa bangsa Melayu yang cintakan bangsa, agama dan tanahairnya.

Pada 10 Februari, 1946, lebih 18,000 suara yang tercetis dari rongga orang Melayu di Batu Pahat menggemakan jeritan "Hidup Melayu" dalam satu perarakan raksasa di Bandar Penggaram. Jeritan yang sama turut menggema di Kota Bahru, Kelantan apabila lebih 36,000 orang Melayu mengadakan perarakan yang sama untuk menentang Inggeris.

Seterusnya, slogan “Hidup Melayu” terus membelah angkasa di merata Semenanjung!

Sewaktu semangat perjuangan bangsa Melayu menjadi kian mem-bakar, Presiden Pergerakan Melayu Semenanjung, Johor Datuk Onn pun mengeluarkan kenyataan menerusi akhbar-akhbar ketika itu. Beliau mencadangkan supaya keseluruhan persatuan dan pertubuhan Melayu di seluruh Semenanjung mengadakan satu kongres untuk menyatupadukan suara mereka dan menggembelngkan tindakan mereka dalam menentang gagasan Malayan Union.

Datuk Onn juga mencadangkan agar satu pertubuhan diwujudkan oleh orang Melayu di seluruh Semenanjung supaya pertubuhan itu menjadi satu wadah yang “total,” yang menyeluruh dan menjadi satu jentera yang paling tersusun lagi berkesan dalam melancarkan penentangan Melayu terhadap Inggeris. Pertubuhan itu, menurut cadangan Datuk Onn, dinamakan Pertubuhan Melayu Bersatu ataupun United Malays Organisation ataupun UMO.

Seruan serta cadangan Datuk Onn mendapat sambutan yang paling menggalakkan dari seluruh tanahair. Maka kongres itupun diadakan di Kelab Sultan Sulaiman selama empat hari, dari 1 hingga 4 Mac, 1946. Di kongres penuh sejarah itulah perkataan UMO dipinda menjadi UMNO, ataupun perkataan Pertubuhan Melayu Bersatu dipinda menjadi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Pokoknya, di kongres tersebutlah parti UMNO yang menjadi panji dan payung martabat serta maruah bangsa Melayu dan Islam mula dirumuskan.

Bertolak dari kongres itulah UMNO dilahirkan. Dan, pada 11 Mei, 1946, UMNO pun lahir secara rasminya di Istana Besar Johor Bahru, Johor. Penyatuan bangsa Melayu di bawah payung dan panji-panji UMNO pimpinan Datuk Onn inilah mercu kepada perjuangan Semangat 46 yang tulen, ataupun semangat cinta dan kasih kepada bangsa, agama dan negara, ataupun semangat nasionalisme Melayu yang tercetus mulai 1946.

UMNO adalah lambang manifestasi kebulatan tekad seluruh perjuangan Melayu sepanjang abad. UMNO adalah mercu kepada perjuangan bangsa Melayu untuk meningkatkan serta memelihara “maruah serta kesopanan bangsa dan agamanya.” UMNO adalah kemuncak kepada perjuangan supaya bangsa Melayu dan Tanah Melayu kuat dan selamat, di

mana keselamatan dan kekuatan itu sebenarnya hanya wujud menerusi perpaduan Melayu.

Semangat perjuangan Melayu yang tercetus sejak zaman airmata dalam pemerintahan Jepun dan sejak zaman darah Melayu dihalalkan oleh gerila komunis Bintang Tiga hingga membawa kepada sejak Inggeris berusaha menghapuskan Raja-raja Melayu dan bangsa Melayu di bumi Melayu inilah, yang dikatakan sebagai Semangat 46 yang tulen - semangat Melayu yang tulen didedikasikan untuk bangsa, agama dan tanahair.

Begitulah latarbelakang kepada kelahiran UMNO dan begitulah juga kisahnya di sebalik kelahiran Semangat 46 tulen. UMNO tetap UMNO dan Semangat 46 tulen tetap menjadi landasan perjuangan UMNO. Kalaulah UMNO itu boleh dikatakan sebagai parti "loyalist" Melayu, maka Semangat 46 tulen adalah falsafah perjuangan "loyalist" Melayu. Semangat 46 tulen bukan milik kumpulan orang Melayu yang menentang bangsanya sendiri kerana Semangat 46 tulen adalah semangat yang tercetus bersama kesedaran kasih, sayang dan cinta murni terhadap Melayu dan Islam.

Berdasarkan hakikat di atas, adalah tidak wajar kalau orang Melayu dikelirukan dan dipesongkan "akidah" politik mereka, semata-mata untuk menggalakkan supaya Melayu bangkit melawan Melayu, atas alasan kononnya kepimpinan Melayu yang berkuasa sekarang tidak menghayati Semangat 46 tulen. Pada waktu yang sama, adalah satu penipuan kalau dikatakan bahawa Semangat 46 yang sedang diheboh-hebohkan sekarang ini merupakan Semangat 46 yang tulen.

Seluruh orang Melayu harus sedar dan insaf, perjuangan yang didakwa sebagai perjuangan Semangat 46 hari ini adalah penuh ranjau, duri dan jerangkap samar. Para penyokong perjuangan ini, kelihatannya semata-mata dijadikan alat oleh sekumpulan orang Melayu yang bercita-cita memperolehi kekuatan bagi menumbangkan kepimpinan Melayu, atas nama dendam dan kecewa!!!

KUMPULAN BEBAS 46

SEHARI setelah kegagalannya merampas jawatan Presiden UMNO pada 24 April, 1987, Tengku Razaleigh telah berikrar menyokong Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Beliau menerima kekalahannya dan menasihati penyokong-penyokongnya supaya menerima keputusan tersebut yang katanya, telahpun dibuat selaras dengan lunas-lunas demokrasi.

Utusan Malaysia 26 April, 1987 melaporkan kenyataan Tengku Razaleigh itu seperti berikut:

"Diminta mengulas kemenangan tipis Datuk Seri Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh menegaskan bahawa kuasa dan kehendak majoriti mesti dihormati."

"Tengku Razaleigh yang pernah menjadi Naib Presiden dan Bendahari UMNO juga menyifatkan ura-ura kononnya beliau dan rakan-rakannya akan menubuhkan sebuah parti baru untuk menentang UMNO. Beliau menyifatkan ramalan-ramalan itu sebagai karut semata-mata."

Berhubung-kait dengan perkara di atas, Tengku Razaleigh juga menegaskan menerusi akhbar yang sama pada tarikh yang sama seperti berikut:

"Saya akan mati sebagai seorang Islam dan sebagai ahli UMNO."

Kenyataan di atas mencerminkan bahawa Tengku Razaleigh adalah seorang demokrat ataupun seorang yang menyanjung tinggi prinsip serta amalan demokrasi. Kenyataan di atas juga membayangkan bahawa beliau akan terus berada di dalam UMNO dan tidak "bercerai-berai" sebagaimana yang dilakukannya hari ini.

Kalaulah kenyataan di atas dilafazkan dengan ikhlas, jujur dan dengan kepentingan UMNO di lubuk jiwa Tengku Razaleigh, mengapakah orang Melayu hari ini masih berhadapan dengan persoalan-persoalan seperti

berikut:

- Mengapakah perkara yang dilafazkan oleh Tengku Razaleigh pada detik-detik kekalahannya berbeza dengan apa yang dilakukannya sekarang?
- Mengapakah usaha Tengku Razaleigh untuk menentang kemungkaran pada tahun 1987 itu, kini berkesudahan dengan kematian UMNO di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari 1988?
- Mengapakah ketewasan Tengku Razaleigh kini melahirkan satu era baru dalam politik Melayu dan dalam politik negara?
- Mengapakah kekalahan itu melahirkan satu sikap konfrontasi antara Melayu sesama Melayu dan juga kebangkitan Melayu menentang Melayu?
- Kenapakah beberapa bulan selepas kekalahan itu, UMNO telah diheret ke mahkamah atas alasan terdapat 30 cawangan yang tidak sah.

Berdasarkan tanda-tanya di atas, kekalahan Tengku Razaleigh dan pengheretan UMNO ke mahkamah telah menjadikan UMNO sebagai satu topik perbualan utama di mana-mana sahaja. Dan, apabila mahkamah menjatuhkan hukum bahawa akibat kewujudan cawangan yang tidak sah, maka UMNO juga menjadi satu pertubuhan yang tidak sah, rakyat jelata, khususnya bekas ahli UMNO, mula memberi reaksi yang semakin hangat, bercelaru dan berbeza-beza.

Golongan yang setia merasakan bahawa kumpulan yang mengheret UMNO ke mahkamahlah yang membunuh UMNO. Golongan "penentang kemungkaran" pula memberi hujah-hujah bahawa pihak berkuasalah yang berdosa di atas kematian UMNO.

Dua-tiga hari sesudah itu, masyarakat Melayu umumnya belum tahu bahawa terdapat dua kumpulan yang telah menubuhkan UMNO. Seperti kata Hambali Latiff dalam bukunya "UMNO BARU MILIK SIAPA":

"Setelah UMNO lama hancur, ada dua kumpulan cuba menubuhkan semula UMNO, iaitu kumpulan yang diketuai oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dan kumpulan bekas ahli UMNO yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman dan Tun Husseln (Tengku Razaleigh dikatakan terbabit sama)."

Parti Datuk Seri Dr. Mahathir dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ataupun UMNO 88, sementara parti tajaan Tunku Abdul Rahman bernama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ataupun

UMNO Malaysia. Pendaftaran kedua-dua parti ini ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan kerana pada waktu yang sama, pendaftaran UMNO yang diharamkan oleh Mahkamah, belum lagi dibatalkan oleh pihak Pendaftar.

Namun demikian, pendaftaran UMNO yang haram, dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan beberapa hari sesudah itu. Sekali lagi, Datuk Seri Dr. Mahathir mendaftarkan sebuah parti bernama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu Baru ataupun UMNO. Perdaftarannya diluluskan pada 13 Februari, 1988.

Dua hari sesudah itu, seluruh orang Melayu terkejut kerana walaupun Tengku Razaleigh dikatakan tidak terlibat dengan penubuhan UMNO Malaysia, tiba-tiba beliau mengadakan satu sidang akhbar pada 15 Februari, 1988 untuk mengumumkan bahawa pendaftaran UMNO Malaysia telah ditolak. Hairan! Tengku Razaleigh tidak terlibat dengan penubuhan UMNO Malaysia, tetapi beliaulah yang mengumumkan penolakan pendaftaran parti itu.

Dalam sidang akhbar itu Tengku Razaleigh antara lainnya menegaskan:

“Adalah suatu hal yang dikesalkan bahawa segala bantahan dan protes yang dibuat sebelum perhimpunan agung parti bulan April, 1987 tentang kewujudan 30 cawangan yang haram telah tidak dipedulikan. Adalah tidak masuk akal bahawa pucuk pimpinan tidak sedar tentang pelanggaran undang-undang yang serius ini yang telah mengakibatkan UMNO dilsyiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang haram.”

Kenapakah Tengku Razaleigh berkata demikian? Adakah kerana pada waktu itu UMNO Malaysia yang ditaja oleh Tunku Abdul Rahman ditolak pendaftarannya sementara UMNO baru pula diterima pendaftarannya? Bagaimanakah bentuk kenyataan Tengku Razaleigh jika pendaftaran UMNO Malaysia itu diterima?

Sewaktu mengemukakan borang pendaftaran UMNO Malaysia, tidakkah Tunku Abdul Rahman menulis sepucuk surat kepada Pendaftar Pertubuhan Wilayah Persekutuan di mana perenggan pertama surat tersebut berbunyi seperti berikut:

“Pada 4 Februari, 1988, Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur telah mengisytiharkan UMNO sebagai “unlawful society” di bawah seksyen

12 dan 41, Akta Pertubuhan 1966 dan dengan itu, UMNO tidak wujud lagi.”

Tidakkah kenyataan seperti itu mencerminkan bahawa kumpulan Tengku Razaleigh juga menerima hakikat bahawa UMNO sudah mati dan matinya adalah akibat UMNO diheret ke mahkamah?

Dalam sidang akhbar yang sama, Tengku Razaleigh juga berkata bahawa beliau:

“Dimaklumkan bahawa kuasa kebjaksanaan di bawah Seksyen 70 dari Akta Pertubuhan boleh digunakan bagi menyelamatkan UMNO bahkan sebelum hal tersebut dibawa ke mahkamah. Malangnya, ini tidak dilaksanakan. Sebab kelalalan itulah UMNO hari ini tidak lagi wujud di sisi undang-undang. Tidakkah ini menakjubkan hingga orang lain pula yang disalahkan?”

Memang “menakjubkan” kerana Tengku Razaleigh yang telah tewas dalam usahanya menentang Presiden UMNO atas alasan menentang kemungkaran, sebelum sidang akhbar pada 15 Februari, 1988 itu, tidak pernah membuat sebarang cadangan tentang penggunaan Seksyen 70 Akta Pertubuhan untuk menyelamatkan UMNO yang telah diheret ke mahkamah. Kenapa buat kenyataan seperti ini sesudah UMNO Malaysia ditolak pendaftarannya dan UMNO dihidupkan semula oleh Datuk Seri Dr. Mahathir?

Adalah seribu kali “menakjubkan,” kerana Tengku Razaleigh yang tahu bahawa masalah 30 cawangan tidak sah itu, kalau benar boleh diselesaikan dengan penggunaan Seksyen 70, tidak pula menyekat ataupun menghalang kumpulan yang jelas simpati kepadanya, dari mengheret masalah berkenaan ke mahkamah.

AKTA

Adalah beribu-ribu kali lebih “menakjubkan” bila cadangan supaya Seksyen 70 itu digunakan untuk menyelamatkan UMNO, sama nadanya dengan gesaan Tunku Abdul Rahman dalam ucapannya berjudol “Selamatkan UMNO” iaitu ucapan resolusi harijadinya yang ke 85 seperti berikut:

“Dalam masalah undang-undang ini, kuasa ada di tangan pemimpin-

pemimpin UMNO untuk membetulkannya, kenapa dibiarkan sampai jadi begini? Sepatutnya pemimpin tertinggi UMNO menasihati Kerajaan supaya mengambil beberapa tindakan yang terbuka untuk mengatasi masalah ini seperti menggunakan kuasanya di bawah Seksyen 70 Akta Pertubuhan yang boleh mengecualikan UMNO bukan sahaja daripada Seksyen 12(3) dan Seksyen 41, tetapi daripada keseluruhan Akta tersebut sekiranya perlu. Jikalau langkah ini diambil, walaupun di saat-saat terakhir sebelum perbincangan bermula, UMNO yang kita cintai akan terselamat. Kenapakah tindakan seperti ini tidak diambil? Sebaliknya, UMNO sengaja dibiarkan diisytihar tidak sah menerusi peguam UMNO sendiri."

Kenyataan Tengku Razaleigh dan kenyataan Tunku Abdul Rahman yang sama nadanya itu mencerminkan wujudnya satu penyelarasan agenda pemikiran di antara kedua tokoh berkenaan. Siapakah yang menyelaraskan agenda pemikiran siapa, memang sukar untuk dipastikan.

Namun begitu, alasan itu kelihatannya seolah-olah telah disediakan lebih awal oleh sekumpulan "think-tank," oleh sekumpulan ahli fikir, yang simpati kepada Tengku Razaleigh. Sama ada alasan-alasan ini dibuat semata-mata dengan tujuan menutup satu rasa "keduwung" ataupun penyesalan yang amat sangat bila UMNO diisytiharkan mati, adalah satu lagi perkara yang sukar ditentukan.

Tetapi, biar apa sekalipun rasional di belakang kenyataan Tengku Razaleigh dan Tunku Abdul Rahman itu, pokoknya, kenyataan itu pun nampaknya terus dijadikan modal utama dalam proses uduh menuduh, bahawa UMNO mati, kononnya atas angkara pucuk pimpinan UMNO dan pucuk pimpinan Kerajaan. Jadi, bila UMNO dipulihkan semula oleh kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir menerusi pendaftarannya pada 13 Februari, 1988, biarpun golongan "loyalist" memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT, puak Tengku Razaleigh, kelihatannya terus dan tetap bertindak menyongsong arus.

Maka, kelahiran semula UMNO pun dipolitikkan dengan penuh tenaga, hebat dan ghairah. Walaupun Datuk Musa Hitam menyeru agar kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir diberi peluang untuk menghuraikan kekusutan, seruan itu nampaknya hanya bergema tanpa lantunan kesan yang positif.

Utusan Malaysia 13 Februari, 1988, melaporkan kenyataan Datuk Musa itu, antara lainnya seperti berikut:

“Datuk Musa menyeru supaya pucuk pimpinan yang ada sekarang diberi peluang meneruskan usaha-usaha mereka memulihkan UMNO demi perpaduan bangsa Melayu. Beliau juga menegaskan bahawa beliau tidak terlibat dalam apa-apa tindakan yang lain daripada usaha hendak memulihkan kredibiliti UMNO.”

Dalam kenyataan yang mengibaratkan masalah UMNO yang haram itu sebagai benang yang kusut, Datuk Musa juga menegaskan seperti berikut:

“Keadaan UMNO sekarang benar-benar kusut tetapi lanya tidak ‘hopeless’ atau ‘lost case.’ Semangat perjuangan UMNO tetap hidup di hati sanubari tiap-tiap ahli UMNO. Benang yang kusut tidak boleh dibetulkan dengan satu pihak menggenggamnya dengan keras dan banyak pula pihak yang lain cuba merampas benang itu berebut-rebut dan dengan cara yang kasar. Hujung dan pangkal benang perlu dipastikan dulu, selepas itu hendaklah dengan tangan yang ‘steady’ dan tidak menggeletar dengan kehairahan dan ketakutan, kekusutan itu diperbetulkan.”

“Datuk Musa juga merayu dan menyeru supaya aktiviti-aktiviti yang boleh menambah kekeliruan dan memecahbelahkan perpaduan di-berhentikan atau sekurang-kurangnya dibekukan sementara waktu. Katanya, ahli-ahli UMNO perlu bersikap bertanggungjawab, tenang dan sabar sementara kekusutan yang sedang berlaku dilatasi. Menurut beliau, bertanggungjawab yang dimaksudkan itu ialah supaya tidak panik atau mengambil apa-apa tindakan terburu-buru atau mengakibatkan keadaan menjadi lebih rumit.”

Tengku Razaleigh tidak langsung menghiraukan seruan Datuk Musa - “rakan” seperjuangannya - seperti di atas. Pada ketika itu, Tengku Razaleigh kelihatannya seperti sudah terlupa akan seruannya sendiri, bahawa orang Melayu harus bersatupadu demi maruah dan martabat bangsanya. Isu pokok dilupakan, isu sampingan pula mula direka dan terus dipolitikkan.

Tengku Razaleigh tetap vokal dengan alasannya bahawa UMNO mati kerana pucuk pimpinan tidak mahu menyelamatkan UMNO menerusi penggunaan Seksyen 70 Akta Pertubuhan. Perang mulut di antara puaknya dan puak Datuk Seri Dr. Mahathir menjadi semakin hangat, semakin sengit, semakin mendebarkan. Tafsiran demi tafsiran tentang mengapa UMNO jadi haram pun tersiar di akhbar-akhbar. Tafsiran kepada tafsiran mengapa UMNO hancur juga tersiar di akhbar-akhbar. Melayu pun terus lawan Melayu dengan serius dan sengit.

Di antara tuduhan yang dilemparkan kepada UMNO yang ada sekarang, ialah parti tersebut tidak menyerupai parti yang lama. Perlembagaannya tidak sama. Itu tidak sama dan ini tidak sama. Pada ketika itu, hampir keseluruhan batang tubuh UMNO yang ada ini disorot dengan perspektif yang negatif. Segala-galanya diwarna-hitamkan sehingga warna itu sendiri menjelma di pemikiran bekas penyokong UMNO sebagai satu bayang hitam yang menyerupai satu gergasi yang lidahnya bercabang empat belas. Bibit-bibit Melayu lawan Melayu pun mula tertanam dan ditanamkan ke jiwa Melayu akar-umbi.

Tengku Razaleigh, nampaknya, terus bertindak negatif. Mungkinkah tindakan beliau itu bertepatan dengan anggapan Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa:

“Kadang-kadang ada orang yang memasuki parti dengan tujuan tidak baik. Biri-biri hitam ini, disebabkan kecewa tidak dapat sesuatu, akan berusaha menghancurkan apa yang dihajatkan itu.”

Tengku Razaleigh tahu di mana letak dirinya yang sebenar dalam hal kematian UMNO ini. Tetapi, adalah sesuatu yang menghairankan, kenapa Tengku Razaleigh mengirinkan sepucuk surat rayuan kepada penyokong-penyokongnya pada 11 Mac, 1988, seminggu sesudah UMNO menjadi haram, yang antara lainnya berbunyi seperti berikut:

“Walau apapun orang lain kata, saya suka menjelaskan bahawa yang penting bagi kita di saat ini ialah supaya semangat perjuangan yang diasas dan didorongkan sejak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 mesti disuburkan dan perpaduan bangsa kita di bawah panji-panji perjuangan ini mesti diperkukuhkan. Segala ikhtiar dan usaha mesti dilakukan untuk memulihkan serta mengekalkan segala-galanya demi kepentingan UMNO 1946 dan maruah bangsa Melayu.”

Apakah yang dimaksudkan dengan Semangat 46 dalam surat itu? Mungkinkah Semangat 46 itu hanya disorot dari perspektif penentangnya sahaja sedangkan penentangan di tahun-tahun 1946 adalah penentangan terhadap bukan Melayu - penentangan terhadap kuasa penjajah.

Apa pula erti “disuburkan”? Adakah ini bermakna bahawa Tengku Razaleigh mahu penyokong-penyokongnya menyuburkan jiwa penentangan supaya bila tiba masanya, mereka boleh digerakkan untuk menentang kekuasaan Melayu di negara ini?

Sebab itukah agaknya maka Datuk Shahrir Abdul Samad mengosongkan kerusi Parlimen yang dimenangi atas tiket Barisan Nasional pada tahun 1986 dan bertanding semula atas tiket bebas "cap kunci" dalam bulan Ogos, 1988?

Maka, Pilihanraya Kecil Parlimen Johor Bahru itu pun menjadi satu-satunya medan pertempuran Melayu lawan Melayu yang paling utama dan paling menguntungkan puak Tengku Razaleigh. Menerusi Pilihanraya Kecil itu juga peperangan Melayu lawan Melayu mula membabitkan Melayu akar-umbi. Angkatan bukan Melayu yang merupakan penentang UMNO juga mula menjajar dan melibatkan diri dalam peperangan Melayu lawan Melayu. Orang Melayu ketika itu nampaknya tidak sedar bahawa apabila yang retak menjadi belah, dan yang belah menjadi musnah, bangsa Melayulah juga yang akan lumpuh dan binasa.

Dalam Pilihanraya Kecil Parlimen Johor Bahru, Tengku Razaleigh kelihatannya mengerahkan seluruh barisan penyokongnya "melanda" bumi Johor Darul Ta'zim, bumi tumpah darah UMNO pada tahun 1946. Selepas merangkul kejayaan di Johor Bahru, Tengku Razaleigh dan sahabat-sahabatnya menjadi lebih yakin bahawa mereka akan memperolehi kemenangan demi kemenangan dalam pertempuran Melayu lawan Melayu selanjutnya.

Beberapa bulan sesudah Pilihanraya Kecil Parlimen Johor Bahru, dengan takdir Tuhan, kerusi Dewan Undangan Negeri Parit Raja, juga di Negeri Johor Darul Ta'zim pun menjadi kosong, berikutan pemergian ke rahmatullah Datuk Syed Zain Al-Shahab. Tengku Razaleigh pun menjadi seolah-olah lebih ghairah. Maka, dalam pilihanraya kecil tersebut, kumpulannya pun membabitkan lebih ramai pemimpin dan lebih ramai orang Melayu akar-umbi menjadi barisan penentang dalam proses Melayu lawan Melayu.

Dalam Pilihanraya Kecil ini, calon bebas "cap ikan" tajaan Tengku Razaleigh mengeluarkan kain rentang dan poster yang mengatakan dirinya mewakili UMNO 46. Mulai Pilihanraya Kecil itulah Semangat 46 yang murni itu, nampaknya dijadikan "topeng-topeng" untuk menutup penyesalan yang amat mendalam kerana kematian UMNO. Mulai Pilihanraya Kecil itulah juga kumpulan Tengku Razaleigh, yang kononnya berusaha untuk menghidupkan semula UMNO asal, telah mengheret

DAP secara terang-terangan ke gelanggang perjuangan Melayu lawan Melayu.

Dalam Pilihanraya Kecil di Parit Raja itu, orang Melayu Johor yang benar-benar memahami perjuangan Semangat 46 tulen, mula melihat satu persembahan "kuda kepang" rentak baru. "Kuda kepang" yang dimaksudkan ialah Semangat 46 dan "pemain-pemainnya" ialah Tengku Razaleigh dan kawan-kawannya.

Bukan senang untuk membuka sesuatu gelanggang kuda kepang. Kalau tersilap langkah, keseluruhan penunggang dan ketuanya sekali akan "mabuk" ataupun "hilang perasaan." Apabila mereka "mabuk" mereka pun menendang dan menerajang ke mana sahaja mereka suka, tanpa mengira sama ada tindak-laku dalam keadaan "mabuk" itu akan membahayakan dirinya dan juga diri serta harta-benda orang lain.

Apabila Barisan Nasional menang di Parit Raja, orang Johor tahu Tengku Razaleigh dan pasukan "jaran" kepangnya sudah tersilap rentak. Kalau tidak, tidak mungkin Tengku Razaleigh tidak tahu bahawa DAP itu penentang UMNO paling utama dan tidak harus berkempen untuk satu kumpulan yang kononnya hendak menghidupkan semula UMNO asal.

Kehadiran DAP di pilihanraya kecil Parit Raja mengingatkan orang Melayu kepada kecaman Tan Sri Osman Saat terhadap parti itu yang dikatakan boleh menggugat kedaulatan bangsa.

Berita Minggu 9 Disember, 1984 melaporkan Tan Sri Osman sebagai berkata seperti berikut:

"Pergerakan DAP lebih merbahaya daripada PAS kerana mereka sentiasa bergerak dalam keadaan yang tidak ketara. Walaupun PAS dianggap merbahaya tetapi pergerakan parti itu masih boleh dikawal kerana kita sedar apa yang mereka sedang dan akan lakukan."

Sementara itu, Tengku Razaleigh pula terlupa akan kenyataannya mengenai DAP seperti yang tersiar dalam *Utusan Malaysia* 11 Ogos, 1986 seperti berikut:

"DAP berlagak seperti jagoh dengan menimbulkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya dijadikan isu tanpa memikirkan reaksi dan bahaya yang akan mengancam negara. Aliran politik ini tidak sihat dan sempit kerana ia boleh melumpuhkan kestabilan politik dan ekonomi negara ini."

Terhiris hati orang Melayu Johor melihat gelagat-laku Tengku Razaleigh di Parit Raja. Justeru itu, mereka pun mula membuka mata dan jiwa masing-masing. Mereka pun bertanya, tidakkah merupakan satu perkara yang ironis, yang sukar untuk dipercayai, bila Tengku Razaleigh yang kononnya mahu menubuhkan semula UMNO asal kini dibantu oleh DAP, sebuah parti yang memang dikenali sebagai penentang utama Barisan Nasional dan UMNO? Sebab itulah, bila calon Barisan Nasional berjaya mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Parit Raja, orang Melayu Johor pun menjadikan kemenangan itu sebagai satu "jambatan perpaduan" untuk membolehkan keseluruhan Melayu Johor yang "dipukau" untuk bermain "jaran" kepong "rentak Tengku Razaleigh," supaya kembali bersatu di dalam keluarga UMNO.

Orang Melayu Johor pun mengadakan satu perhimpunan yang di-naungi penganjurannya oleh Tun Hussein Onn pada 18 Disember, 1988. Tan Sri Haji Mahyuddin bin Haji Mohd. Yassin, Datuk Musa Hitam, Tan Sri Datuk Dr. Haji Abdul Jalil Hassan serta gabungan keluarga persatuan-persatuan Melayu Johor dan anak-anak Johor yang berpengaruh, menganjurkan perhimpunan tersebut dengan satu kesedaran bahawa UMNO itu Melayu dan Melayu itu pula UMNO.

Datuk Shahrir yang memenangi kerusi Parlimen Johor Bahru atas tiket bebas serta calon bebas Dewan Undangan Parit Raja, Haji Hamdan Yahya yang tewas di tangan Barisan Nasional, turut menyumbang peranan yang aktif untuk menjayakan perhimpunan itu.

Orang Melayu Johor pun menghayati kembali perjuangan Semangat 46 yang murni dan tulen. "Topeng-topeng" Semangat 46 yang dipolitikkan oleh Tengku Razaleigh pun mula dilontar dan dimusnahkan. Melayu Johor pun kembali menghayati perjuangan Semangat 46 tulen menerusi UMNO yang ada hari ini. Mereka kembali ke wadah UMNO kerana UMNO tetap UMNO. Mereka kembali ke pangkuan UMNO secara beramai-ramai kerana UMNOlah parti yang sebenar-benarnya memperjuangkan maruah dan martabat Melayu seluruhnya.

Tengku Razaleigh, kelihatannya marah-marah terhadap keputusan Melayu Johor itu. Berbagai tohmah dan dakyah pun diadakan untuk kembali memenangi hati dan jiwa Melayu Johor supaya menyokong perjuangan yang dikatakannya sebagai perjuangan Semangat 46. Beliau

pun terus menjelajah Johor.

Setelah gelanggang perjuangan Melayu Johor "disemah" dari segala "hantu" dan "jembalang," suara-suara pihak yang kononnya pejuang dan hero UMNO 46 mula kelihatan lemah dan tidak bermaya. Kalau adapun yang bersuara, mereka adalah pihak mungkin yang sudah banyak terhutang budi kepada Tan Sri Osman Saat. Tetapi, bila dengan tidak semena-mena Ahli Parlimen Ampang Jaya, Selangor, mengosongkan kerusinya, Tengku Razaleigh pun kembali giat dan lantang dengan suara Semangat 46nya.

Melayu sekali lagi lawan Melayu dengan sengitnya. Pilihanraya Kecil Parlimen Ampang Jaya meletakkan Datuk Harun Idris sebagai calonnya. Beliau menggunakan lambang payung. Penggunaan lambang yang sentiasa bertukar, dari kunci, ikan dan payung ini sudah cukup menyakinkan rakyat bahawa Semangat 46 Tengku Razaleigh adalah 46 bebas. Tidak konsisten dan tidak terikat bentuk perjuangannya. Dalam pilihanraya tersebut, Datuk Harun bukan sahaja disokong oleh DAP, musuh ketatnya dalam tahun 1969, malahan dibantu oleh PAS secara terang-terang buat pertama kalinya.

Tengku Razaleigh sekali lagi menyusun strategi untuk meragut kemenangan. Tetapi, sekali lagi beliau gagal. Kegagalannya semakin teruk. Semangat 46 baru nampaknya semakin dicemuh dan dimomok-momokkan oleh rakyat jelata.

Dalam Pilihanraya Kecil Parlimen Bentong, Pahang sewaktu bulan puasa 1989, kumpulan Tengku Razaleigh tidak bertanding. Namun demikian, puak Tengku Razaleigh nampaknya tetap berkempen. Bukan kempen untuk memulihkan UMNO asal. Tetapi, berkempen untuk calon DAP, mungkin kerana DAP dapat memulihkan UMNO asal! Dalam Pilihanraya Kecil Bentong inilah pertama kalinya DAP meletakkan calon dan nampaknya dapat bantuan kumpulan Tengku Razaleigh. DAP kalah dan Semangat 46 baru pun semakin longlai langkah perjuangannya.

Sesudah Hari Raya Puasa 1989, satu lagi pilihanraya kecil diadakan di Teluk Pasu, Terengganu. Semangat 46 baru tidak meletakkan calon. Kumpulan ini, sebaliknya berkempen untuk calon PAS atas landasan Angkatan Perpaduan Ummah, kononnya. Pas menang dan Semangat 46 baru pun mengeluarkan kenyataan demi kenyataan seolah-olah kemena-

ngan itu adalah kemenangan Semangat 46 baru pimpinan Tengku Razaleigh.

Mulai ketika itu, Tengku Razaleigh dan kumpulannya mulai berkokok semula. Mereka tidak sedar yang merekalah yang sebenarnya kelihatan diperkudakan oleh PAS. Dalam pilihanraya ini, kumpulan Tengku Razaleigh membantu satu puak pembangkang Melayu untuk menumbangkan wakil kekuasaan Melayu, dengan harapan mungkin kemenangan PAS akan dapat memulihkan UMNO lama. Proses Melayu lawan Melayu pun terus digerakkan dengan sepenuh tenaga.

Begitulah gelagat Tengku Razaleigh dan kumpulan bebas yang mendakwa sebagai pengamal Semangat 46 baru. Sehingga ke pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu, ramai pengikutnya di Johor, Perak dan Negeri Sembilan khususnya, telahpun kembali ke dalam UMNO.

Datuk Musa Hitam yang "berkelana buat sementara waktu bersama Tengku Razaleigh" sudah kembali kepada UMNO di awal tahun 1989. Begitu juga dengan orang kuatnya seperti Kadri Sabran dari Mersing, Taufik Tun Ismail dari Sungai Benut, Adam Hamid dari Senai, Hamdan Yahya, calon bebas cap ikan, dari Seri Gading, Haji Tajuddin Rahman dan Yusof Kassim dari Perak dan Ismail Kamat dari Negeri Sembilan, kesemuanya telah kembali ke dalam UMNO bersama pengikutnya.

Tengku Razaleigh tidak mengambil hirau akan perkembangan seperti di atas. Beliau seolah-olah tidak mengerti bahawa dalam perpecahan Melayu, yang akan mengaut untung dari perpecahan itu bukannya Melayu. Maka, Tengku Razaleigh pun terus dengan pendiriannya bahawa "mati hidup semula" pun tidak akan menyertai UMNO. Sebab itulah beliau semakin giat berunding dengan DAP, PAS dan lain-lain parti yang boleh dipengaruhi untuk meneruskan cita-citanya - Melayu lawan Melayu.

Mengapakah Tengku Razaleigh terus bersifat ungkal? Mungkinkah kerana para penasihatnya menyakinkan beliau yang Semangat 46 baru boleh menumbangkan Kerajaan yang ada? Mungkinkah begitu? Atau, Tengku Razaleigh sendiri memanglah seorang manusia yang tidak boleh bergerak bila dirinya merasa kehilangan kuasa? Masalah memperjuangkan UMNO asal, nampaknya cuma satu tipu-helah semata-mata.

PARTI SEMANGAT 46



PARTI SEMANGAT 46

Parti Semangat 46 lahir tanpa Tengku Razaleigh Hamzah sebagai penajanya. Ia juga wujud tanpa Datuk Rais Yatim ataupun Ibrahim Ali. Kelahirannya secara senyap. Penuh misteri.

Parti Semangat 46 dilahirkan ke dunia politik tanahair pada 5 Mei, 1989 oleh beberapa orang penyokong kumpulan bebas Semangat 46 dengan Encik Osman Akhir sebagai presiden penajanya. Tengku Razaleigh tidak terbabit langsung dengan kewujudannya. UMNO pula lahir di Istana Besar Johor Bahru pada 11 Mei, 1946. Presiden penajanya adalah Allahyarham Datuk Onn Jaffar, seorang nasionalis dan intelektual yang disegani pada zamannya.

Kalau dikaji secara terperinci, Parti Semangat 46 kelihatannya lahir dari himpunan kekecewaan demi kekecewaan. Parti Semangat 46 lahir setelah Tengku Razaleigh gagal merebut jawatan Presiden UMNO pada 1987. Parti Semangat 46 lahir sesudah beberapa orang Menteri dan Timbalan Menteri yang dikatakan menyokong Tengku Razaleigh digugurkan dari Kabinet dan pengguguran itu dipolitikkan dengan hebatnya sebagai bukti bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kononnya seorang pendendam.

Parti Semangat 46 lahir setelah Tengku Razaleigh dipetik oleh *Utusan Melayu* 2 Mei, 1987 mengenai pengguguran itu dengan berkata seperti berikut:

Tengku Razaleigh telah pun menduga rakan-rakannya dalam Kabinet yang menyokong beliau berikutan pertandingan dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini akan digugur. Saya sudah menduga perkara ini akan berlaku. Pada mulanya ramai rakan-rakannya dalam Kabinet menyatakan hasrat mereka untuk meletakkan jawatan, tetapi beliau menahan. Saya menahan mereka dari berbuat demikian kerana

memadallah saya seorang sahaja meletakkan jawatan dalam Kabinet. Tujuan beliau menahan rakan-rakannya dari meletakkan jawatan adalah UNTUK MENGUJI PUCUK PIMPINAN sama ada akan mengambil tindakan balas dengan menggugurkan orang-orang yang menentang mereka atau tidak. Adalah ternyata pucuk pimpinan mempunyai sikap tidak sihat dengan menggugurkan Menteri-menteri yang dianggap menentang beliau... Dengan tanpa toleransi dan tidak ada tolaak-ansur dilakukan, BELIAU TIDAK BERTANGGUNG-JAWAB APA-APA YANG BERLAKU DALAM PARTI.

Dalam kenyataan yang sama, Tengku Razaleigh menegaskan azamnya untuk terus berada dalam UMNO, bukannya Parti Semangat 46, seperti berikut:

“Beliau akan terus berjuang dalam UMNO walaupun tidak mempunyai apa-apa jawatan dalam Kabinet demi untuk kepentingan bersama agama dan negara. SAYA AKAN TERUS BERJUANG DALAM PARTI kerana pengikut-pengikut saya juga ramal yang saya tidak perlu bimbang.”

Seterusnya, Parti Semangat 46 lahir sesudah UMNO diheret ke Mahkamah Tinggi dan kemudiannya diisytiharkan haram pada 4 Februari, 1988. Ia lahir sesudah UMNO MALAYSIA tajaan Tunku Abdul Rahman gagal didaftarkan pada 8 Februari, 1988 dan UMNO dihidupkan semula oleh Datuk Seri Dr. Mahathir.

Ia lahir sesudah Kumpulan 11 gagal dalam rayuannya di Mahkamah Agung untuk menghidupkan semula UMNO asal. Ia lahir sesudah kempen untuk mengutip sejuta tandatangan bekas ahli UMNO dilancarkan. Ia lahir sesudah bekas ahli UMNO ditanamkan dengan satu keyakinan yang agak “artificial” di mana kononnya UMNO asal boleh dihidupkan semula.

Parti Semangat 46 menggunakan perlembagaan UMNO dan mendakwa parti itulah sebenarnya UMNO asal dan perjuangannya semata-mata untuk menghidupkan UMNO asal. Tetapi, Parti Semangat 46 bukan UMNO.

Parti Semangat 46 lahir setelah usul persendirian untuk menghidupkan semula UMNO asal yang dibentangkan oleh Tengku Razaleigh di Parlimen ditolak. Parti ini lahir sesudah kumpulan bebas Semangat 46 berbaik-baik dengan pembangkang termasuk PAS, DAP dan PRM berikutan kemenangan calon bebas dalam Pilihanraya Kecil Parlimen Johor Bahru.

Ia lahir sesudah kumpulan itu kalah dalam Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Parit Raja. Sesudah tewas dalam Pilihanraya Kecil Parlimen Ampang Jaya. Sesudah DAP kecundang dalam Pilihanraya Pecil Parlimen Bentong. Dan, sesudah PAS dengan bantuan kumpulan Bebas 46, memenangi Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu.

Segala peristiwa yang mendorong kelahiran Parti Semangat 46 itu kelihatannya berkait rapat dengan sentimen peribadi, ego, keghairahan, kekecewaan dan mungkin rasa kecil hati dan dendam. Jadi, Parti Semangat 46 bukannya UMNO. UMNO lahir setelah orang Melayu hidup ditindas penjajah hampir 500 tahun lamanya. Dari Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun dan Inggeris semula mulai tahun 1511 hingga 1957. UMNO lahir setelah orang Melayu mengalami penderitaan di zaman Jepun. UMNO lahir setelah ramai generasi muda Melayu terpaksa dan dipaksa menyembah matahari terbit di sekolah-sekolah Jepun.

Parti Semangat 46 memang bukannya UMNO. UMNO lahir setelah orang Melayu melihat keganasan dan kezaliman gerila komunis Bintang Tiga yang bermaharajalela sebaik sahaja Jepun kalah perang dalam tahun 1945. UMNO lahir setelah Inggeris membawa gagasan Malayan Union untuk menghapuskan kuasa Raja-raja Melayu dan ketuanan Melayu. UMNO lahir setelah orang Melayu di seluruh Semenanjung sedar dan insaf bahawa perpaduanlah senjata utama ke arah pembebasan bangsa, agama dan tanahair dari belenggu penjajahan, kemiskinan dan penderitaan. UMNO lahir setelah mendapat restu berpuluh-puluh pertubuhan Melayu dari seluruh negara yang berkongres di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1, 2 dan 3 Mac, 1946.

Mungkin latarbelakang kelahiran yang berbeza inilah yang menyebabkan kumpulan bebas Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh, menafikan penglibatannya dengan parti tersebut pada peringkat kelahirannya. Penafian itu nampaknya disengajakan kerana Tengku Razaleigh, seperti dalam kenyataannya di atas, telah pun menyatakan bahawa beliau "akan terus berjuang dalam UMNO."

Sebab itulah Datuk Rais dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan pada 5 Jun, 1989 sebagai berkata bahawa beliau sendiri atau para pemimpin Semangat 46 yang lain, termasuk Tengku Razaleigh, tidak terlibat dalam penubuhan parti itu.

Pada hari berikutnya, Ibrahim Ali juga membuat kenyataan bahawa kumpulannya - kumpulan Tengku Razaleigh - tidak terlibat dengan Parti Semangat 46. Namun demikian, *Utusan Malaysia* 6 Jun 1989 melaporkan beberapa kenyataan tambahan beliau seperti berikut:

“Langkah pihak penaja Parti Semangat 46 menggunakan perlembagaan UMNO asal merupakan langkah yang bijak bersesuaian dengan perjuangan Semangat 46. Saya gembira parti tersebut menggunakan perlembagaan UMNO asal.”

Ibrahim Ali, selanjutnya mendakwa bahawa Parti Semangat 46 ditubuhkan oleh para penyokong Semangat 46 yang mahukan sebuah parti atas nama Semangat 46. Katanya:

“Kami tidak tahu menahu mengenai penubuhan parti itu dan hanya mengetahuinya melalui laporan akhbar-akhbar. Bagaimanapun, kami menyambut baik usaha yang dilakukan.”

Ibrahim Ali juga dilaporkan sebagai berkata bahawa pihaknya - pihak Tengku Razaleigh - akan melihat lebih lanjut perkembangan seterusnya sama ada parti itu boleh dijadikan asas ke arah usaha untuk memulihkan UMNO lama.

Sewaktu menafikan penglibatannya dengan Parti Semangat 46 sebagaimana yang didakwa oleh Timbalan Presiden penajanya, Encik Abdul Wahab bin Abdul Razak, *Watan* 4 Julai, 1989 dengan kepala berita KU LI TIDAK PIMPIN 46 pula melaporkan Tengku Razaleigh sebagai berkata seperti berikut:

“Saya tidak ada kena mengena dengan parti itu. Sehingga kini saya masih belum mengkaji perlembagaan parti itu yang didakwanya mengambil 100 peratus perlembagaan UMNO asal.”

Hari ini, Tengku Razaleigh yang pernah berkata bahawa beliau “akan terus berjuang di dalam UMNO” sudah menjadi Presiden Parti Semangat 46 dengan Datuk Rais sebagai Timbalannya dan Ibrahim Ali pula menyandang jawatan Ketua Pemuda. Mereka tidak menubuhkan parti tersebut. Tetapi, merekalah yang hari ini menjadi penganjur-penganjur utama Parti Semangat 46! Soalnya, mengapa terdapat penafian seperti di atas dan mengapa pula mereka yang kini menerajui Parti Semangat 46?

Adakah penafian seperti di atas bermakna bahawa Tengku Razaleigh, Datuk Rais dan Ibrahim Ali pada peringkat awalnya memang tidak

merancang untuk menubuhkan sebarang parti politik kerana khuatir dikatakan bercanggah dengan azam dan ikrar perjuangannya sebelum itu, atapun merekalah yang sebenarnya merencanakan kelahiran parti pembangkang Melayu yang termuda itu, tetapi secara "baling batu sembunyi tangan?"

Sebab itu ramai orang Melayu yang terkejut dengan kehadiran Tengku Razaleigh dalam Parti Semangat 46. Ini bukan sahaja kerana kenyataannya seperti di atas, malah di detik-detik kekalahannya untuk jawatan Presiden UMNO pada 24 April, 1987, beliau pernah dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* seperti berikut:

"Tengku Razaleigh yang pernah menjadi Naib Presiden dan Bendahari UMNO juga menafikan ura-ura kononnya beliau dan rakan-rakannya akan menubuhkan sebuah parti baru untuk menentang UMNO. Beliau menyifatkan ramalan-ramalan itu sebagai karut semata-mata. Katanya, beliau akan mati sebagai seorang Islam dan ahli UMNO."

Kenyataan Tengku Razaleigh seperti di atas membuktikan bahawa memang banyak perkara-perkara yang tidak konsisten telah timbul sejak beliau kalah dalam pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO. Contohnya:

Tengku Razaleigh bermati-matian menafikan pembabitian beliau dengan Kumpulan 11 yang mengheret UMNO ke Mahkamah Tinggi. Tetapi, adalah satu rahsia terbuka bahawa ramal orang kuat beliau yang menganggotai Kumpulan 11 itu, Hajah Marina Yusof, yang kini Naib Presiden Parti Semangat 46, juga mengakuinya seperti yang dilaporkan dalam *Mingguan Malaysia* 3 April, 1988 seperti berikut:

Bekas Ahli Majlis Tertinggi UMNO lama, Hajah Marina Yusof secara terus-terang mengakui beliau adalah di belakang Kumpulan 11 UMNO lama.

Setelah UMNO haram, Tunku Abdul Rahman mendaftarkan UMNO MALAYSIA pada 8 Februari, 1988. Sekali lagi Tengku Razaleigh dikatakan tidak terbabit dengan parti itu. Tetapi, kenapakah pula beliau sendiri menghadiri mesyuarat penubuhan parti itu seperti yang dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* 10 Februari, 1988. Kenapakah juga beliau sendiri yang membuat satu sidang akhbar pada 15 Februari, 1988 mengenai UMNO MALAYSIA yang gagal untuk didaftarkan?

Ketiganya, mengapakah Kumpulan 11 tidak terus membuat rayuan ke Mahkamah Agung mengenai status UMNO yang haram, sebaik sahaja keputusan itu dilsytiharkan oleh Mahkamah Tinggi pada 4 Februari, 1988? Kenapa terdapat ruang waktu di mana Tunku Abdul Rahman cuba menubuhkan UMNO MALAYSIA?

Setelah rayuan mengenai status UMNO yang haram ditolak oleh Mahkamah Agung, ataupun jika segala proses perundangan untuk menghidupkan UMNO asal gagal, Tengku Razaleigh pernah mengatakan bahawa "Parlimen akan digunakan sebagai senjata terakhir" untuk menghidupkan semula UMNO. Ternyata bahawa usul menghidupkan UMNO asal itu juga ditolak oleh Parlimen. Jadi, kenapa tidak berhenti setakat itu sahaja dan terus menganggotai UMNO yang ada? Kenapa bergerak sebagai kumpulan Bebas Semangat 46?

Sewaktu menganggotai kumpulan Bebas Semangat 46, ura-ura menubuhkan sebarang parti lain sentiasa dinafikan. Menurut laporan *Mingguan Kota* 24 April 1988, Tengku Razaleigh menegaskan: "Apa yang saya lakukan sekarang ialah semata-mata untuk menghidupkan UMNO 46, dan tidak lebih dari itu. Saya tidak akan memihak kepada musuh, dan saya tidak akan menghasut rakyat untuk menentang kerajaan yang wujud sekarang." Pendirian ini amat terpuji. Tetapi, kenapa DAP dibawa berkempen di Parit Raja? Bukankah DAP itu musuh UMNO asal? Kenapa pula berkempen untuk PAS di Teluk Pasu? Tidakkah PAS juga merupakan satu-satunya penentang UMNO yang paling utama?

Segala "inconsistency" ataupun segala percanggahan kata dan perbuatan seperti di atas tidak harus diketepikan dalam menganalisis kelahiran Parti Semangat 46. Percanggahan kata dan laku itu mencerminkan bahawa kelahiran Parti Semangat 46 nampaknya tidak langsung membabitkan kebangkitan massa orang Melayu yang dikatakan oleh kumpulan Tengku Razaleigh sebagai beria-ia sangat hendak menentang apa yang dikatakan sebagai kemungkaran Kerajaan Barisan Nasional.

Parti Semangat 46 yang pada mulanya boleh disifatkan sebagai satu wadah politik yang tidak menentu matlamat kelahirannya, kini diberi nafas baru oleh Tengku Razaleigh. Ia menjadi satu wadah orang Melayu lawan Melayu selaras dengan kenyataan Tengku Razaleigh dalam *Mingguan Kota* 29 Mei, 1988 seperti berikut:

"Bellau kemudiannya menegaskan, jika rayuan-rayuan yang

dikemukakan ditolak dan usaha-usaha yang dijalankan menemui kegagalan mereka akan berbuat apa sahaja untuk kepentingan Melayu di negara ini."

Apakah yang dimaksudkan oleh Tengku Razaleigh dengan "mereka akan berbuat apa sahaja?" Adakah ini selaras dengan kenyataannya dalam *Mingguan Kota* 13 Mac, 1988 seperti berikut:

"...Walaupun undang-undang tidak mengizinkan pembentukan UMNO lama namun jika semangat untuk terus berjuang masih ada, tidak mustahil apa yang dicitakan boleh berjaya."

Begitulah sejarah kelahiran Parti Semangat 46. Kalau kenyataan Ibrahim Ali pada 6 Jun, 1989 seperti di atas boleh diambil kira, maka Parti Semangat 46 ditubuhkan semata-mata atas dorongan para penyokong Semangat 46 "yang mahukan sebuah parti bergerak atas nama Semangat 46."

Sekali lagi, kalaulah kenyataan Ibrahim Ali boleh dijadikan asas analisis, maka Parti Semangat 46 itu dilahirkan cuma sebagai satu wadah "sama ada parti itu boleh dijadikan asas ke arah usaha untuk memulihkan UMNO lama."

Kedua-dua matlamat penubuhan seperti di atas, sungguh terlalu 'basic' dan mudah bentuknya. Tidak seperti UMNO yang lahir dari unggunan rasa cinta dan kasih sayang yang amat mendalam kepada Bangsa Melayu, agama Islam dan Negara. Mudah sungguh matlamat asas kelahiran Parti Semangat 46. Tidak seperti UMNO yang dijadikan saluran orang Melayu untuk menghalau penjajah dan memerdekakan negara, dan tidak seperti UMNO yang dijadikan benteng ketahanan dan ketuanan Bangsa Melayu di negara yang multi-bangsa ini.

Mungkinkah asas penubuhan Parti Semangat 46 yang terlalu 'basic' itu juga mencerminkan apa yang dikatakan sebagai Semangat 46 baru - semangat Melayu lawan Melayu, semangat Melayu berkonflik dengan Melayu dan semangat pembangkang Melayu meminta bantuan parti-parti penentang Melayu untuk menumbangkan ketahanan dan ketuanan Melayu?

Kalau begitulah keadaannya, tidakkah matlamat untuk menghidupkan UMNO asal dan penggunaan perlembagaan UMNO asal sebagai perlembagaan Parti Semangat 46 itu bercanggah dengan Semangat 46 yang tulen - semangat cintakan bangsa, agama, tanahair dan parti, semangat bersetia

kepada bangsa, agama, negara dan parti, semangat yang lahir untuk memulihkan maruah dan martabat bangsa, semangat yang menggerakkan kelahiran UMNO, dan semangat yang menjadi falsafah perjuangan UMNO?

Namun demikian, Parti Semangat 46 adalah parti pembangkang.

Sama tarafnya macam PAS, seperti DAP ataupun PRM. Kepada sesuatu parti pembangkang, sebilangan besar keputusan dan tindakan parti pemerintah adalah salah, tidak sesuai, tidak adil dan berat sebelah. Sebab itu, tugas kebanyakan parti pembangkang kelihatannya cuma mencari kesalahan Kerajaan, memperbesarkan yang kecil, memberi nafas kepada perkara yang remeh dan menjadikan isu dari hal-hal yang sebenarnya "non-issue."

Parti Semangat 46, menurut Tengku Razaleigh, meletakkan Islam sebagai asas perjuangannya. Namun begitu, parti tersebut nampaknya tidak lari dari kerja-kerja mencerca apa sahaja yang boleh dicerca, mempersenda apa sahaja yang boleh dipersendakan dan memperkecil apa sahaja yang boleh diperkecil-kecilkan tanpa mengambil-kira maruah dan martabat Melayu. Lebih dari itu, Parti Semangat 46, nampaknya lebih berminat membincangkan perihal UMNO yang ada hari ini dari menjaga hal dalaman dirinya sendiri.

Pemimpin-pemimpin parti ini kelihatannya terlalu "obsessed" ataupun terlalu ghairah dengan UMNO sekarang. Mereka kelihatannya seperti orang yang sudah bercerai talak tiga. Kelihatannya mereka seperti dijangkiti "sindrom talak tiga!" Tetapi, mereka kelihatan segan-silu untuk rujuk semula kerana tidak mahu melalui proses "cina buta."

Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman, yang pernah melahirkan kesediannya untuk menerajui kepimpinan Parti Semangat 46, merupakan salah seorang tokoh 46 yang prominen dalam perilaku menjadikan isu dari perkara yang bukan isu. Pada awal 1989 contohnya, Tunku Abdul Rahman telah mengatakan bahawa di bawah pemerintahan hari ini rakyat seolah-olah berada di zaman Jepun.

Beliau tidak menghuraikan apakah yang dimaksudkan dengan zaman Jepun. Namun begitu, sebilangan besar rakyat jelata tahu bahawa zaman Jepun adalah zaman yang lumrah dengan tempeleng, tendang dan terajang tentera Jepun kepada anak pribumi Malaya - bangsa Melayu. Zaman

Jepun adalah zaman makan ubi kayu dan sayur pucuk ubi kayu. Zaman Jepun adalah zaman "nyawa di hujung pedang."

Di akhir tahun 1989, Tunku Abdul Rahman pula dilaporkan sebagai berkata bahawa Malaysia hari ini merupakan sebuah "police state," atau sebuah negara polis. *Mingguan Kota* 22 Oktober, 1989 melaporkan Tunku sebagai berkata bahawa pemerintah sekarang ini zalim.

"Memerintah dengan kezallman yang tidak pernah berlaku lagi dahulu."

Tunku Abdul Rahman juga mendakwa bahawa Kerajaan hari ini mengamalkan pemerintahan kuku besi dan dengan adanya Akta Keselamatan Dalam Negeri yang kononnya disalahgunakan maka "berlaku satu darurat baru yang lebih dahsyat daripada komunis."

Kenyataan Tunku Abdul Rahman itu, walaupun katanya diputarbelitkan oleh setengah akhbar, adalah kenyataan Penasihat Agung Parti Semangat 46. Kelogikan kenyataan itu tidak payahlah dipolimikkan. Apa yang dinyatakan oleh Tunku Abdul Rahman adalah jauh bezanya dengan keadaan sebenarnya. Apakah motif di sebalik kenyataan itu?

Adakah kenyataan itu mencerminkan rasa dendam Tunku Abdul Rahman terhadap Datuk Seri Dr. Mahathir? Kalau begitu, tidak mungkinkah kelahiran Parti Semangat 46 itu didorong oleh rasa dendam ataupun kecewa? Perkara dendam tidak mungkin timbul kerana Tengku Razaleigh sendiri pernah dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* 11 Mei, 1987 sebagai menafikan tuduhan seperti itu. Beliau juga dilaporkan oleh *Watan* pada bulan Oktober, 1989 seperti berikut:

"Perjuangan yang didasarkan perasaan kecewa, dendam dan hawa nafsu semata-mata tidak mungkin dapat bertahan lama kerana mustahil rakyat tidak menyedarinya."

Tetapi, kalau masalah percanggahan kata dan perbuatan seperti yang telah dihuraikan di atas boleh dijadikan asas, maka masalah dendam dan kecewa itu memang terbuka luas kemungkinannya dalam sejarah kebangkitan Parti Semangat 46! Dan, hakikat bahawa ramai anggota bebas Semangat 46 kini telah kembali kepada UMNO, bolehkah dijadikan landasan hujah bahawa ramai orang Melayu yang telah "menyedari" keikhlasan perjuangan Parti Semangat 46 itu sendiri?

Sebab itu terdapat ramai orang Melayu yang bertanya sama ada Parti

Semangat 46 akan lahir jika Tengku Razaleigh berjaya menumpaskan Datuk Seri Dr. Mahathir pada 24 April, 1987? Atau pun, akan terbentuklah Parti Semangat 46 kalau UMNO MALAYSIA berjaya didaftarkan pada 8 Februari, 1988?

Tetapi, memang sudah menjadi keistimewaan Tengku Razaleigh, sebaik sahaja beliau menyertai Parti Semangat 46, orang-orangnya pun mula berkempen dengan seriusnya supaya Tengku Razaleigh yang calonkan sebagai Presiden tidak akan ditentang oleh sesiapa. Agaknya, itulah yang dinamakan demokrasi menurut kacamata penyokong-penyokong Tengku Razaleigh!

Bayangan hasrat Tunku Abdul Rahman untuk menerajui parti tersebut seperti yang dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* 20 Jun, 1989 tidak langsung diambilkira biarpun Tunku Abdul Rahman pernah menjadi Presiden penaja UMNO MALAYSIA yang ditolak pendaftarannya, beberapa hari sesudah UMNO menjadi haram. Dalam laporan itu Tunku Abdul Rahman dipetik sebagai berkata seperti berikut:

“Sekiranya Semangat 46 mahukan saya mengetual perjuangan parti, saya bersedia untuk berbuat demikian.”

Kesediaan Tunku Abdul Rahman itu hanya dijawab oleh Tengku Razaleigh dalam laporan yang sama seperti berikut:

“Saya tidak boleh menentukan slapa yang akan mengetual Parti Semangat 46, terpulanglah kepada ahli-ahli parti untuk menentukannya.”

Agaknya memang sudah ditakdirkan Allah bahawa Tunku Abdul Rahman yang kempunan untuk menjadi Presiden UMNO MALAYSIA kini menjadi Penasihat Agung Parti Semangat 46 sementara Tengku Razaleigh yang kononnya tidak langsung terlibat dengan penajaan Parti Semangat 46, kini menjadi Presidennya!

Hidup Parti Semangat 46! Melayu terus lawan Melayu menerusi parti ini. Bagaimanapun parti tersebut yang bertanding dalam pilihanraya buat pertama kalinya, gagal di Tambatan!

Parti pembangkang ini juga membantu calon PAS di Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Sungai Besar Selangor, di bawah panji-panji Angkatan Perpaduan Ummah yang masih belum lulus pendaftarannya. PAS kecundang dan Parti Semangat 46 turut kecundang.

Kegagalan parti tersebut di Tambatan dan keagalannya rakan seperjuangannya di Sungai Besar, adalah manifestasi sokongan rakyat jelata kepada UMNO dan Barisan Nasional. Rakyat sedar bahawa Parti Semangat 46 memang jelas kelihatan menyimpang jauh dari matlamat perjuangannya. Ringkasnya, segala apa yang dicakapkan, kelihatannya, tidak serupa dengan yang dipraktik dan diamalkan.

Bagaimanapun, Parti Semangat 46 tetap mempunyai selera yang besar. Menurut *Utusan Malaysia* 2 Oktober, 1989, parti tersebut akan bertanding di setiap kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dalam Pilihanraya Umum yang akan datang. Tengku Razaleigh optimis akan memenangi sekurang-kurangnya 40 kerusi Parlimen serta 20 kerusi Negeri.

Watan 25 Jun, 1989 merumuskan selera perjuangan Parti Semangat 46 seperti apa yang dikatakan oleh Tengku Razaleigh seperti berikut:

“Cita-cita kita bukan sekadar untuk menjadi barisan pembangkang tetapi untuk mengambilalih teraju pemerintahan negara ini kelak.”

Namun begitu, Tengku Razaleigh bukannya Mat Jenin dan orang Melayu juga bukan Pak Kadok yang sanggup menang sorak biarpun kampung tergadai. Oleh kerana begitulah realitinya, adalah wajar kalau setiap pemimpin dan penyokong Parti Semangat 46 memahami mesej yang ditujukan khusus kepada seluruh orang Melayu oleh *Dewan Masyarakat* Oktober, 1989 seperti berikut:

“Belum pernah rasanya dalam mana-mana Pilihanraya Umum, persoalan masa depan orang Melayu menjadi sedemikian penting. Tidak pernah juga rasanya isu perpaduan Melayu menjadi faktor yang sedemikian ‘cruclal’ bagi masa depan politik negara ini. Tinjau Dewan Masyarakat memperlihatkan beberapa hal yang menakutkan. Sekiranya orang Melayu berpecah belah kali ini: Kuasa politik Melayu akan tercabar. Barisan Nasional mungkin hilang 2/3 majoritinya. Sekurang-kurangnya tiga buah negeri akan jatuh ke tangan pembangkang. DAP akan dapat menawan sekurang-kurangnya empat lagi kawasan pilihanraya di samping mengekalkan kawasan yang sedia ada. Undi Cina akan menjadi faktor penentu lalu MCA dan Gerakan mempunyai ‘trump card’ (*daya tawar-menawar*) untuk membuat tuntutan yang lebih banyak dari UMNO. Sekalipun Angkatan Perpaduan Ummah (APU) menjadi realiti, PAS akan hilang kredibilitinya

untuk selama-lamanya, sementara kemenangan Semangat 46 akan hanya memburukkan keadaan yang sedia ada."

Dewan Masyarakat merasakan orang Melayu harus memikirkan sekurang-kurangnya beberapa perkara:

Apakah orang Melayu memerlukan sebuah lagi parti pembangkang Melayu selain daripada PAS?

Dengan keadaan perpecahan seperti sekarang, siapa pun yang menang akan merugikan orang Melayu. Sesiapa yang sanggup memahami mesej yang tersurat dan maksud yang tersirat dari pengamatan *Dewan Masyarakat* itu pasti akan menjadi lebih insaf akan dirinya sebagai orang Melayu yang mempunyai hanya satu sahaja kuasa yang dibanggakan di negara ini, iaitu kuasa politik. Keinsafan yang diharap-harapkan, seharusnya mencetuskan satu penyesalan dan lantas mendorong satu langkah berani untuk balik ke pangkal jalan.

Sebagaimana yang dihuraikan selanjutnya oleh *Dewan Masyarakat* Oktober, 1989:

"Apabila 180 kawasan Parlimen dan 450 kawasan Dewan Undangan Negeri dipertandingkan dalam pilihanraya kali ini, tidak ada parti yang boleh mendakwa mana-mana kawasan sebagai kawasan selamat, tidak ada kesetiaan total pada mana-mana parti seperti sebelumnya, yang menentukan kemenangan calon mungkin calon itu sendiri. Ini bukan krisis dalam UMNO. Ini juga bukan isu Semangat 46. Atau PAS. Atau HAMIM. INI KRISIS MELAYU."

Tengku Razaleigh mungkin lebih terdorong untuk menafikan bahawa apa yang terjadi kepada orang Melayu hari ini adalah satu krisis. Sebenarnya, kecenderungan ke arah penafian hakikat krisis ini juga merupakan satu krisis, iaitu krisis pemikiran dan penerimaan di kalangan orang Melayu dalam Parti Semangat 46!

**MATLAMAT PERJUANGAN
PARTI SEMANGAT 46**

MATLAMAT PERJUANGAN PARTI SEMANGAT 46

Parti Semangat 46 mempunyai satu daya penarik yang mudah mempengaruhi bekas ahli UMNO. Ia menggunakan perlembagaan UMNO asal dan mendakwa dirinya sebagai UMNO asal. Ciri-ciri ini, pada prinsipnya, adalah murni dan mudah diterima oleh bekas ahli UMNO.

Tetapi, benarkah demikian hakikatnya?

Kalau benarlah begitu, maka seharusnya lah perjuangan parti tersebut bermatlamatkan asas-asas perjuangan UMNO seperti yang termaktub dalam Perlembagaan UMNO yang dipersetujukan dalam perhimpunan agung khas pada 29 September, 1985, seperti berikut:

1. Memelihara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keperibadian Malaysia.
2. Mendukung Perlembagaan Malaysia, Perlembagaan-perlembagaan Negeri dan mempertahankan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya, terutama mengenai Agama Rasmi (*Islam*), Kedaulatan Raja-raja Melayu, Bahasa Kebangsaan (*Bahasa Melayu*), hak-hak asasi manusia dan hak-hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera.
3. Mempertahankan, menegak dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara dan membenarkan kebebasan beragama.
4. Mengawal, memelihara dan mengamalkan pemerintahan demokrasi.
5. Melahirkan satu bangsa yang kuat dan bersatu.
6. Memajukan ekonomi dan kebajikan ahli-ahli, rakyat Melayu dan Bumiputera khususnya dan rakyat Malaysia amnya.
7. Mewujudkan kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan Melayu.

Matlamat perjuangan seperti di atas memang sudah merangkumi segala aspek yang diperlukan oleh Bangsa Melayu khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Jadi, adalah menghairankan bila Parti Semangat 46 mengeluarkan satu lagi set matlamat perjuangannya yang diberi fokus dan huraian mendalam sewaktu Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu di Terengganu dan Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Tambatan, Johor pada bulan Ogos, 1989. Matlamat tersebut adalah seperti berikut:

1. Menguasai majoriti di Parlimen melalui pilihanraya dan memulihkan UMNO 46 bagi meneruskan perjuangan menegakkan Islam sebagai adden dan mewujudkan negara yang adil, makmur dan sejahtera.
2. Berjuang ke arah pimpinan yang terhindar dari unsur-unsur pemecah, diktator dan angkuh. Menegakkan yang makruf, menjauhi yang mungkar.
3. Mempertahankan perlembagaan Negara melalui keluhuran undang-undang, raja berdaulat dan kebebasan kehakiman. Berjuang untuk mengembalikan bidang kuasa mahkamah di semua peringkat.
4. Membanteras kezaliman dan penganaaian politik serta segala bentuk penyelewengan ekonomi seperti rasuah, pilihkasih dan salah-laku.
5. Bertindak meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri dan lain-lain undang-undang tahanan supaya bidang kuasanya dihadkan kepada kesalahan subversif dan komunis sahaja.
6. Memulihkan ekonomi negara melalui pelaksanaan dasar ekonomi yang adil dan saksama.
7. Membela rakyat ke arah pembaharuan dan kesejahteraan dalam semua bidang yang boleh menjadikan Malaysia sebagai negara yang berjaya dan dihormati.

Jadi, yang mana satukah matlamat perjuangan Parti Semangat 46? Yang termaktub dalam perlembagaannya ataupun yang disebarkan di pilihanraya Kecil Teluk Pasu dan Tambatan? Kalau ditinjau dari tindakan dan kegiatannya, jelaslah matlamat yang boleh disifatkan sebagai manifesto pilihanraya itulah yang menggariskan perjuangan Parti Semangat 46. Hal ini begitu menonjol sekali kerana secara umumnya, segala tindak-tanduk pemimpin parti berkenaan kini menjurus ke arah "menguasai majoriti di Parlimen melalui pilihanraya."

Sebab itulah agaknya, maka Parti Semangat 46 menjalin persahabatan dengan penentang-penentang UMNO asal seperti PAS, DAP dan PRM, tanpa menyedari bahawa tindakan itu dengan sendirinya mencanggahi bahagian kedua matlamat pertama partinya iaitu "memulihkan UMNO asal."

Penjurusan perjuangan Parti Semangat 46 ke arah "menguasai majoriti di Parlimen melalui pilihanraya" ini dan percanggahannya dengan usaha "memulihkan UMNO asal" menerusi persahabatannya dengan PAS, DAP dan PRM, jelas membuktikan bahawa penggunaan perlembagaan UMNO asal dan usaha memulihkan UMNO asal itu merupakan umpan mencari pengaruh semata-mata.

Matlamat itu juga boleh disifatkan sebagai umpan - umpan bagi golongan yang mudah dipengaruhi dengan emosi, umpan bagi golongan yang menerima segala apa yang dikatakan tanpa kemampuan membuat perbandingan terhadap apa yang dilakukan oleh para pemimpin Parti Semangat 46 pada keseluruhannya!

Kemungkinan besar Tengku Razaleigh, bila menjalin persahabatan dengan PAS, DAP dan PRM terlupa akan kenyataannya dalam *Mingguan Kota* 24 April, 1988 bahawa:

"Apa yang saya lakukan sekarang ialah semata-mata untuk menghidupkan UMNO 46, dan tidak lebih dari itu. Saya tidak akan memihak kepada musuh, dan saya tidak akan menghasut rakyat untuk menentang kerajaan yang wujud sekarang."

Kata-kata "Saya tidak akan memihak kepada musuh," seperti dalam kenyataan di atas adakah masih boleh dipegang ketulusan niatnya bila Parti Semangat 46 kini terang-terang bersahabat dengan PAS, DAP dan PRM, tiga "musuh" tradisi yang dikenali sendiri oleh Tengku Razaleigh dan lain-lainnya?

Selain dari itu, menurut laporan *Harakah* 15 September, 1989 dengan kepala berita PERJUANGAN 46 UNTUK ISLAM, Tengku Razaleigh telah dipetik sebagai memberitahu satu majlis penerangan Angkatan Perpaduan Ummah di Tanjung Karang, Selangor seperti berikut:

"Perjuangan Parti Semangat 46 mengambil semangat dari perjuangan pada tahun 1946 tetapi perjuangan Parti Semangat 46 adalah lebih luas dari perjuangan UMNO lama kerana ia (46) memperjuangkan

Islam dan umat Melayu... Di majlis yang sama beliau mengulangi penegasannya untuk meletakkan Islam sebagai asas perjuangan Parti Semangat 46.”

Banyak tafsiran boleh diberikan ke atas kenyataan di atas. Pertama sekali “perjuangan Parti Semangat 46 adalah lebih luas dari perjuangan UMNO asal.” Ini bermakna perjuangan UMNO asal yang kononnya hendak dihidupkan semula oleh Parti Semangat 46 itu adalah sempit. Jika demikian tafsirannya, kenapa bermati-matian hendak menghidupkan UMNO asal? Keduanya “meletakkan Islam sebagai asas perjuangan Parti Semangat 46.” Adakah ini bermaksud asas-asas perjuangan UMNO asal seperti yang termaktub dalam perlembagaan UMNO asal yang kini “diciplak” oleh Parti Semangat 46 itu sudah diketepikan? Kalau begitulah realitinya, kenapa pemikiran pengikutnya diyakinkan hari demi hari bahawa Parti Semangat 46 menjadikan asas-asas perjuangan UMNO asal sebagai asas perjuangannya?

Begitulah sebilangan lagi percanggahan atau “inconsistency” yang sering timbul dari kenyataan dan tindakan Tengku Razaleigh sejak UMNO lama diharamkan oleh Mahkamah Tinggi.

Sebagai seorang yang pernah menyandang jawatan tinggi dalam UMNO, Tengku Razaleigh banyak membuat kenyataan mengenai PAS dan DAP, di mana kenyataan-kenyataan tersebut membawa mesej bahawa kedua-dua parti itu tidak wajar menerima mandat rakyat.

Contohnya, *Berita Harian* 14 Januari, 1985 dengan kepala berita PEMIMPIN PAS MENCARI KEPENTINGAN DIRI, telah melaporkan Tengku Razaleigh sebagai berkata dalam kempen pilihanraya kecil Padang Terap, Kedah, seperti berikut:

“Pemimpin-pemimpin PAS hanya memperalatkan Islam untuk merebut kuasa dan bukan untuk perjuangannya. Selepas pemimpin-pemimpin itu mencapai kemenangan, mereka akan meninggalkan perjuangan Islam dan mencari kepentingan diri masing-masing seperti yang telah berlaku di Kelantan. Ketika PAS memerintah Kelantan, tiada sebarang undang-undang, mahupun undang-undang syariah digubalkan. Apa yang berlaku adalah jauh daripada janji-janji parti itu untuk mewujudkan pemerintahan Islam, malah kawasan balak di negeri itu telah digadai. Apabila rakyat sedar dengan janji-janji kosong PAS itu, PAS telah kalah di negeri itu dan sebagai ganti,

Barisan Nasional dipilih. PAS kini ketandusan pemimpin dan akan melakukan apa sahaja, termasuk mengeluarkan 'fatwa-fatwa' bagi menakutkan rakyat untuk kepentingan parti itu sendiri."

Pada 21 September, 1985 pula, *Berita Harian* dengan judul PAS 'BERKHALWAT' BILA PENGARUH HILANG: RAZALEIGH, melaporkan Tengku Razaleigh berkata seperti berikut:

"Pemimpin PAS terpaksa 'berkhalwat' dengan masyarakat bukan Islam bagi mencapai cita-cita politik mereka. Menjelang pilihanraya umum tidak lama lagi (*pilihanraya umum 1986*), pemimpin parti itu mengeluarkan pelbagai fatwa dan membuat kenyataan melulu, tanpa memikirkan kepentingan negara, rakyat dan agama. Sejak akhir-akhir ini, mereka terpaksa 'berkhalwat' dengan masyarakat bukan Islam yang suatu masa dulu dianggap kafir, setelah menyedari pengaruh politik mereka mulai hilang. Kita haluan, haluan mana dan dasar apakah yang diamalkan oleh pemimpin PAS dalam usaha meninggikan syair Islam di negara ini. Sekiranya benar pemimpin-pemimpin PAS memperjuangkan Islam, setiap perbuatan mereka hendaklah patuh kepada hukum Allah. Tetapi, yang mengaibkan kita, mereka tidak takut kepada pembalasan Tuhan, sebaliknya lebih takut mereka kehilangan undi menjelang pilihanraya akan datang."

Di bawah tajuk TENGKU RAZALEIGH MINTA RAKYAT TOLAK PAS, *Utusan Melayu* 21 Jun, 1986 melaporkan Tengku Razaleigh berkata seperti berikut:

"Tengku Razaleigh Hamzah meminta rakyat menyoak perjuangan PAS kerana hanya bertopengkan Islam untuk menipu rakyat. Katanya, dari program pemerintahan PAS di negeri Kelantan beberapa belas tahun lalu, sudah cukup untuk dijadikan bukti bahawa PAS tidak boleh berbuat apa-apa untuk kemajuan rakyat apalagi menjamin seseorang masuk syurga. Katanya, PAS tidak dapat berbuat apa-apa untuk menjamin seseorang masuk syurga, tetapi sebaliknya hanya menggunakan agama Islam untuk menipu orang ramai. Kalau PAS pasti Islam yang boleh jamin seseorang masuk syurga, telah lama saya masuk parti itu. Tetapi sayang, tidak ada seorang pun yang dapat menentukan seseorang itu ahli syurga atau neraka, melainkan Allah. Kerana inginkan kekuasaan, PAS telah memeras-ugut orang kampung bahawa menyertai parti itu boleh masuk syurga dan derma-derma yang diberikan adalah Jihad. Sebenarnya, inilah satu perbuatan peras-ugut orang kampung yang sama dengan yang dilakukan oleh

samseng di bandar-bandar.”

Pada 6 Julai, 1986, dengan kepala berita JANGAN MUDAH TERPENGARUH DAKYAH PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS - RAZALEIGH, *Utusan Malaysia* melaporkan Tengku Razaleigh berkata seperti berikut:

“Tengku Razaleigh mengingatkan rakyat, terutama penduduk luar-bandar, supaya tidak terpengaruh dengan kempen serta dakyah pemimpin-pemimpin PAS yang memburukkan pemimpin dan Kerajaan Barisan Nasional. Pemimpin PAS kehilangan arah sekarang ini dan sanggup melakukan apa sahaja untuk memenangi hati rakyat dan memperolehi kemenangan dalam pilihanraya. Tindak-tanduk mereka tidak hanya memeralatkan agama untuk kepentingan politik mereka, sebaliknya sanggup pula mengkhianati perjuangan parti itu sendiri melalui pakatan dengan kaum-kaum lain seperti yang dilakukan sekarang ini. Pemimpin-pemimpin PAS yang menjelajah ke seluruh tanahair juga sekarang ini sering memutarbelitkan kenyataan mereka terutama apabila berhadapan dengan masyarakat Melayu di kampung dan kaum-kaum lain di bandar. Rakyat sepatutnya tidak terpedaya dengan dakyah-dakyah PAS dan janji-janji manis mereka itu sehingga sanggup pula berubah haluan kerana semata-mata ingin mengubah selera.”

Memang kenyataan-kenyataan di atas dilafazkan oleh Tengku Razaleigh sewaktu beliau berada di dalam UMNO. Tetapi, intisari kenyataan-kenyataan itu masih lagi relevan hingga ke hari ini. Jadi, mengapakah Tengku Razaleigh sekarang, sejak keluar dari UMNO, berbaik-baik dengan PAS?

Cuba renungkan keseluruhan kenyataan di atas pastinya dapat digambarkan sama ada pakatan Parti Semangat 46 dengan PAS dan apa yang dijalankan oleh Parti Semangat 46 itu, benar-benar merupakan suatu perjuangan yang memang perlu, mendesak dan demi bangsa, agama dan tanahair!

Tengku Razaleigh juga pernah membuat berbagai kenyataan mengenai DAP dan sikap chauvisme-perkauman parti tersebut. Beliau pernah menyifatkan DAP menggunakan isu perkauman untuk memancing undi.

Contohnya, *Berita Harian* 11 Ogos, 1986 melaporkan Tengku Razaleigh sewaktu merasmikan persidangan UMNO Cawangan Taman

Desa, Kuala Lumpur berkata seperti berikut:

“DAP berlagak seperti jagoh dengan menimbulkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya dijadikan isu tanpa memikirkan reaksi dan bahaya yang akan mengancam negara. Walaupun parti itu mengaku memperjuangkan perpaduan masyarakat menerusi slogan Malaysia untuk rakyat Malaysia, tekanan yang diberikan mirip kepada perkauman.... Aliran politik seperti ini tidak sihat dan sempit kerana ia boleh melumpuhkan kestabilan politik dan ekonomi negara.”

Tengku Razaleigh pastinya sudah mengetahui sendiri sama ada DAP hari ini sudah tidak lagi sempit aliran politiknya sebelum Parti Semangat 46 memeteraikan satu bentuk persefahaman “sepanjang hayat” dengan DAP. Beliau juga pasti sedar bahawa kenyataannya dalam *Watan* 1989 seperti berikut adalah bercanggah dengan kenyataannya di atas:

“DAP bukanlah sebuah parti yang anti Melayu sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak. Sejarah telah membuktikan bahawa sepanjang kewujudannya DAP tidak pernah menentang hak-hak istimewa yang diberikan untuk orang-orang Melayu. Sikap anti Melayu itu, kalau pun ada hanya pada slogan-slogan sahaja. Tetapi, slogan-slogan itu tidak semestinya benar kerana UMNO juga mempunyai banyak slogan tetapi tidak ada satu pun yang boleh diikuti.”

Bayangkanlah perbezaan kenyataan di atas tadi dengan kenyataan Tengku Razaleigh mengenai DAP pada 11 Ogos, 1986. Benarkah pula UMNO punya banyak slogan dan “tidak ada satu pun yang boleh diikuti”? Kalau benar, kenapa hendak pulihkan UMNO asal? Kalau sebaliknya, tidakkah kenyataan ini menghina UMNO?

Begitulah matlamat perjuangan Parti Semangat 46. Perlembagaan partinya adalah perlembagaan UMNO asal. Asas perjuangannya berlandaskan Islam. Persahabatannya dengan DAP adalah hingga ke akhir hayat. Ke manakah arah orang Melayu di bawah Parti Semangat 46?

Matlamat perjuangan yang kelihatan bercelaru inikah yang hendak dijadikan asas memperjuangkan ketuanan bangsa Melayu, kecemerlangan negara Malaysia dan kemuliaan syiar Islam? Tidakkah mungkin ciri-ciri yang bercanggah ini semata-mata mencerminkan matlamat untuk berkuasa sahaja? Matlamat menyerang kekuasaan Melayu hari ini? Matlamat Melayu perlu melawan Melayu, semata-mata kononnya atas nama pembasmian kemungkaran dan menghidupkan semula UMNO asal?

Nampaknya, matlamat untuk berkuasa ini menjadi lebih jelas bila Tengku Razaleigh dilaporkan oleh *Harakah* 6 Oktober, 1989 bahawa "perjuangan menegakkan UMNO lama bukanlah lagi merupakan perjuangan parti yang utama."

Dalam kenyataan yang dipetik oleh *Harakah* sewaktu merasmikan konvensyen Semangat 46 di Balai Islam, Lundang, Kelantan itu Tengku Razaleigh dilaporkan berkata seperti berikut:

"Pemimpin Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah menegaskan bahawa perjuangan menegakkan UMNO lama bukanlah merupakan perjuangan parti itu yang utama lagi. Apa yang lebih penting, katanya, adalah menegakkan kebenaran bagi menghapuskan kemungkaran politik dan ekonomi yang berterusan. Apalah ertinya kita berjaya menghidupkan UMNO lama, tapi pada waktu yang sama kemungkaran politik dan ekonomi tetap berterusan. Kata beliau, perjuangan untuk menegak kebenaran di bidang ekonomi dan politik adalah penting, maka sebab itu Semangat 46 perlu menghidupkan UMNO lama. Tetapi perjuangan untuk menghidupkan UMNO lama bukanlah perkara pokok."

Kenyataan di atas diperkuatkan lagi oleh Datuk Radzi Sheikh Sheikh Ahmad sebagaimana yang dilaporkan oleh *Watan* 5 Oktober, 1989 seperti berikut:

"Anggota Majlis Tertinggi Semangat 46, Datuk Radzi Sheikh Ahmad mahukan pemimpin dan penyokong parti itu melupakan perjuangan menghidupkan semula UMNO asal. UMNO asal hanya satu mimpi. Semangat 46 tidak harus menoleh ke belakang, sebaliknya memandang ke depan dengan matlamat perjuangan yang lebih progresif... Usaha menghidupkan UMNO asal tidak akan dapat menyelesaikan masalah kemungkaran sekiranya pemimpin yang menerajunya tetap menggunakan dasar yang sama."

Oleh itu, adalah terbukti bahawa sebilangan besar bekas ahli UMNO lama yang terpengaruh dengan perjuangan Tengku Razaleigh, kini sudah tertipu. Mereka mengikut jejak-jejak perjuangan Tengku Razaleigh kerana beliau mati-matian menegaskan mahu menghidupkan UMNO asal.

Hari ini, matlamat itu sudah tidak penting lagi. Hari ini, matlamat itu hanya mimpi. Jadi, tidakkah kenyataan Tengku Razaleigh itu boleh mendorong mereka yang fanatik dengan UMNO supaya kembali kepada

UMNO - UMNO yang wujud sekarang ini? Orang kata, kalau sesat di hujung jalan, kembali ke pangkal jalan. Jadi, kembalilah. Tinggalkan Tengku Razaleigh yang nampaknya ghairah untuk menumbangkan Kerajaan Melayu dan pemimpin Melayu!

Kenyataan Tengku Razaleigh yang tidak lagi menjadikan perjuangan menghidupkan UMNO asal sebagai perjuangan pokok jelas mengandaikan bahawa perjuangan Tengku Razaleigh tidaklah untuk UMNO.

Kenyataan itu juga mengandaikan bahawa keyakinan beliau sempena hari kelahiran UMNO pada 11 Mei, 1989 di Wisma MISC, Kuala Lumpur seperti yang dilaporkan oleh *Mingguan Kota* 29 Mei, 1989 seperti berikut adalah hanya keyakinan palsu dan cakap politik semata-mata:

“Tengku Razaleigh dalam ucapannya yang penuh bersemangat itu melahirkan keyakinan bahawa usaha beliau dan para penyokongnya untuk memulihkan semula UMNO lama akan menemui kejayaan.”

Kalau Tengku Razaleigh mengatakan UMNO mempunyai banyak slogan, tetapi tidak ada yang boleh diikuti, cuba renung slogan ini: HIDUP MELAYU! Renung tepat-tepat. Hayati sedalam-dalamnya slogan itu... HIDUP MELAYU!!!

ANGKATAN PERPADUAN UMMAH

SEMANGAT 46 yang lahir dengan spontan di zaman Allahyarham Datuk Onn Jaafar mulai akhir-akhir 1945 adalah berbeza dengan Semangat 46 yang dicipta oleh Tengku Razaleigh Hamzah sejak awal 1988. Berbeza bukan sahaja dari segi sikap dan ciri kepimpinan yang terdapat pada kedua-dua tokoh tersebut. Tetapi, berbeza juga dari segi latarbelakang kemunculan semangat itu sendiri.

Semangat 46 yang lahir di zaman Datuk Onn adalah Semangat 46 tulen. Semangat 46 yang digerakkan oleh Tengku Razaleigh adalah Semangat 46 baru. Latarbelakang yang mendorong kelahiran Semangat 46 tulen telahpun dihuraikan dalam beberapa bab yang lebih awal dalam buku ini. Begitu juga dengan latarbelakang yang mendorong Tengku Razaleigh menggerakkan Semangat 46 baru.

Semangat 46 tulen lahir sewaktu Melayu bangkit menentang kemungkaran dan kezaliman Jepun, gerila komunis Bintang Tiga dan juga Inggeris. Semangat 46 baru pula ditiupkan sebagai satu senjata, untuk menentang apa yang dikatakan sebagai kemungkaran kepimpinan Melayu hari ini. Semangat 46 baru, nampaknya, dicipta sebagai senjata supaya Melayu lawan Melayu.

Semangat 46 tulen lahir atas rasa cinta dan kasih-sayang kepada bangsa, agama dan tanahair. Semangat 46 tulen juga lahir atas kesetiaan kepada bangsa dan tanahair. Semangat 46 baru pula, kelihatannya digerakkan untuk memusuhi bangsa. Ia bertentangan dengan aspirasi dan cita-cita perpaduan.

Semangat 46 tulen lahir dari budaya Melayu yang murni dan kudus - budaya yang menghargai serta mengamalkan prinsip-prinsip musyawarah, muhibbah, bertolak-ansur, persefahaman dan kesetiakawanan.

Sebaliknya, Semangat 46 baru, kelihatannya lahir dari tindakan saman-menyanan, fitnah-memfitnah, dendam-mendendam dan kecam-mengecam di antara Melayu sesama Melayu.

Matlamat pokok perjuangan Semangat 46 baru bolehlah dikatakan sebagai "menguasai majoriti di Parlimen melalui pilihanraya." Secara khususnya, matlamat Semangat 46 baru ialah berusaha menumbangkan kekuasaan Melayu tanpa mengambilkira langsung nasib dan masa depan bangsa dan negara seluruhnya. Semangat 46 tulen bermatlamat menumpaskan kekuasaan penjajah dan juga menumpaskan keganasan kaum asing yang cuba memusnahkan maruah serta martabat Melayu. Semangat 46 tulen lahir untuk membebaskan bangsa dan tanahair dari kezaliman dan kesengsaraan.

Semangat 46 tulen lahir dari lubok hati, dari keinsafan dan dari kesedaran Melayu yang tidak kenal erti kepura-puraan dan kepalsuan niat dalam perjuangan. Semangat 46 tulen lahir untuk membebaskan bangsa dan tanahair dari kezaliman dan kesengsaraan.

Semangat 46 tulen melahirkan sebuah parti politik yang bernama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, atau PEKEMBAR ataupun UMNO. Semangat 46 baru pula melahirkan sebuah parti politik bernama Parti Semangat 46.

Kelahiran Parti Semangat 46 ini pula mencerminkan satu pendirian yang tidak konsisten di kalangan pemimpin Semangat 46 baru. Contohnya, pada 3 Disember, 1988, seorang pemimpin semangat 46, Datuk Zainal Abidin Zin dilaporkan sebagai berkata bahawa kumpulan itu bukannya berhajat menubuhkan sebuah parti apatah lagi berhasrat untuk memerintah negara.

Semangat 46 tulen dan UMNO lahir untuk mensejahterakan bangsa dan tanahair. Semangat 46 baru dan Parti Semangat 46, nampaknya, lahir untuk memporak-purandakan bangsa dan tanahair.

UMNO bergabung dalam perjuangannya dengan MCA, GERAKAN dan MIC di Tanah Semenanjung. Parti-parti ini bersifat sederhana. Mereka memahami aspirasi UMNO sebagai tulangbelakang pemerintah negara. Parti Semangat 46 pula sekarang ini bergabung dalam perjuangannya dengan PAS dan DAP - dua parti pembangkang yang menentang UMNO secara habis-habisan.

Atas asas-asas inilah maka Semangat 46 baru pimpinan Tengku Razaleigh terbukti amat berbeza sekali dengan Semangat 46 tulen yang wujud di zaman Datuk Onn.

Oleh kerana Semangat 46 yang sedang bertiup kencang sekarang ini bukannya Semangat 46 yang tulen, maka sebab itulah agaknya Parti Semangat 46 itu beranggapan bahawa bekerjasama ataupun bersefahaman dengan PAS atau DAP adalah suatu usaha yang selaras dengan aspirasi Melayu.

Kalau demikianlah keadaannya, agak tepatlah jika ada tuduhan yang mengatakan bahawa Parti Semangat 46 adalah sebuah parti yang bermatlamat menumbangkan kekuasaan Melayu. Tidak salah juga kalau dikatakan bahawa Parti Semangat 46 adalah satu parti pembangkang Melayu yang sedang ghairah merancang untuk menghapuskan pemerintahan Melayu dengan bantuan golongan-golongan Melayu dan bukan Melayu yang memang selama ini berkerja keras untuk menumpaskan Kerajaan yang berteraskan UMNO.

Berdasarkan hujah-hujah di atas, adalah satu perkara yang meleset jika Tengku Razaleigh mengatakan pada 12 Oktober, 1989 bahawa:

Dari segi cita-cita dan falsafah perjuangan Semangat 46 memang tidak ada bezanya dengan UMNO yang ditubuhkan oleh Allahyarham Datuk Onn pada 1946.

Parti Semangat 46 bukannya UMNO. UMNO tetap UMNO. UMNO berlandaskan Semangat 46 tulen, iaitu semangat memusuhi dan menentang penjajah demi martabat dan maruah bangsa, bukannya semangat memusuhi bangsa. Jadi, adalah satu tipu-helah semata-mata, jika ada pihak yang berani mengatakan bahawa Parti Semangat 46 itu serupa dengan UMNO asal.

Jadi, tiada sesiapa yang harus terkeliru dengan kata-kata Tengku Razaleigh bahawa:

Bila tiba masanya nanti dan dengan izin Allah kita berkuasa, maka melalul proses demokrasi dan mengikut saluran halal dan sah, Parti Semangat 46 akan menjelma kembali menjadi UMNO asal, tulen dan sejati.

Apabila Tengku Razaleigh berkata bahawa di samping hasrat dan keinginan untuk memulihkan UMNO asal, usaha "yang lebih utama"

dalam perjuangan partinya ialah menentang kemungkaraan, sama ada UMNO asal dapat dipulihkan semula ataupun tidak; banyaklah tandatanya yang boleh dilemparkan kembali kepada beliau.

Mengapakah beliau kelihatan seolah-olah ragu-ragu terhadap cita-cita memulihkan UMNO asal? Atau, mungkinkah niat menghidupkan UMNO asal itu cuma satu tpu-muslihat? Mengapakah beliau berkata "sama ada UMNO asal dapat dipulihkan semula atau tidak?" Tidakkah ini memberi gambaran bahawa perjuangan Parti Semangat 46 kini seolah-olah terumbang-ambing? Seolah-olah sudah kehilangan prioriti ataupun keutamaan? Tidakkah ini mencerminkan bahawa kerjasama dan persefahaman partinya dengan HAMIM, BERJASA, PAS, DAP dan PRM itu sebenarnya merupakan satu perjuangan ke arah kehancuran kuasa Melayu, bangsa Melayu dan Parti Semangat 46 itu sendiri?

Tidakkah Tengku Razaleigh masih ingat bahawa PAS pernah mengkafirkan orang UMNO dan orang Melayu bukan PAS? Tidakkah Tengku Razaleigh masih ingat bahawa PAS pernah ditumbangkannya di Negeri Kelantan pada 1978?

Orang PAS pastinya belum lupa bahawa sebaik sahaja PAS ditumpaskan di Kelantan, ramai orang PAS yang dicantas dari jawatan penting di dalam sistem pentadbiran negeri itu. Orang PAS juga masih ingat bagaimanakah taktik Tengku Razaleigh sewaktu hendak menumbangkan PAS pada tahun 1978.

Orang BERJASA pula tentu faham bahawa partinya ditubuhkan semata-mata sebagai satu alat untuk menumbangkan PAS. PAS masih ingat hal ini. BERJASA tentunya tidak lupa. Tengku Razaleigh pula telahpun memahatkan sejarah peradu-dumbaan itu di tugu memori perjuangannya di Negeri Kelantan.

Jadi, bolehkah Tengku Razaleigh menerusi Parti Semangat 46 benar-benar dapat bergabung dan bekerjasama dengan PAS oleh kerana PAS pada suatu ketika dulu adalah musuhnya, sementara BERJASA pula adalah senjata yang menguburkan PAS di Kelantan.

Jadi, gabungan dan kerjasama corak apakah yang akan wujud di kalangan Parti Semangat 46, PAS dan BERJASA kalau ketiga-tiga pihak ini sebenarnya mempunyai sejarah permusuhan yang sengit di antara satu sama lain? Berapa lamakah persahabatan itu akan berakhir?

Selanjutnya, corak dan persefahaman yang bagaimanakah yang akan lahir bila Parti Semangat 46, PAS dan BERJASA bergabung pula dengan DAP serta PRM? Semua orang tahu Parti Semangat 46 lahir dari UMNO. Semua orang tahu DAP dan PAS musuh UMNO. Semua orang tahu PAS hendak menegakkan negara Islam. Dan, semua orang tahu DAP tetap menentang penubuhan satu pemerintahan Islam di Malaysia. Orang PAS tentunya tidak akan berkompromi dengan sikap DAP yang menentang kewujudan pemerintahan Islam. Orang PAS tentu belum lupa apa sudah terjadi kepada PAS bila bekerjasama dengan DAP dalam pilihanraya umum 1986. PAS kalah teruk dan DAP pula menambahkan kerusinya di Parlimen.

Hakikat ini tidak boleh dinafikan terutama sekali bila PAS sendiri menerusi tulisan Syed Mior dalam bukunya, PILIHANRAYA 1986, KEKALAHAN PAS, SATU ANALISA, mengakui bahawa:

Pengkhianatan yang dilakukan oleh DAP dengan menakut-nakutkan orang-orang Cina dari mengundi PAS, dan keghairahan PAS mengajak DAP untuk bekerjasama dalam pilihanraya adalah faktor-faktor utama kekalahan PAS.

Maka, terbuktilah bahawa PAS bergabung dengan DAP, PAS yang tewas - pembangkang Melayu yang tewas. Sekarang PAS bergabung dengan Parti Semangat 46 - serpihan UMNO - yang ghairah untuk memenangi hati masyarakat Cina menerusi DAP. Siapa yang akan rugi dalam hal ini? Siapa pula yang akan untung? Sewaktu PAS bergabung dengan DAP, PAS yang rugi dan DAP pula yang untung. Sekarang, bagaimanakah nasib Parti Semangat 46?

Maka, sewajarnya ialah kekalahan PAS dalam pilihanraya umum 1986 itu menjadi satu teladan kepada Parti Semangat 46 tentang betapa pentingnya parti itu kembali ke pangkal jalan sebelum penyokongnya disesatkan dengan lebih jauh, kerana sejarah adalah guru yang terbaik kepada bangsa Melayu dalam menilai nasib dan masa depan generasi yang akan datang.

Mengenai DAP, mungkinkah DAP ikhlas untuk bergabung dengan Parti Semangat 46 - serpihan UMNO - bila ramai pendukung Parti Semangat 46, termasuk Osman Saat pernah mengatakan DAP adalah musuh Melayu, musuh negara. Mungkinkah juga Parti Semangat 46 ikhlas terhadap kerjasamanya dengan DAP?

Berikut adalah di antara contoh-contoh kenyataan anti-DAP oleh beberapa tokoh yang kini berada dalam Parti Semangat 46.

Rakyat mungkin akan menerima nasib yang sama dengan pelarian Vietnam dan Kemboja jika DAP memerintah negara ini. Ini adalah kerana negara akan hancur dan semua pembangunan akan berkecal akibat pergaduhan yang mungkin berlaku setelah DAP berkuasa kelak dengan membawa konsep Malaysian Malaysia yang diperjuangkannya selama ini.

Demikianlah antara kenyataan bekas Menteri Besar Johor, Tan Sri Osman Saat mengenai DAP sewaktu berkempen untuk pilihanraya umum 1978 dulu. Tokoh ini sekarang jadi Ahli Majlis Tertinggi Parti Semangat 46 merangkap Ketua Perhubungan Parti Semangat 46 Negeri Johor.

DAP sudah kehilangan penyokong-penyokongnya kerana mengamalkan dasar perkauman yang keterlaluan. Rakyat di negara ini telah bosan dengan telatah serta tindakan DAP dan peluang mereka untuk mendapat sokongan rakyat dalam pilihanraya akan datang adalah tipis.

Demikianlah antara kata-kata bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Harun Idris mengenai DAP menjelang pilihanraya umum 1982. Datuk Harun kini jadi orang kuat Parti Semangat 46.

Dari contoh-contoh di atas, selesakah DAP terhadap persahabatannya dengan Parti Semangat 46 sekarang? Selesakah pula Parti Semangat 46 dengan keputusannya berkawan dengan DAP?.

Jadi, bagaimanakah satu persefahaman boleh wujud di antara parti-parti yang mempunyai minat yang berkonflik ini. Mukjizat apakah yang terdapat pada Tengku Razaleigh sehingga pihak-pihak "yang setangkai tak sebau" ini boleh menjadi satu gubahan bunga yang sama harumnya dan sama cantiknya.

Tidak mungkinkah isu gabungan dan persefahaman dengan parti-parti seperti di atas sengaja dirancang supaya Parti Semangat 46 dapat memperkudakan parti-parti tersebut supaya Tengku Razaleigh dapat berkuasa?

Namun demikian, tidakkah Parti Semangat 46 yang jauh lebih muda dari lain-lain gabungan pembangkang itu kluatir bahawa dirinya sendiri

yang mungkin menjadi kuda kepada pihak pembangkang yang lebih senior darinya? Contohnya, mengapakah Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang menegaskan dalam *Watan* 20 Oktober, 1989 bahawa:

DAP dan rakyat sedang menggunakan kekuatan Semangat 46 untuk mengubah suasana politik negara serta menggantikan Kerajaan Barisan Nasional.

Kalau DAP tidak berhasrat memperkudakan Parti Semangat 46, kenapa Lim Kit Siang menggesa rakyat "supaya menggunakan kesempatan dalam Pilihanraya Umum akan datang untuk mengubah dasar pentadbiran Barisan Nasional yang tidak adil dan saksama."

Kalaulah benar kebangkitan Parti Semangat 46 ini tidak melemahkan kekuasaan Melayu hari ini, mengapakah DAP berani mengatakan bahawa harapannya untuk memerintah negara adalah semakin cerah berikutan kekemelutan politik Melayu sekarang?

Tidak sedarkah Tengku Razaleigh bahawa PAS berasa beruntung bersama Parti Semangat 46 menerusi apa yang dikatakan sebagai Angkatan Perpaduan Ummah. Kalau tidak, tidak mungkin Yang Dipertua PAS, Haji Fadzil Noor menegaskan dalam *Watan* 16 September, 1989 seperti berikut:

PAS telah dapat menubuhkan banyak cawangannya dalam tempoh yang singkat. Umpamanya, PAS berjaya menubuhkan cawangannya di Johor dan menambahkannya di Kelantan dan juga Sabah. Anggotanya pula bukan sahaja terdiri daripada orang PAS tetapi juga bekas anggota UMNO asal. Semuanya berlaku apabila PAS mengadakan kerjasama dengan Semangat 46. Kita juga difahamkan bahawa Semangat 46 pun tidak menghalang jika ada bekas anggota UMNO menyertai PAS asalkan mereka tidak menyertai UMNO yang ada sekarang.

Jadi, apakah benar Parti Semangat 46 itu mahu menghidupkan UMNO asal bila pihaknya juga tidak melarang bekas anggota UMNO dari menyertai PAS asalkan mereka tidak menganggotai UMNO Baru? Mungkin inilah yang dikatakan sebagai "hanya kayu boleh menumbangkan kayu dan hanya Melayu sahaja yang boleh membinasakan Melayu."

Lupakah orang Melayu dalam Parti Semangat 46 bahawa lebih serius perpecahan Melayu dalam politik, maka akan jadi lebih kuatlah kuasa

politik bukan Melayu dan lebih cepatlah proses kemusnahan kuasa politik Melayu? Apakah hukuman ke atas Melayu yang membinasakan bangsanya sendiri?

Orang Parti Semangat 46 sewaktu berada di dalam UMNO adalah musuh ketat DAP. Lim Kit Siang, secara prinsipnya adalah musuh Tengku Razaleigh sewaktu dalam UMNO. Karpal Singh juga musuh beliau. Lim Kit Siang juga musuh Datuk Harun Idris. Razak Ahmad dari PRM pula musuh ketat Tan Sri Osman Saat.

Individu pembangkang ini sekarang jadi kawan rapat tokoh-tokoh Parti Semangat 46. Jadi, salahkah kalau ada orang mengatakan bahawa Semangat 46 yang dihayati oleh orang Parti Semangat 46 adalah Semangat 46 baru, bukannya Semangat 46 Datuk Onn yang masih terus dihayati dan diperjuangkan oleh UMNO?

Oleh itu, para penyokong Parti Semangat 46 perlu sedar dan insaf, biarpun Tengku Razaleigh menggariskan bahawa "kerjasama dengan PAS adalah gabungan tenaga secara lebih erat, lebih teratur, sistematik dan berdisiplin, manakala persefahaman dengan DAP dan PRM adalah gabungan tenaga secara longgar dan tidak terlalu mengikat," kedua-dua bentuk kerjasama ini adalah untuk menumbangkan kuasa dan pemerintahan Melayu, bukannya untuk menumbangkan kuasa dan pemerintahan penjajah seperti dalam tahun 1946.

Tengku Razaleigh sendiri berkata bahawa "kedua-dua bentuk gabungan tersebut akan kita gerakkan atau kita mobilisasikan menentang kemungkaran politik dan ekonomi yang wujud sekarang." Jelaslah bahawa Parti Semangat 46 menghayati Semangat 46 baru kerana Parti itu sebenarnya dan sememangnya mahu menumbangkan kekuasaan Melayu. Niat dan cita-cita seperti ini mustahil lahir dari seorang yang berjiwa nasionalis seperti Tengku Razaleigh.

Kalaulah Tengku Razaleigh kini sudah tidak lagi berjiwa nasionalis, bagaimanakah dengan orang-orang kuatnya, khususnya orang yang dulu merupakan orang kuat Datuk Musa Hitam, seperti Datuk Rais Yatim, Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan juga Datuk Zainal Abidin Zain? Bagaimana pula kedudukann para nasionalis ataupun para pejuang Semangat 46 tulen di peringkat akar-umbi yang sudah terbabas mengikut Tengku Razaleigh? Tidakkah sudah tiba masanya untuk

menoleh ke belakang dan kembali ke pangkal jalan?

Mereka harus sedar sekarang bahawa gabungan Parti Semangat 46 dengan PAS akan menguntungkan PAS. Begitu juga gabungan Parti Semangat 46 dengan DAP, tetap akan menguntungkan DAP.

Contoh terbaru mengenai hal ini adalah seperti yang dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* 24 November, 1989 seperti berikut:

....Tengku Razaleigh juga mengumumkan manifesto pilihanraya Semangat 46 yang antara lain mendesak supaya Dasar Ekonomi Baru (DEB) selepas 1990 harus berteraskan prinsip pengagihan yang adil dan tidak lagi mengekalkan sistem kuota.

Kita semua tahu bahawa setiap suara yang hendak menghapuskan sistem kuota dalam DEB bukanlah suara Melayu. Kini apa sudah jadi? Apakah hendak dikatakan terhadap Tengku Razaleigh, nasionalis berjiwa rakyat itu bila beliau sendiri mahukan sistem kuota dihapuskan? Itukah agaknya inspirasi yang dihayatinya sejak berlagu bahu dengan PAS dan DAP?

Tergamakkah Melayu yang memahami hasrat dan cita-cita DEB melihat presiden sebuah parti politik Melayu mendesak Kerajaan supaya menghapuskan sistem kuota yang masih lagi diperlukan oleh Melayu dalam proses mencari keadilan sosial dan ekonomi di negaranya sendiri ini?

Tergamakkah Melayu melihat sebuah parti Melayu membantu satu parti pembangkang bukan Melayu untuk menubuhkan pemerintahan Barisan Nasional yang berteraskan UMNO - Melayu - seperti apa yang dilakukan oleh Parti Semangat 46 dalam membantu DAP untuk menubuhkan kekuasaan Barisan Nasional di Pulau Pinang?

Satu lagi contoh terbaru yang seharusnya membuka mata dan hati Melayu yang berada dalam Parti Semangat 46 ialah laporan *Utusan Malaysia* 24 November, 1989 seperti berikut:

Tengku Razaleigh berkata, PAS dan DAP telah memberi restu supaya beberapa pemimpin Gabungan Persatuan Pengelola dan Persatuan Guru Sekolah Cina Malaysia diberi peluang bertanding dalam Pilihanraya Umum akan datang.

Mungkin ramai yang kurang ingat, siapakah mereka di belakang persatuan itu. Cuba imbas kembali, siapakah yang vokal menentang isu

Dasar Pelajaran Negara, isu Bahasa Malaysia dan berbagai isu yang kelihatannya pro-Melayu di negara ini? Parti Semangat 46 yang mendakwa dirinya sama seperti UMNO kini bersahabat dengan golongan seperti ini!

Itulah Parti Semangat 46. Sudah tiba masanya setiap Melayu yang bersamanya kembali ke pangkuan UMNO sebelum mereka turut diheret untuk menggadai kepentingan dan martabat Melayu. Hanya UMNO sahaja parti yang memelihara dan meningkatkan martabat Melayu sekarang.

DAP BUKAN ANTI-MELAYU?



DAP BUKAN ANTI-MELAYU?

BENARKAH dakwaan Tengku Razaleigh Hamzah bahawa DAP bukan anti-Melayu? Wajarkah pula Parti Semangat 46 menjalin "persahabatan yang kekal hingga ke akhir hayat" dengan DAP? Pastikah DAP itu serupa dengan MCA ataupun GERAKAN yang kini menjadi sahabat UMNO dalam Barisan Nasional?

Pertanyaan-pertanyaan seperti di atas, jika dikemukakan kepada orang Melayu yang kini memimpin dan menyokong kuat Parti Semangat 46, pasti akan dijawab bahawa DAP memang bukan anti-Melayu; adalah wajar untuk Parti Semangat 46 menjalin "persahabatan sepanjang hayat" dengan DAP dan memang pasti yang DAP itu sama sahaja seperti MCA dan GERAKAN.

Ketiga-tiga pertanyaan yang sama, jika dikemukakan kepada ahli biasa Parti Semangat 46 yang di kampung-kampung, mereka akan menafikan dengan sekeras-kerasnya kenyataan Tengku Razaleigh bahawa DAP itu sahabat Melayu; yang DAP itu boleh dijadikan "sahabat sepanjang hayat" dan DAP juga serupa pendiriannya seperti MCA ataupun GERAKAN.

Tetapi, kalaulah pertanyaan-pertanyaan di atas diajukan kepada Datuk Harun Idris, tidak dapat dibayangkan bagaimanakah bentuk jawapannya. Dolak-dalik jawapan Datuk Harun, pastinya, adalah sesuatu yang dijangkakan. Pada tahun 1969, sewaktu memimpin UMNO Selangor, Datuk Harun melihat DAP dari sudut politik yang lain, sementara hari ini, sesudah berada di dalam Parti Semangat 46, beliau terpaksa dan dipaksa untuk mengambil satu perspektif ataupun pandangan yang lain terhadap DAP.

Pendeknya, sewaktu tercetusnya peristiwa 13 Mei, 1969, DAP dilihat oleh Datuk Harun sebagai musuh, sedangkan hari ini DAP dianggap oleh

beliau sebagai rakan perjuangan. Walaubagaimanapun, Datuk Harun pasti belum dan tidak akan lupa satu peristiwa dalam bulan Mei, 1969 apabila parti PERIKATAN pimpinannya hanya memenangi 14 dari 28 kerusi dan gagal menubuhkan Kerajaan Negeri Selangor; sementara 9 lagi kerusi dikauasai oleh DAP, 4 kerusi dimenangi oleh GERAKAN dan satu lagi jatuh kepada calon Bebas.

Datuk Harun mempunyai pengalaman yang terlalu peribadi mengenai DAP dan tindak-tanduknya. Beliau juga menginsafi apakah yang telah terjadi di Kuala Lumpur dalam bulan Mei, 1969 itu. Datuk Harun tidak akan melupakan segala-galanya.

Itulah dia DAP. Walaupun pandangan dan anggapan ramai pemimpin Melayu, termasuk Tengku Razaleigh, Datuk Harun dan Datuk Rais Yatim terhadap DAP, kini sudah berubah, DAP tetap DAP. DAP dulu dengan DAP sekarang tetap sama.

Tetapi, siapakah dia DAP yang lazimnya dikaitkan dengan dasar "Malaysia untuk rakyat Malaysia" ataupun dasar "sama rata sama rasa?" Seorang cendekiawan Malaysia, Kassim Ahmad menulis mengenai DAP dalam bukunya QUO VADIS, BANGSAKU? seperti berikut:

Seperti diketahui, DAP itu anak kandung PAP yang berjuang atas dasar cita-cita kebangsaan rakyat keturunan Cina. Nyatalah apa yang dianjurkan oleh DAP - "Malaysia Kemalaysiaan" itu ialah satu konsep yang abstrak dan kabur dan satu teori politik yang meleset, yang belum dapat dipraktikkan dalam DAP sendiri...

Kassim Ahmad juga menulis mengenai DAP dalam konteks ketuanan Melayu, seperti berikut:

DAP mendakwa dirinya sosialis. Tetapi, semua orang tahu bahawa ideologi sosialis menitikberatkan prinsip keadilan. Adakah adil bagi DAP menafikan sejarah dan hak ketuanan bangsa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan sekarang Malaysia? Persis oleh kerana DAP menafikan sejarah dan hakikat ini maka ia gagal menjadi sebuah parti yang bersifat nasional serta mendapat sokongan semua rakyat, khasnya orang Melayu.

Hal-hal yang dikupas oleh Kassim Ahmad ini memang diketahui oleh sebilangan besar pemimpin Melayu, baik Melayu dalam Parti Semangat 46, baik Melayu dalam PAS, apatah lagi Melayu dalam UMNO.

Bagaimanakah DAP itu dikatakan sebagai anak kandung PAP pimpinan Lee Kuan Yew? Apa kena-mengena DAP dengan PAP? Apa hubung-kaitnya Lee Kuan Yew dengan Lim Kit Siang? Benarkah PAP mempunyai dasar "Singapura untuk rakyat Singapura" sementara DAP pula memperjuangkan dasar "Malaysia untuk rakyat Malaysia?" Benarkah kedua-dua dasar itu bermakna "sama rata, sama rasa" di samping mempunyai persamaan dengan dasar Malayan Union yang ditentang habis-habisan oleh orang Melayu dalam tahun 1946?

Benarkah DAP itu anak kandung PAP? Leon Comber dalam bukunya *Pistiwa 13 Mei*, menulis seperti berikut mengenai kelahiran DAP:

Pada 9 Ogos, 1965, Tunku Abdul Rahman telah membuat pengumuman di Dewan Rakyat bahawa Singapura terpaksa meninggalkan Malaysia... Walaupun setelah penyingkiran Singapura daripada Malaysia tetapi PAP sendiri terus mengambil perhatian berat tentang kedudukan orang-orang Cina di Semenanjung Malaysia. Kerajaan Pusat telah memutuskan bahawa cawangan PAP di Malaysia mestilah dibubarkan oleh sebab ia telah menjadi 'parti luar negeri.' Dalam bulan Mac, 1966, wakil tunggal PAP di Dewan Rakyat telah mendaftarkan parti 'baru' itu, lalu menamakannya Parti Tindakan Demokratik (DAP). Sungguhpun parti itu mempunyai identiti yang berlainan daripada PAP dari segi undang-undang, tetapi adalah jelas bahawa parti itu (DAP) merupakan penggantinya (PAP) di Semenanjung Malaysia. Parti DAP telah menjadi tokoh memperjuangkan konsep Malaysia untuk rakyat Malaysia sebagaimana yang dikemukakan oleh Lee Kuan Yew.

Apa kaitannya Lee Kuan Yew dengan Lim Kit Siang, Setiausaha Agung DAP hari ini? Sebenarnya, Lim Kit Siang, anak Batu Pahat, Johor, pernah berkhidmat sebagai salah seorang setiausaha akhbar kepada Lee Kuan Yew.

Benarkah konsep Malaysian Malaysia yang diperjuangkan oleh DAP itu sama dengan konsep Singaporean Singapore yang diperjuangkan oleh PAP, dan pada waktu yang sama, kedua-dua konsep itu sama pula dengan Malayan Union yang dikemukakan oleh penjajah British pada tahun 1946?

Sebenarnya konsep "Malaysian Malaysia" yang kini diperjuangkan oleh DAP di Malaysia sekarang telahpun dirintis dan diperkenalkan oleh Lee Kuan Yew sewaktu Singapura berada dalam Malaysia. Contohnya, sekali lagi renungkan tulisan Leon Comber seperti berikut:

Kempen Parti Tindakan Rakyat (PAP) dalam Pilihanraya Malaysia dalam tahun 1964 yang membangkitkan soal 'Malaysia untuk orang-orang Malaysia.' Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew telah mencabar 'hak istimewa' orang-orang Melayu.

Penulis yang sama menyifatkan PAP sewaktu berada dalam Malaysia sebagai sebuah parti yang "terkenal dengan sikap mencero boh." PAP juga sewaktu di dalam Malaysia bertindak sebagai parti pembangkang. Parti ini, menerusi pimpinan Lee Kuan Yew, telah menubuhkan pakatan parti-parti pembangkang yang dinamakan "Pertubuhan Perundingan Perpaduan Malaysia" yang mempunyai cogan kata "Malaysia untuk rakyat Malaysia."

Menurut Leon Comber, yang penting mengenai barisan pembangkang tajaan Lee Kuan Yew itu ialah manifestonya di mana dengan jelas ditegaskan bahawa:

Bangsa dan negara tidak pula dikenali dengan kuasa, kesejahteraan hidup dan kepentingan mana-mana kaum jua. Ini mengesahkan syak wasangka setengah-setengah pejuang UMNO, yang PAP sendiri telah menentang segala-gala yang diperjuangkan oleh UMNO. Parti PAP telah terang-terang tidak menerima hak keistimewaan dan kedudukan orang-orang Melayu, sungguhpun Lee Kuan Yew telah menyatakannya dalam bulan April 1965, yang PAP mengakui hak keistimewaan orang-orang Melayu dalam Perlembagaan. Bagaimanapun, beliau menambah bahawa keistimewaan ini akan membantu 'sekumpulan kecil golongan bangsawan Melayu untuk menjadi kaum pemodal', dan tidak banyak membantu rakyat Melayu daripada golongan petani.

Sebelum sebarang pra-sangka ataupun buruk-sangka terhadap DAP mejangkiti pemikiran, cuba renungkan kata-kata Lee Kuan Yew, pemimpin PAP (*ayah kandung DAP*) apabila beliau mencabar taraf ketuanan Melayu, seperti yang ditulis oleh Leon Comber seperti berikut:

Lee Kuan Yew telah mencabar secara terang-terang hak keistimewaan orang-orang Melayu. 'Mengikut sejarah,' katanya, 'Orang-orang Melayu telah mula berhijrah ke Malaysia dalam bilangan yang kecil, cuma kira-kira 700 tahun yang lalu. Daripada 39 peratus orang Melayu di Malaysia hari ini, kira-kira satu pertiga daripada mereka adalah pendatang-pendatang baru seperti Setiausaha Agung UMNO, Datuk Syed Ja'afar Albar, yang telah datang ke Tanah Melayu dari Indonesia sebelum perang, ketika berusia lebih daripada 30 tahun.

Dari itu adalah sah dan tidak logik bagi sesuatu kumpulan yang tertentu itu memikirkan bahawa mereka adalah lebih adil dipanggil rakyat Malaysia, dan orang lain boleh menjadi rakyat Malaysia hanya dengan kegemaran mereka.'

Sungguh provokatif kenyataan di atas. Kalau kata-kata itu diulang kepada generasi hari ini, tentu lebih panas lagi kesannya. Bagaimanapun, kenyataan Lee Kuan Yew seperti di atas telah ditentang hebat oleh Allahyarham Tun Abdul Razak yang ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri. Allahyarham Tun Razak berkata:

Encik Lee bukan sahaja telah menyinggung perasaan orang-orang Melayu tetapi juga Raja-raja dan orang-orang lain juga. Jikalau berlaku rusuhan kaum, kita semua, termasuk Encik Lee akan menderita.

Bagaimanapun, ingatan Allahyarham Tun Razak itu dijawab oleh Lee Kuan Yew seperti berikut:

Bahawa beliau dapat menyusur-galur nenek moyangnya sehingga 100 tahun di Singapura. Sekali lagi beliau telah menolak pendapat bahawa orang-orang Melayu adalah Bumiputera Gugusan Pulau-pulau Melayu, tetapi beliau amat cermat dengan menambah bahawa beliau menyokong Perlembagaan Malaysia dan hak istimewa orang-orang Melayu.

Begitulah PAP, ayah kandung DAP. Dalam konteks perbincangan ini, fokus terhadap PAP tidak dapat dielakkan untuk mendapatkan perspektif sejarah DAP yang sebenarnya kerana DAP, sebagai parti yang lebih muda dari UMNO, hanya mula lahir di bumi Malaysia ini sejak 1966.

Tunku Abdul Rahman sungguh arif akan sejarah PAP dan DAP ini. Datuk Harun tahu tentang sejarah ini. Begitu juga Tan Sri Osman Saat dan Haji Sulaiman Palestin. Tokoh-tokoh pejuang Melayu ini sedar dan insaf bahawa akibat pemisahan Singapura dari Malaysia:

Malaysia hampir meletus rusuhan kaum pada masa perpisahan dengan Singapura itu. Jikalau hendak dibiarkan begitu sahaja, pasti akan pecah pergaduhan antara orang Melayu dengan Cina secara besar-besaran.

Ibrahim Ali kemungkinannya kurang arif terhadap salasilah ini. Bagaimanapun, dalam konteks perpisahan Singapura dari Malaysia, Tunku Abdul Rahman pernah menegaskan seperti berikut:

Jika kita tidak berpisah, bunuh membunuh pasti berlaku dengan meluasnya.

Begitulah cerita PAP dan begitulah kaitannya cerita ini dengan anak kandung parti tersebut yang bernama DAP, kini sahabat karib Parti Semangat 46 untuk mencapai cita-cita "menguasai majoriti di Parlimen menerusi Pilihanraya." Majoriti di Parlimen hari ini di kuasai oleh Melayu, UMNO. Menguasai majoriti di Parlimen menerusi pilihanraya bererti menumpaskan Melayu dalam pilihanraya yang akan datang ini!!

Sewaktu PAP mula berkuasa di Singapura, Presiden pertama Republik itu adalah seorang anak Melayu, Allahyarham Yusof Ishak. Setelah anak Melayu itu pulang ke rahmatullah, siapakah yang menggantikannya sebagai Presiden??? Begitulah juga cerita PAP yang menjadi ayah kandung kepada DAP yang kini sedang ghairah bersama Parti Semangat 46 untuk menumbangkan Kerajaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan menggantikan Perdana Menteri dengan Tengku Razaleigh!!!

Kalau dulu, sewaktu ayah kandung DAP mencabar hak istimewa orang Melayu, Allahyarham Tun Razak memberi amaran bahawa "jika berlaku rusuhan kaum, kita semua, termasuk Lee Kuan Yew akan menderita," maka dalam konteks hari ini, apabila Parti Semangat 46 bersahabat karib dengan DAP untuk menumpaskan Kerajaan Barisan Nasional; maka seluruh komponen Barisan Nasional perlu bangkit dengan satu suara yang jitu bahawa persahabatan Parti Semangat 46-DAP itu adalah satu pakatan yang boleh membawa padah pada seluruh rakyat jelata.

Ayah kandung DAP, iaitu PAP, sewaktu berada dalam Malaysia berjuang sebagai pembangkang dan bercita-cita menguasai sokongan penuh dari rakyat Cina yang sejak awal-awal lagi menyokong dan mendukung MCA. Begitu juga DAP. Hingga ke hari ini, DAP tetap menggugat MCA yang menjadi sahabat UMNO dalam Barisan Nasional.

DAP menuduh MCA perkauman sementara mendakwa partinya adalah untuk semua kaum. Tetapi, adalah satu hakikat bahawa sebilangan besar pucuk pimpinannya adalah keturunan Cina. DAP mendakwa partinya menentang perbezaan kaum serta memperjuangkan konsep "Malaysia untuk rakyat Malaysia."

Siapa lagi yang belum kenal DAP, parti yang mempunyai lambang ROKET? Menurut satu Kertas Putih Kerajaan berjudol KE ARAH

MEMELIHARA KESELAMATAN NEGARA terbitan 1988, beberapa orang anggota DAP memainkan peranan yang utama dalam mengeksploitasi isu-isu sensitif di negara ini.

Contoh pertama adalah seperti berikut:

Eksplotasi Isu-isu Sensitif: Faktor utama yang menyebabkan keadaan ketegangan yang serius dalam tahun 1987 ialah tindakan ahli-ahli parti politik dan kumpulan pendesak yang tertentu mengeksploitasi beberapa isu-isu sensitif yang menyemarakkan perasaan perkauman. Antara isu-isu yang dieksploitasi ialah isu-isu mengenai Akta Pelajaran 1961, isu pembangunan Bukit Cina di Melaka, kerugian Koperasi Pengambilan Deposit, ikrar di sekolah, mata pelajaran pilihan di Universiti Malaya, isu penggunaan bahasa di papan tanda dan penempatan Penolong Kanan dan Penyelia Petang yang tidak mempunyai kelayakan Mandarin di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. BEBERAPA ORANG ANGGOGA DEMOCRATIC ACTION PARTY (DAP) memainkan peranan yang utama dalam mengeksploitasi semua isu-isu ini.

Contoh kedua adalah seperti berikut:

Isu Bukit Cina: Sebilangan pertubuhan dan parti politik Cina terutamanya DAP telah menentang dan menjadikan satu isu perkauman rancangan Kerajaan Negeri Melaka mengenai Bukit Cina dalam tahun 1983... DAP selanjutnya telah terus menjadikan isu ini sebagai isu perkauman untuk membangkitkan kemarahan orang-orang Cina terhadap Kerajaan dan orang-orang Melayu. Dalam satu ceramahnya pada 29 September, 1984, di Permatang Tinggi, Bukit Mertajam, Lim Kit Siang, Setiausaha Agung DAP, telah menyifatkan rancangan Kerajaan untuk membangunkan Bukit Cina itu sebagai satu muslihat Kerajaan untuk melenyapkan segala jasa-jasa kaum Cina terhadap negara dan juga sebagai cabaran terhadap kebudayaan dan agama orang-orang Cina.

DAP terus mengeksploitasi isu ini dengan beberapa keglatan termasuk penyebaran poster di seluruh negara pada 21 Julai, 1984 yang mengandungi ungkapan seperti "Bukit Cina Warisan Sejarah Cina" mengadakan upacara berjalan kaki bagi "menyelamatkan" Bukit Cina di Kuantan, Seremban, Alor Setar dan Melaka di antara 20 dan 30 Oktober 1984, serta berusaha mengumpulkan 200,000 tandatangan sebagai penentangan kaum Cina terhadap usaha memajukan Bukit Cina. Semangat perkauman yang tebal sengaja dipupuk oleh DAP

tanpa segan silu.

Begitulah bukti-bukti dari Kertas Putih Kerajaan bahawa DAP itu adalah sebuah parti memupuk semangat perkauman yang tebal, tanpa segan dan silu. Begitulah DAP. Parti inilah yang kini dijadikan sahabat "sepanjang hayat" oleh Parti Semangat 46 dan dikatakan sebagai tidak anti-Melayu.

Banyak lagi isu-isu yang dieksploitasi oleh DAP sehingga menjadi isu-isu perkauman yang menggerunkan. Antaranya adalah isu kononnya Kerajaan Barisan mengamalkan Dasar satu bangsa, satu kebudayaan, satu bahasa dan satu agama. Isu ini ditimbulkan oleh DAP untuk mewujudkan ketakutan dan kebimbangan di kalangan orang-orang bukan Melayu dan untuk membangkitkan perasaan anti-Kerajaan dan anti-Melayu.

Contohnya dalam konteks ini, Lim Kit Siang berkata pada 14 Januari, 1983, di ibu pejabat DAP, Jalan Kilang, Melaka seperti berikut:

Bahawa pelaksanaan polisi satu bangsa, satu kebudayaan oleh pihak Kerajaan telah menjatuhkan kedudukan kebudayaan kaum lain.

Timbalan Setiausaha Agung DAP, P. Pato, pula menegaskan mengenai isu yang sama di Bagan Sungai Tiang, Perak pada 17 Mac, 1984, seperti berikut:

Bahawa Kerajaan mengamalkan polisi satu bangsa, satu bahasa dan agama yang tujuannya menjadikan Malaysia negara Islam.

Menurut Kertas Putih yang sama:

DAP juga melibatkan dirinya dalam isu-isu yang berunsur agama seperti soal isu pembacaan lkrar di sekolah-sekolah di Melaka. Pembacaan lkrar tersebut, yang bertujuan untuk menanam sikap jujur, amanah, berakhlak mulia, perpaduan dan ketekunan dalam pelajaran, telah ditentang atas tuduhan kononnya murid-murid bukan Islam telah dipaksa meminta restu daripada Allah... Tuduhan ini sengaja diwujudkan untuk membangkitkan sentimen perkauman-keagamaan orang-orang bukan Islam sebab lkrar tersebut tidak menyebut nama Allah.

Sekali lagi, inilah DAP. Inilah sahabat perjuangan Parti Semangat 46. Parti Semangat 46 bersahabat dengan DAP yang jelas kelihatan sebagai anti-Islam. Pada waktu yang sama, Parti Semangat 46 juga bersahabat

dengan PAS yang bercita-cita mewujudkan negara Islam di Malaysia. Adakah keputusan bersahabat dengan DAP ini akan menguntungkan Melayu dan Islam?

Jika lebih merugikan dari menguntungkan, kenapakah Presiden Parti Semangat 46, Tengku Razaleigh membuat kenyataan mengenai DAP pada Jumaat, 8 Disember, 1989 di Federal Hotel Kuala Lumpur, dilaporkan oleh *Watan* beberapa hari kemudiannya seperti berikut:

DAP bukanlah sebuah parti yang anti-Melayu sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak. Sejarah telah membuktikan bahawa sepanjang kewujudannya, DAP tidak pernah menentang hak-hak istimewa yang diberikan untuk orang-orang Melayu. Bagaimanapun, sikap anti-Melayu itu, walaupun ada hanya pada slogan-slogan sahaja... Oleh sebab itu, tidak ada sebab Semangat 46 tidak boleh mengadakan hubungan persefahaman dengan DAP. Lebih-lebih lagi, DAP begitu gigih menentang perbuatan-perbuatan 'curang' yang boleh menyebabkan pembaziran dan kerugian kepada negara.

Utusan Malaysia yang membuat liputan kepada majlis yang sama, melaporkan pada 10 Disember, 1989, mengenai pendirian Tengku Razaleigh terhadap DAP seperti berikut:

Bellau tidak setuju dengan anggapan bahawa DAP adalah sebuah parti anti-Melayu kerana slogannya Malaysia untuk orang Malaysia. Itu hanya slogan semata-mata kerana dalam tindakannya, saya tidak nampak DAP menentang orang-orang Melayu.

Sewaktu menjawab satu pertanyaan dari hadirin di majlis yang sama, *Watan* melaporkan Tengku Razaleigh berkata seperti berikut:

Kerjasama Parti Semangat 46 dengan DAP bukanlah untuk sementara waktu kerana ia akan kekal sampai akhir hayat.

Kenyataan-kenyataan Tengku Razaleigh mengenai DAP seperti di atas sungguh mengecewakan setiap Melayu yang berjiwa nasionalis, setiap Melayu yang teringatkan kenyataan-kenyataan Lee Kuan Yew mengenai Melayu dan setiap rakyat Malaysia yang cintakan keharmonian hidup kerana, seperti ditekankan oleh Kertas Putih di atas, DAP itu tebal dengan sikap perkaumannya.

Benarkah DAP bukan anti-Melayu dan anti-Islam? Cuba renungkan kenyataan Dr. Chen Man Hin, Pengerusi Kebangsaan DAP, dalam *Nusantara* seperti berikut:

DAP menolak pembentukan Negara Islam walaupun Parti Semangat 46 menjadikan Islam sebagai Addin dalam perjuangan mereka. Penolakan DAP tentang perkara itu bukan baru, tetapi sejak DAP ditubuhkan dahulu. Penubuhan sebuah Negara Islam melanggar perlembagaan Persekutuan yang menyatakan Malaysia bukan sebuah Negara Islam, cuma agama rasminya sahaja Islam. DAP tidak mahu dengan pengwujudan Negara Islam, rakyat bukan Islam akan ditindas seperti yang berlaku di beberapa negara di dunia ini. Kami tidak mahu hidup dalam ketakutan dengan undang-undang Islam yang begitu ketat.

Berikut adalah laporan *Utusan Malaysia* 16 Mac, 1990 yang membuktikan perannya DAP dalam menyemaikan sikap protes terhadap undang-undang Islam di negara ini:

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu DAP menghentikan segera gerakan mengumpulkan tandatangan yang dibuat sebagai protes terhadap undang-undang mengenai Islam. Katanya, gerakan itu sangat merbahaya kerana boleh menimbulkan suasana tegang di kalangan rakyat berbagai agama di seluruh negara. Menurut beliau, gerakan itu cuba menimbulkan rasa benci antara agama di negara ini yang disokong oleh DAP.

Dalam akhbar DAP, *Roket* keluaran vol. 23/2 1990, DAP mengeluarkan satu cabaran yang panjang lebar kepada MCA, rakan UMNO dalam Barisan Nasional, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri itu di bawah tajuk MCA: No Guts to Back Campaign for Religious Freedom ataupun MCA: Tidak Berani Menyokong Kempen untuk Kebebasan Beragama.

Bagaimanakah kedudukan PAS di dalam Angkatan Perpaduan Ummah yang dianjurkan oleh Parti Semangat 46, apabila merenung kenyataan-kenyataan DAP seperti di atas? Akan tercapaikah cita-cita menegakkan Negara Islam, jika salah seorang sahabat Parti Semangat 46, DAP, memang jelas menentang kewujudan sebuah Negara Islam?

Wajarkah DAP mendapat tempat di hati orang Melayu dan Islam sebagaimana parti itu dipuji oleh Ketua Pergerakan Pemuda Parti Semangat 46, Ibrahim Ali yang dilaporkan oleh *Nusantara* seperti berikut:

Haji Ibrahim Ali memuji DAP kerana mengamalkan politik bersih dalam perjuangan menegakkan ideologi parti itu... Kerjasama di

antara DAP dengan partinya yang wujud sejak pilihanraya kecil Johor Bahru, akan memanfaatkan perjuangan kedua-dua pihak untuk memerintah Negara selepas pilihanraya umum nanti. Kita mesti sama-sama kerja keras untuk memastikan kemenangan nanti. Tidak kira siapa yang bertanding, asalkan Barisan Nasional dapat dikalahkan.

Ibrahim Ali memang tahu dan amat sedar bahawa ideologi DAP ialah sosialis. Negara-negara sosialis di Eropah kini sudah membuang ideologi perjuangan seperti itu dan menggantikannya dengan demokrasi.

Apakah semata-mata atas hasrat untuk melihat kekalahan Barisan Nasional, maka perbezaan ideologi tidak lagi menjadi halangan dalam perjuangan Parti Semangat 46? Tidakkah DAP merupakan satu parti yang sering dikecam oleh Ibrahim Ali sewaktu beliau berada dalam Barisan Nasional? Siapakah yang kini berubah? DAP ataupun Ibrahim Ali sendiri? DAP tetap DAP!!!

Sebenarnya, menurut Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba seperti yang dilaporkan oleh *Berita Harian* 31 Julai, 1986, sikap perkauman DAP semakin nyata. Encik Ghafar menegaskan seperti berikut:

Dasar perkauman DAP semakin nyata kerana tindakannya akhir-akhir ini terlalu mengutamakan kepentingan satu kaum sahaja. Lim Kit Siang sendiri mendedahkan 'tembelang' DAP bila beliau menolak kemungkinan Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh, menjadi Ketua Menteri jika DAP berjaya menawan Pulau Pinang. Lim Kit Siang menolak Karpal Singh bukan kerana tidak berkelayakan tetapi kerana dia bukan orang Cina.

Jadi, penyokong-penyokong Parti Semangat 46 janganlah terlampau ghairah dengan DAP. Kalau Parti Semangat 46 berharap DAP akan membantunya menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir, cuba kaji kenyataan Lim Kit Siang dalam *Watan* seperti berikut:

DAP dan rakyat sedang menggunakan kekuatan Semangat 46 untuk mengubah suasana politik negara serta menggantikan Kerajaan Barisan Nasional. Beliau mengingatkan rakyat supaya menggunakan kesempatan dalam pilihanraya umum akan datang untuk mengubah dasar pentadbiran Barisan Nasional yang "tidak adil dan dan saksama."

Soalnya di sini, siapakah yang menggunakan siapa untuk menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional? DAP menyeru rakyat menggunakan kekuatan Semangat 46. Tidakkah perkataan "menggunakan" itu boleh ditafsirkan sebagai "memperalatkan" ataupun dengan bahasa yang lebih kesat, "memperkudakan?"

Oleh kerana "DAP guna kekuatan Semangat 46", Lim Kit Siang pernah memberitahu satu forum DAP di Pulau Pinang sebagaimana yang dilaporkan oleh *Watan* 26 Oktober, 1989 bahawa "DAP yakin peluang parti itu untuk memerintah negara selepas pilihanraya umum semakin cerah."

Jika begitulah keyakinan DAP untuk memerintah negara akibat politik negara yang tidak stabil, akibat perpecahan Melayu, maka ikhlaskah kenyataan Lim Kit Siang pada 4 Februari, 1990 dalam *Utusan Malaysia* seperti berikut:

DAP tidak akan membantah Presiden Parti Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah menjadi Perdana Menteri seklarnya barisan pembangkang memenangi pilihanraya umum akan datang. Ini adalah realiti dan tiada sebab mengapa DAP perlu menentang.

Ayahanda kepada DAP, PAP di Singapura juga pernah melantik seorang anak Melayu, Allahyarham Yusof Ishak, menjadi Presiden Republik itu yang pertama. Sebagaimana yang telah dipersoalkan dalam bab ini, siapakah Presiden Republik itu sesudah kematian Yusof Ishak?

Adakah oleh kerana janji jawatan Perdana Menteri ini maka Tengku Razaleigh sanggup menjadikan Negara Malaysia untuk semua kaum tanpa mengira asal keturunan, sebagaimana yang ditegaskan oleh Lee Lam Thye, Timbalan Setiausaha Agung DAP, dalam *Nusantara* baru-baru ini? Lee Lam Thye berkata seperti berikut:

Bellau bersetuju dengan gesaan Presiden Semangat 46 yang inginkan kewujudan Malaysia untuk semua kaum tanpa mengira asal keturunan. Ini kerana sudah menjadi matlamat DAP, sejak dahulu lagi, memperjuangkan slogan seumpama itu.

Adakah benar Tengku Razaleigh menyokong slogan DAP "Malaysia untuk rakyat Malaysia?" Adakah kenyataan Tengku Razaleigh dalam *Utusan Malaysia* 24 November, 1989, seperti berikut dibuat untuk mengukuhkan lagi gesaan di atas:

Tengku Razaleigh juga mengumumkan manifesto pilihanraya Semangat 46 yang antara lain mendesak supaya Dasar Ekonomi Baru (DEB) selepas 1990 harus berteraskan prinsip pengagihan yang adil dan tidak lagi mengekalkan sistem kuota.

Menentang sistem kuota untuk orang Melayu, dalam konteks ini adalah bercanggah dengan aspirasi Kerajaan Barisan Nasional untuk menyusun semula masyarakat Malaysia yang secara kebetulannya, sebilangan besar yang terlibat dengan penyusunan semula itu adalah Melayu.

Janganlah sampai pemimpin Melayu terperangkap dengan konsep "sama rata, sama rasa" ataupun "Malaysia untuk rakyat Malaysia" yang diperjuangkan oleh DAP. Menurut seorang sejarawan Melayu, konsep itu adalah sama dengan konsep Malayan Union yang ditentang habis-habisan oleh orang Melayu dalam tahun 1946.

Sejarawan tersebut, Malik Munip, menggariskan dalam bukunya TUNTUTAN MELAYU, seperti berikut:

Lihat sahajalah misalnya dari golongan yang cuba memperjuangkan konsep-konsep seperti Malayan Union atau Malaysian Malaysia. Sungguhpun konsep yang pertama itu dibawa oleh kolonial Inggeris dan konsep kedua oleh orang-orang keturunan imigran yang merdeka, namun dalam banyak hal, prinsip-prinsip yang dibawa adalah serupa, terutama sekali dari segi budaya dan pembinaan keperibadian kebangsaan kita.

Cuba kita perhatikan definisi Malaysian Malaysia yang cuba diperjuangkan itu. Ianya cuba dirangkum dalam satu istilah yang amat menarik - hak sama rata. Maka itu, bahasa Cina atau Bahasa India setaraf dengan bahasa Melayu, sistem persekolahan boleh dan mesti menggunakan bahasa pengantar berbilang bahasa, ciri-ciri kebudayaan kaum-kaum imigran setaraf dengan ciri-ciri kebudayaan bumiputera, seperti katakanlah tarian naga setaraf dengan tarian Inang dan lain-lain lagi.

Bahkan memperjuangkan kedaulatan tradisi bumiputera Melayu di Tanah Melayu disogokkan sebagai perkauman dan bukan kebangsaan...

Dalam bidang ekonomi dan sosial pula, definisi Malaysian Malaysia menentang peruntukan membantu orang Melayu yang sudah sekian lama terblat dan tersisih, dan menjadi golongan yang paling terencil. Atas dasar 'bantuan harus diberi kepada yang memerlukan

tanpa mengira kaum,' sesungguhnya satu dasar yang tidak perkauman atau non-racial, hak-hak "keistimewaan" bumiputera cuba ditentang...

Jadi, pada keseluruhannya, definisi Malaysian Malaysia seperti di atas ini adalah definisi yang cuba menafikan hakikat perkembangan sejarah dan tradisi kenegaraan yang diwarisi turun temurun. Ia merupakan definisi yang dicetuskan dari "rangka pemikiran kolonial."

Begitulah telitinya pandangan anak Melayu terhadap konsep Malaysian Malaysia ataupun konsep Malaysia untuk rakyat Malaysia yang kini diperjuangkan oleh DAP dan mula diakui kewujudannya oleh Parti Semangat 46.

Kalau benar Parti Semangat 46 mengakui dan mengiktiraf konsep tersebut, tidakkah ini bermakna bahawa kini terdapat di kalangan pemimpin Parti Semangat 46 yang mempunyai sikap perjuangan yang dicetuskan dari "rang pemikiran kolonial" ataupun penjajah?

Inikah bentuk perubahan yang ingin dibawa oleh Parti Semangat 46? Kalau benar, luputlah nilai perjuangan murni penganjur-penganjur Melayu sejak tahun 1946 yang menentang penjajah, yang memerdekakan negara, yang mengisi kemerdekaan negara dan yang sentiasa berpendapat bahawa "Melayu hanya boleh selamat apabila kuat, dan kuat apabila bersatu padu!!!"

Waspadalah bangsa Melayu. Fikir dan renungkanlah sama ada perjuangan Parti Semangat 46 yang menjadikan DAP sebagai sahabat karib itu akan membawa manfaat kepada bangsa Melayu seluruhnya. Beringatlah, dalam pilihanraya umum 1986, DAP tanpa kerjasama yang kukuh dari mana-mana parti Melayu yang kuat, telah berjaya mengaut sebanyak 968,000 undi ataupun 20.39 peratus dari jumlah undi rakyat, berbanding dengan UMNO yang kukuh ketika itu mengutip 1,474,063 undi ataupun 31.06 peratus.

Memandangkan kedudukan ini, mahukah orang Melayu menjadi lebih jauh berpecah? Atau, tidakkah sudah sampai masanya orang Melayu kembali ke pangkuan UMNO, supaya Barisan Nasional yang disertai bersama oleh kaum Cina menerusi MCA dan GERAKAN, kaum India menerusi MIC serta lain-lain komponennya yang mewakili berbagai kaum

dan keturunan, sentiasa menjadi kuat, kukuh lagi disegani?

Sebagaimana kata Baharudin Ali Masrom dalam bukunya Politik Melayu Abad 21:

Domnasi Melayu (*ataupun keindukan dan ketuanan Melayu*) menjelang pilihanraya umum kali ini begitu tercabar dan amat menakutkan kalau tidak ada langkah-langkah segera untuk menyatukan sekurang-kurangnya orang-orang Melayu yang sama fikiran dan pernah berada dalam satu wadah perjuangan... Apakah faedahnya perpecahan kalau hanya untuk kepentingan peribadi dan kepentingan dunia semata-mata? Seharusnya politik digunakan sebagai alat untuk mencapai kejayaan yang hakiki, bukan untuk dijadikan matlamat.

Atas nama demokrasi memang tidak salah untuk memperjuangkan kepentingan tertentu melalui parti-parti politik, tetapi kalau langkah itu sampai merugikan bangsa dan negara secara keseluruhan pada masa hadapan, maka sudah pasti itu bukan merupakan perkembangan yang sihat.

Jalan paling dekat bagi penyatuan orang Melayu ialah dengan mengukuhkan apa yang sedia ada, bukan sebaliknya mengejar apa yang belum tentu... Sesungguhnya masa depan politik Melayu amat bergantung kepada apa yang sedang dan akan kita lakukan dalam tempoh menjelang pilihanraya ini. Silap langkah bererti padah. Silap jangka bererti binasa. Silap rancang bererti pincang.

Waspadalah bangsa Melayu dan pemimpin Melayu dalam Parti Semangat 46 khususnya. Kembalilah ke pangkal jalan sekarang juga!!!

MELAYU LAWAN MELAYU

SEMENJAK tahun 1957, orang Melayu mempunyai satu kuasa politik yang unggul, kuat lagi disegani. Kuasa tersebut wujud menerusi UMNO yang menjadi induk kepada seluruh komponen Barisan Nasional. Menerusi UMNO yang dianggotai oleh lebih 2 juta Melayu. Suara Melayu di Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri adalah suara yang pukal dan suara yang dihormati oleh seluruh bangsa di negara ini.

Sebelum 1989, orang Melayu hanya mempunyai sebuah sahaja parti pembangkang yang agak berpengaruh, iaitu PAS. Parti yang lahir pada tahun 1951 itu adalah serpihan pertama yang datangnya dari UMNO sebelum zaman merdeka. Ahlinya 100 peratus Melayu - Islam.

Bagaimanapun, orang Melayu hari ini, mempunyai sebuah lagi parti pembangkang yang mendakwa dirinya berpengaruh, iaitu Parti Semangat 46. Parti yang lahir di pertengahan tahun 1989 ini adalah serpihan kedua dari UMNO selepas zaman merdeka. Anggotanya 100 peratus Melayu - Islam.

Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri parti ini sekarang berada di barisan pembangkang. Mereka berbuat demikian tanpa merujuk kepada para pengundi di kawasan masing-masing yang memberi mandat kepada mereka di pilihanraya umum 1986 atas tiket Barisan Nasional.

Sebelum kelahiran Parti Semangat 46, orang Melayu mempunyai tiga parti yang menganggotai Barisan Nasional - UMNO, Berjasa dan Hamim. Namun demikian, orang Melayu kini hanya mempunyai satu sahaja parti dalam Barisan Nasional - UMNO. Berjasa dan Hamim yang keduanya merupakan serpihan dari PAS, sudahpun diheret oleh Parti Semangat 46 keluar dari gelanggang parti pemerintah.

Sementara itu, MCA, sebuah rakan kongsi UMNO yang terbesar di

Tanah Semenanjung, hanya mempunyai satu sahaja serpihan yang besar lagi berpengaruh, iaitu Gerakan yang kini menguasai Kerajaan Negeri Pulau Pinang. MIC pula cuma melahirkan satu serpihan yang kecil dan lemah, iaitu DMIP.

Perkembangan mutakhir ini menjadikan UMNO terkotang kantung sebagai sebuah sahaja parti dalam Barisan Nasional yang keahliannya 100 peratus Melayu-Islam. Keadaan ini berbeza dengan parti-parti "Chinese-based" seperti MCA, Gerakan, dan SUPP ataupun lain-lain komponen berasaskan bukan 100 peratus Bumiputra-Islam seperti PBS, PBB, SNAP, PBDS dan USNO.

Oleh itu jelaslah bahawa berikutan kelahiran Parti Semangat 46, perpecahan Melayu hari ini menjadi bertambah serius kerana dua serpihan UMNO kini menjadi penentang kuat UMNO dan sekaligus menggugat keunggulan UMNO yang menjadi tulangbelakang Barisan Nasional.

Ini juga bermakna bahawa Melayu yang menaja kewujudan UMNO sejak 1946 kini sudah berpecah kepada tiga golongan - satu golongan, iaitu UMNO, berada dalam Barisan Nasional sementara yang dua lagi, iaitu PAS dan Parti Semangat 46, kini berada dalam barisan pembangkang.

Apakah erti perpecahan Melayu ini kepada kedudukan UMNO yang menjadi teras kepada komponen Barisan Nasional? Apakah pula implikasi perpecahan itu kepada kuasa Melayu dan kepada maruah dan martabat Melayu pada keseluruhannya?

Untuk mendekati masalah keunggulan UMNO dalam Barisan Nasional dan untuk mengkaji kesan kelahiran Parti Semangat 46, renungkanlah kedudukan Barisan Nasional dalam Parlimen selepas pilihanraya umum 1986 seperti berikut:

UMNO	83 kerusi	56 peratus
MCA	17 kerusi	
MIC	06 kerusi	
GERAKAN	05 kerusi	} — 44 peratus
HAMIM	01 kerusi	
BN SABAH	15 kerusi	
BN SARAWAK	<u>21 kerusi</u>	
	148 kerusi	

Dalam Pilihanraya Umum 1986, sejumlah 177 kerusi Parlimen di seluruh negara telah dipertandingkan. Kedudukan Barisan Nasional dalam pilihanraya tersebut adalah seperti berikut:

BARISAN NASIONAL	148 kerusi	83.6 peratus
PEMBANGKANG	029 kerusi	16.4 peratus

Data-data di atas menunjukkan bahawa Barisan Nasional menguasai 83.6 peratus sementara pembangkang memperolehi cuma 16.4 peratus dari jumlah kerusi Parlimen. Kalau hakikat bahawa UMNO menguasai 56 peratus dari jumlah kerusi Barisan Nasional dalam Parlimen boleh dijadikan asas kekuatan Barisan Nasional itu sendiri, maka sahlah yang UMNO itu unggul jika dibandingkan dengan keseluruhan kerusi Barisan Nasional bukan UMNO ataupun jika dibandingkan UMNO dengan pembangkang.

Kedua-dua data di atas jelas membawa makna bahawa dominan ataupun keunggulan UMNO dalam Barisan Nasional adalah hakiki, jelas dan tidak boleh dipertikaikan langsung. UMNO menjadi dominan, unggul dan induk kepada Barisan Nasional hasil berkat doa dan perpaduan Melayu seluruhnya. Perpaduan Melayu yang jitu, khususnya dalam sesuatu Pilihanraya Umum telah membolehkan UMNO mengawal kecenderungan kaum-kaum bukan Melayu yang menganggotai Barisan Nasional.

UMNO menjadi unggul kerana perjuangan UMNO sentiasa dipupuk dengan rasa cinta dan kasih sayang terhadap bangsa, agama dan tanahair di samping perjuangan Barisan Nasional yang mengambil kira serta memahami seluruh sensitiviti rakyat Malaysia yang multi-bangsa, agama dan budaya. Pendeknya, UMNO adalah lambang perpaduan Melayu dan UMNO adalah lambang keteguhan parti pemerintah.

Keunggulan UMNO dalam Barisan Nasional dan keunggulan UMNO jika dibandingkan dengan pembangkang telah membolehkan UMNO membentuk Kerajaan Barisan Nasional yang kuat lagi disegani. Enam belas dari anggota Kabinet seramai 24 orang adalah dari UMNO, Melayu dan Islam. Lebih daripada itu, 18 orang dari seramai 31 orang Timbalan Menteri juga adalah terdiri dari Melayu dan Islam. Inilah keistimewaan-nya UMNO menjadi teras kepada parti pemerintah.

Apakah keistimewaan itu sengaja datang menggolek tanpa berkat

perpaduan Melayu seluruhnya dalam menentukan keunggulan kuasa politik di tanahair yang berbilang bangsa ini? Keistimewaan ini akan terhakis sekiranya dalam Pilihanraya Umum yang akan datang ini Melayu berpecah dan politik Melayu terus berbelah.

Contohnya, berikutan kelahiran Parti Semangat 46 dan setelah Ahli-ahli Parlimennya yang dulu dalam Barisan Nasional meluncat ke pihak pembangkang bersama-sama Hamim, kedudukan Barisan Nasional di Dewan Rakyat hanya menjadi 132 kerusi ataupun cuma 74.5 peratus sementara kerusi UMNO dalam Barisan Nasional merosot dari 83 kepada 67 kerusi ataupun dari 56 kepada cuma 50.7 peratus sahaja.

Oleh itu, siapa yang boleh menafikan bahawa kemunculan Parti Semangat 46 dan pilihannya untuk menyertai pembangkang di Dewan Rakyat adalah satu langkah yang melemahkan dominan UMNO-Melayu. Keunggulan UMNO terhakis. Maruah Melayu tercabar. Bukan oleh bukan Melayu tetapi oleh orang Melayu sendiri.

Kepada Tengku Razaleigh, perkara ini nampaknya tidak membimbangkan. *Watan* 27 Disember, 1988 melaporkan beliau sebagai berkata seperti berikut:

“Perpecahan sesuatu masyarakat itu bukanlah satu perkara baru kerana pada hakikatnya tiada satu masyarakat pun di dunia ini yang anggotanya dapat bersatu 100 peratus.”

Namun demikian, nampaknya beliau lupa bahawa perpecahan Melayu di sebuah negara yang berbilang kaum ini adalah merbahaya dari segi kekuasaan politik dan kebaqo'an umat Melayu itu sendiri. Beliau seolah-olah menafikan hakikat bahawa hanya kuasa Melayu sahaja yang akan mencorakkan masa depan bangsa Melayu seluruhnya.

Tengku Razaleigh tidak mahu menerima hakikat bahawa perpecahan itu melemahkan UNMO, baik dari segi kedudukannya sebagai teras Barisan Nasional mahupun dari segi kekuasaan, maruah serta martabat Melayu seluruhnya.

Kalau satu analisis terperinci dijalankan terhadap situasi ini, pasti dapat ditegaskan bahawa kesannya adalah cukup serius. Perpecahan itu juga akan merugikan bangsa Melayu dalam konteks Malaysia yang berbilang bangsa.

Pokoknya di sini ialah, sedarkah orang Melayu bahawa perpecahan

politik ini cukup serius dan akan merugikan keseluruhan bangsa Melayu? Sedarkah bahawa perpecahan itu mengakibatkan sebuah parti Melayu dalam pemerintahan negara diserang oleh tiga kumpulan pembangkang yang juga terdiri dari orang Melayu? Kumpulan pembangkang Melayu ini pula disokong oleh DAP dan PRM, dua musuh tradisi Barisan Nasional dan UMNO. Tidakkah perkembangan sebegini akan menghancurkan ketuanan Melayu dan juga dominan Melayu dalam pemerintahan negara?

Pembangkang Melayu yang terbaru, Parti Semangat 46, nampaknya bertindak sebagai penyelaras kepada gabungan seluruh pembangkang Melayu dan bukan Melayu. Dalam hal ini, belum dapat dipastikan siapakah yang sebenarnya memerlukan siapa sebagai kunci dalam pakatan menumbangkan kekuasaan Melayu yang ada.

Namun begitu, Parti Semangat 46 sudahpun mengumumkan secara rasmi tentang kerjasamanya dengan PAS, Berjasa dan Hamim. Ikhhlaskah Tengku Razaleigh bila menyatakan dalam *Watan* 27 Disember, 1988 seperti berikut:

“Kerjasama antara PAS dan Semangat 46, segala-galanya dengan kehendak Allah.”

Jujurkan Tengku Razaleigh bila beliau menegaskan seperti berikut dalam *Harakah* 15 Oktober, 1989:

“Gabungan Semangat 46 dengan PAS, Hamim dan Berjasa adalah untuk memperjuangkan Islam dan umat Melayu.”

Kalau jujur, kenapa terdapat ramai pemimpin PAS yang menentang kerjasama PAS dengan Parti Semangat 46 sehingga pemimpin-pemimpin yang berkenaan di Perak, menurut *Watan* 25 November, 1989, meletakkan jawatan beramai-ramai sebagai tanda protes?

Kalau benar persahabatan Parti Semangat 46 dengan PAS itu direstui oleh seluruh ahli PAS di negara ini, kenapa lahir satu kumpulan yang menggelarkan dirinya sebagai ISLAH PAS, kumpulan yang berjuang habis-habisan menentang PAS berbaik-baik dengan Parti Semangat 46 apatah lagi dengan DAP.

Jika Islah PAS tidak menjejaskan pakatan PAS-Parti Semangat 46, mengapa pula timbul dakwaan kononnya Parti Semangat 46 telah berusaha “membeli” Islah dengan wang berjuta-juta ringgit?

Hal ini dilaporkan oleh Akhbar *Nusantara* 4 Mac, 1990 seperti berikut:

Semangat 46 sanggup "membeli" Al-Islah dengan bayaran berjuta-juta ringgit sekiranya kumpulan itu sanggup menghentikan kegiatannya menentang kerjasama parti tersebut (*Parti Semangat 46*) dengan PAS. Ini selain tawaran beberapa kerusi, sama ada kerusi Dewan Undangan Negeri atau kerusi Parlimen di mana-mana negeri pilihan Al-Islah dalam pilihanraya akan datang.

Pendedahan di atas dibuat oleh ahli jawatankuasa Al-Islah, Haji Wan Ismail bin Wan Ahmad. Beliau yang tidak menyangka sogokan itu akan dilakukan oleh Parti Semangat 46 seterusnya berkata:

Kami tidak sebodoh seperti yang mereka sangkakan kerana Islah bukan untuk dijual beli. Kepada saya, Semangat 46, minta maaf cakap, seperti kucing kehilangan anak. Parti ini sanggup melakukan apa sahaja asal hajat mereka tercapai. Kepada saya, tindakan Semangat 46 itu sebgal usaha yang tidak bermaruah dan bodoh.

Presiden Parti Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah bahawa gabungan tenaga secara lebih erat, lebih teratur, sistematik dan berdisiplin di antara partinya dengan PAS, mendapat tentangan yang besar dari PAS. Seterusnya, pakatan itu juga memecah Melayu-Islam dengan lebih jauh, khususnya di kalangan Melayu-Islam dalam PAS.

Perkara ini jelas terbukti bukan sahaja menerusi gerakan Islah PAS yang berpusat di Kelantan malahan juga menerusi tindakan yang diambil oleh pucuk pimpinan PAS Kuala Selangor pimpinan Encik Muhayat Yusof.

Demi penentangannya terhadap pakatan PAS-Parti Semangat 46 dan sekaligus kerjasama PAS-DAP, Encik Muhayat pernah dilaporkan oleh *Nusantara* 4 Mac, 1990 seperti berikut:

Penyatuan orang Islam menerusi Barisan Nasional banyak memberi nikmat kepada ahli-ahli PAS. Ketika Datuk Haji Asri dalam Kerajaan, menjadi Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, ramal orang PAS diterima menjadi peneroka Felda dan ini memberi nikmat besar kepada mereka. Malangnya, perpaduan ini telah dipecahkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab seperti Tengku Razaleigh, Ibrahim Ali dan lain-lainnya. Ibrahim Ali, bekas Ketua Pemuda Berjasa dan Tengku Razaleigh adalah orang yang bertanggungjawab menubuhkan Berjasa untuk memecahkan PAS di Kelantan. Orang-orang yang menjadi rakan PAS sekarang ialah musuh-musuh politik PAS yang pernah menghancurkan parti tersebut dan mereka

telah melakukan jenayah politik secara langsung. Sekarang kenapa pula Hamim dan Berjasa menjadi rakan PAS dalam Angkatan Perpaduan Ummah. Orang-orang ini juga akan menghancurkan PAS pada suatu ketika nanti. Kita bukan hendak puji Datuk Seri Dr. Mahathir, tetapi beliau tidak terlibat dengan secara langsung menghancurkan PAS.

Tengku Razaleigh mengerti akan maksud kenyataan di atas. Bagaimanapun, untuk menguatkan lagi kenyataan di atas, berikut adalah kenyataan Timbalan Yang Dipertua PAS Kuala Selangor:

Ahli-ahli PAS diingatkan jangan 'mabuk' dengan kerjasama antara parti itu dan Semangat 46 semata-mata terlalu ingin memerintah negara. PAS tidak mempunyai kekuatan untuk menumbangkan sebuah Kerajaan yang gagah. Sebenarnya, tidak ada sebarang kerjasama atau perjanjian dengan Semangat 46 setakat ini. Sekarang ramal yang menyertai Semangat 46 bukannya orang UMNO, tetapi orang PAS sendiri. Orang-orang PAS jangan mudah mabuk apabila kena 'asap' Semangat 46 ini. Kalau mabuk, selepas pilihanraya umum nanti mereka akan terus mabuk sepanjang masa dan melupakan perjuangan.

Tengku Razaleigh terpaksa mengakui hakikat bahawa pakatan PAS dengan partinya telah mengakibatkan beberapa pemimpin PAS di seluruh negara dipecat dari PAS. Ini bermakna perpecahan dalam PAS akibat berbaik-baik dengan Parti Semangat 46. Ini bermakna perpecahan Melayu dan Islam. Inikah perjuangan demi martabat Melayu dan Islam?

Contoh bangkangan yang amat kuat dari PAS terhadap kerjasama PAS dengan Parti Semangat 46 adalah sepucuk telegram dari PAS Kuala Selangor yang merayu penyokong PAS di Pantai Merdeka, Kedah supaya jangan mengundi calon PAS yang menentang Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka itu seperti yang dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* 13 Mac, 1990:

Enclik Muhayat Yusof meminta para penyokong PAS di kawasan Pantai Merdeka menyokong calon Barisan Nasional sebagai hukuman terhadap pemimpin PAS kerana mereka bersekongkol dengan pemimpin serpihan UMNO dan DAP.

Ini lah bahana perpecahan. Beginilah bahana perbuatan yang tidak dimusyawahkan. Begitulah perpecahan demi perpecahan yang dihadapi

oleh umat Melayu-Islam di negara ini.

Tengku Razaleigh sebagai seorang pemimpin besar pastinya tahu akan hal ini. Beliau sedar dan peka terhadap hal ini. Jadi, seharusnya juga beliau sedar dan peka terhadap implikasinya Parti Semangat 46 dengan DAP yang kini kelihatannya ghairah.

Kalau begitulah hakikatnya, Tengku Razaleigh perlu sedar terhadap apa yang dikatakan sebagai persefahaman dengan DAP dan PRM yang disifatkan sebagai "gabungan tenaga secara longgar dan tidak terlalu mengikat."

Tidak mungkinkah kedua-dua bentuk kerjasama itu dibezakan untuk mengelakkan kesan yang kurang sihat kepada pandangan Melayu terhadap usaha Parti Semangat 46 dengan musuh ketat UMNO dan Melayu, iaitu DAP dan PAS.

Tetapi, matlamat gabungan yang disifatkan oleh Datuk Harun Idris sebagai "fajar yang akan menyinari negara" itu ialah "menguasai pemerintahan negara" ataupun dengan lebih jelas lagi, ialah menumbangkan kekuasaan dan pemerintahan Melayu yang ada sekarang.

Parti Semangat 46 kelihatannya bersungguh-sungguh sangat untuk menubuhkan Angkatan Perpaduan Ummah. Tanya kepada Tengku Razaleigh sama ada masalah Melayu dan isu Melayu itu merupakan masalah serta isu main-maianan ataupun isu dan masalah jalanan sahaja. Tergamakkah beliau melihat Melayu jadi lemah, kuasa Melayu musnah akibat keghairahan kononnya untuk menumpaskan kemungkaran.

Kalau betul Parti Semangat 46 itu mendakwa dirinya sebagai UMNO asal yang menghayati Semangat 46 yang tulen, tidakkah pemimpin dan anggotanya sedar bahawa Semangat 46 yang tulen adalah "nasionalisme, rasa kekitaan, semangat kesetiakawanan dan sikap bertolak ansur?" Tidakkah semangat kebangsaan Melayu, kekitaan Melayu dan kesetiakawanan Melayu ini boleh dijadikan asas untuk mencintai bangsa Melayu dan kekuasaan Melayu yang menjadi teras pemerintahan negara hari ini? Bukankah cita-cita dan matlamat Semangat 46 tulen yang dijelmakan menerusi UMNO itu mahukan ketinggian maruah dan martabat Melayu serta mahukan dominan Melayu di dalam sistem pemerintahan negara?

Para penyokong Parti Semangat 46 pula harus menoleh ke belakang dan menganalisis siapakah rakan utama Parti Semangat 46 dalam Angkatan

Perpaduan Ummah. Kalau rakan yang paling utama adalah PAS, cuba kenangkan kembali apakah dan bagaimanakah kerena PAS sebelum ini. Cuba ingatkan kembali kata-kata pemimpin PAS terhadap UMNO. Ini penting kerana, suka tidak suka, Parti Semangat 46 adalah serpihan dari UMNO.

Cuba ingatkan kembali kata-kata Haji Abdul Hadi Awang yang terkandung dalam apa yang dikatakan sebagai "*amanat*" PAS kepada ahli-ahlinya seperti berikut:

"Saudara-saudara sekalian, percayalah! Kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO. Kita menentang Barisan Nasional bukan kerana nama Barisan Nasional. Kita menentang dia kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan Kafir, mengekalkan peraturan Jahilliyah. Oleh kerana itulah kita menentang mereka, oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka."

Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah Jihad, ucapan kita adalah Jihad, derma kita adalah Jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini, kalau kita mati kerana berlawanan ini, mati kita adalah mati Syahid, mati kita adalah mati Islam.

"Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah masuk Budha, tetapi kita menjadi Kafir dengan menyatakan politik suku agama suku."

Ramai ahli Parti Semangat 46 mungkin kurang jelas tentang "*amanat*" Haji Hadi itu. Setelah meneliti "*amanat*" seperti di atas, sanggupkah penyokong Parti Semangat 46 bekerjasama dengan PAS?

Mungkin, kalau masih samar-samar mengenai PAS, cuba tanya pada Timbalan Presiden Parti Semangat 46, Datuk Rais Yatim, kerana beliau sewaktu menjadi Menteri Penerangan adalah juga Pengerusi Biro Penerangan UMNO, di mana salah satu tugas utamanya ialah menganalisis bahan-bahan perang-saraf dan gerak-saraf PAS yang melampau-lampau ketika itu.

Kalau masih kurang jelas, tanya sendiri kepada Haji Hadi mengenai amanatnya itu dan tanya dia apakah kumpulan serpihan UMNO yang terbaru, iaitu Parti Semangat 46 juga akan dicap sebagai mengekalkan peraturan Kafir dan peraturan Jahilliyah.

Tanya juga pada Haji Hadi adakah penentangan terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir sekarang ini merupakan satu "jihad" kerana Kerajaan sekarang ini "Kerajaan Kafir" dan kalau terkorban dalam proses penentangan ini mereka akan "mati syahid?"

Sesudah itu, tanya Haji Hadi mengenai beberapa fatwa kafir-mengkafir seperti berikut:

1. Tidak sah sembahyang di belakang Imam orang Barisan.
2. Haram dimakan daging binatang sembelihan orang Barisan kerana tidak sah sembelihannya.
3. Terpasak nikah diantara suami isteri orang Barisan dengan orang bukan Barisan.
4. Tidak sah akad nikah oleh Imam dari golongan Barisan.
5. Kena diperbaharui nikah yang diadakan oleh dari Barisan.
6. Tidak boleh ditanam mayat orang Barisan di perkuburan Islam.
7. Orang Barisan mati tidak boleh disembahyangkan ke atasnya kerana murtad dan mereka juga tidak boleh sembahyangkan ke atas mayat orang PAS.
8. Orang Barisan tidak payah sembahyang, puasa, naik haji kerana tidak diterima oleh Tuhan amalan itu daripada mereka.

Jadi, sebelum pucuk pimpinan Parti Semangat 46 melaksanakan "gabungan tenaga dengan lebih erat, lebih teratur, sistematik dan berdisiplin" dengan PAS, para anggota parti tersebut wajar mengenang masalah amanat Haji Hadi dan juga fatwa kafir-mengkafir yang dikeluarkan oleh PAS.

Jika umpamanya, pucuk pimpinan Parti Semangat 46 menegaskan bahawa masalah amanat Haji Hadi dan juga fatwa kafir-mengkafir itu hanya merupakan satu sejarah yang harus dilupakan, tanya mereka kenapakah sejarah tidak boleh dijadikan rujukan demi kebaikan dan kepentingan Melayu. Tanya juga pada Tengku Razaleigh, kalau benarlah parti itu bila berkuasa kelak akan menghidupkan semula UMNO yang tulen dan jati, perlukah parti itu diwujudkan. Tanya juga pandangan Tengku Razaleigh tentang pendapat intelektual Melayu bahawa "Parti Semangat 46 bertanggungjawab memecah-belahkan perpaduan Melayu yang selama ini telah dipisahkan oleh ideologi UMNO-PAS."

Minta kepastian Tengku Razaleigh, apakah gunanya Angkatan Perpaduan Ummah. Adakah untuk melahirkan sebuah pakatan yang berkesan, untuk memecah-belahkan Melayu ataupun sekadar jadi batu loncatan untuk orang lain menumpaskan kekuasaan Melayu di bumi Melayu ini.

Sesudah itu, para penyokong Parti Semangat 46 wajar membuat perhitungan yang bijak dan tanya pucuk pimpinan, apakah yang akan terjadi jika penentangan barisan pembangkang itu pada akhirnya merugikan keseluruhan Melayu, baik yang berada di pihak pemerintah ataupun Melayu yang berada di pihak pembangkang di bumi Melayu ini.

Tidakkah masalah kerugian ini bertepatan dengan kata pepatah yang mengatakan "bersatu teguh dan bercerai roboh" dan sebaliknya pula, bertentangan dengan kata-kata "ikutkan hati, mati dan ikutkan rasa, binasa?" Para penyokong Parti Semangat 46 harus waspada, jangan nanti seluruh bangsa Melayu jadi macam "si Luncai terjun dengan labu-labunya" ataupun jadi seperti "si Lebai Malang, menang sorak, kampung tergadai."

Para pemimpin Parti Semangat 46 pula harus bersikap ikhlas dan jujur terhadap bangsa Melayu dan janganlah bertindak sehinggakan "dagang lalu ditanakkan, kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan" ataupun sehingga "ayam di reban mati kelaparan dan itik di air mati kehausan."

Pemimpin dan anggota PAS pula harus mengenang kembali sejarah kejatuhan PAS di Kelantan dalam tahun 1978. *Watan* 14 September, 1989 melaporkan Fadzil Noor berkata mengenai hal ini seperti berikut:

"Tengku Razaleigh pernah memperlakukan parti PAS dalam usaha membentuk pentadbiran Islam di negara ini."

Dalam akhbar yang sama dan pada tarikh yang sama juga Fadzil Noor menegaskan seperti berikut:

"Kejatuhan PAS di Kelantan pada tahun 1978 disebabkan peranan yang dimainkan oleh Tengku Razaleigh."

Walaupun ahli-ahli PAS sudah dirayu oleh pemimpinnya supaya memaafkan Tengku Razaleigh, mereka harus sentiasa curiga dengan matamat pembangkang Melayu yang terbaru ini, kerana walaupun parti itu "sedia menerima Islam sebagai dasar pentadbiran negara," perlembagaan Parti Semangat 46 adalah sama seperti perlembagaan UMNO yang

dicap oleh Haji Hadi sebagai perlembagaan kafir.

Menurut perkembangan terbaru, hubungan Semangat 46 dengan PAS nampaknya masih dihantui oleh syak wasangka. Daripada laporan-laporan beberapa akhbar, ternyata bahawa rasa curiga dan wasangka antara kedua parti tersebut semakin ketara.

Menurut *Watan* 12 Oktober, 1989, Prof. Madya Dr. Hussain Mohamed membuat satu pengamatan seperti berikut:

“...hubungan Parti Semangat 46 dengan PAS boleh dikira masih dihantui oleh syak wasangka.”

Contohnya, kata pemerhati politik itu, akhbar rasmi PAS, *Harakah* keluaran 5 Oktober, 1989 melaporkan “amaran” Haji Hadi Awang terhadap Parti Semangat 46.

Amaran pertama ialah PAS kurang senang dan tidak dapat menerima kerjasama Semangat 46 dengan parti bukan Melayu iaitu DAP.

Amaran keduanya ialah PAS tidak menyenangi (*tidak merestui*) pencalonan tokoh-tokoh wanita dalam pilihanraya umum akan datang ini.

Amaran sedemikian rupa terhadap Parti Semangat 46 sungguh menggemparkan, apatah lagi bila gabungan PAS dengan Parti Semangat 46 itu menurut Tengku Razaleigh adalah “atas kehendak Allah.”

Mungkinkah amaran itu dikeluarkan kerana Tengku Razaleigh sudahpun mengumumkan kerjasamanya dengan DAP sementara DAP pula telahpun mengumumkan dalam *Watan* 19 Oktober, 1989 seperti berikut:

“DAP tidak akan bekerjasama dengan PAS dalam pilihanraya umum akan datang kerana DAP menolak cadangan PAS menubuhkan negara Islam.”

Keputusan DAP itu diumumkan oleh Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang dan keputusan tersebut diambil setelah parti berkenaan mendapatkan pandangan ahli serta penyokongnya di peringkat akar-umbi di seluruh negara dari 2 Julai, hingga 24 September, 1989.

Oleh itu, para simpatisan, penyokong dan pemimpin Angkatan Perpaduan Ummah harus sedar akan hakikat ini, iaitu hakikat bahawa Parti Semangat 46 bergabung dengan PAS demi Islam sementara Parti Semangat 46 pula bersahabat dengan DAP, sebuah parti yang menentang kewujudan negara Islam.

Para pendukung idea Perpaduan Ummah harus cuba meneroka pemikiran masing-masing dan carilah jawapan tentang siapakah yang sebenarnya sedang ghairah dengan usaha merangkumkan PAS dan DAP dalam satu barisan menentang Kerajaan hari ini.

Kalau Parti Semangat 46-lah yang sedang ghairah dengan usaha sedemikian, tidakkah perbuatan itu boleh disifatkan sebagai langkah mengadu-dumbakan PAS dan DAP yang seharusnya berjuang menentang Barisan Nasional.

DAP telah membayangkan bahawa persahabatannya dengan PAS adalah satu perkara yang mustahil dan merugikan. PAS juga berpendapat bahawa berbaik-baik dengan DAP tidak menguntungkan dan bertentangan dengan ideologi perjuangannya.

Tetapi, kenapakah DAP dan juga PAS sudi berkawan dengan Parti Semangat 46? Tidakkah persahabatan dengan Parti Semangat 46 itu dilakukan semata-mata kerana pembangkang Melayu yang termuda itu boleh dijadikan sebagai bahan peletup paling bisa untuk menumbangkan Barisan Nasional.

Kesimpulannya, Parti Semangat 46, PAS dan DAP kelihatannya sedang berada dalam dilema kerana persahabatan mereka kelihatannya penuh konflik dan intrik yang akhirnya menghancurkan diri masing-masing.

Melayu lawan Melayu adalah merbahaya dalam konteks dominan Melayu, kekuasaan Melayu dan dominan Islam serata kekuatan Islam. Bahaya ini boleh diatasi dengan perpaduan Melayu dan perpaduan Islam. Tengku Razaleigh adalah seorang pemimpin Melayu dan Islam. Adakah kepimpinannya menuju ke arah kekuatan Melayu dan kekuatan Islam?

KE MANA AKHIRNYA?

DOMINEN Melayu dalam politik Malaysia hanya akan kekal sehingga tahun 1994. Begitulah ramalan Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, tiga puluh tahun yang lalu.

Kini tahun 1990. Kalaupun ramalan itu tepat, kekuasaan Melayu ke atas politik tanahair ini akan berakhir dalam satu tempoh yang terlalu singkat, iaitu empat tahun lagi.

Ini bermakna, pada tahun 1994, bukan Melayu dijangka menguasai politik Malaysia - mengikut citarasa mereka dan bergantung kepada senario politik ketika itu.

Ramalan tersebut boleh disifatkan sebagai satu-satunya yang penuh sensasi, penuh kontroversi dan mungkin juga liar. Ramalan berkenaan juga dibuat oleh Lee Kuan Yew sewaktu Singapura adalah sebahagian dari Malaysia dan berdasarkan senario politik dalam tahun-tahun 60-an.

Ramalan Lee Kuan Yew itu terkandung dalam buku seorang sahabat, Firdaus Abdullah, **KEPIMPINAN MELAYU - SATU RAKAMAN KEWARTAWANAN**, di dalam bab mengenai satu simposium di Universiti Malaya dalam tahun 1976.

Simposium yang dirasmikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu, mengketemukan dua tokoh pemuda Barisan Nasional - UMNO dan PAS - dengan dua pensyarah universiti tempatan. Mereka telah menyorot beberapa masalah kepimpinan politik Melayu dalam tahun 70-an.

Sewaktu mengupas masalah kemerosotan penduduk Melayu di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak, serta masalah pertambahan penduduk Melayu yang rendah berbanding dengan yang bukan Melayu, wakil Pemuda PAS, Mustapha Ali mengambil kesimpulan seperti beri

Tendensi ini akan membuktikan kebenaran ramalan Enck Lee Kuan Yew semasa Singapura masih merupakan sebahagian daripada Malaysia bahawa kepimpinan politik Malaysia hanya akan berada di tangan orang Melayu untuk selama 30 tahun daripada masa tersebut (1964).

Mustapha Ali, kini bendahari PAS, seterusnya mengemukakan perangkaan keanggotaan Dewan Rakyat pada ketika itu (1976) dengan membandingkan bilangan Ahli Parlimen Melayu dengan bukan Melayu seperti berikut:

Campuran kerusi Dewan Rakyat yang diduduki oleh PAS dan UMNO ialah 75, manakala campuran anggota-anggota Dewan Rakyat berbangsa Melayu dari Sabah dan Sarawak ialah 16. Jadi keseluruhannya anggota Dewan Rakyat yang terdiri daripada bangsa Melayu ialah 91 orang, dan yang bukan Melayu seramai 63 orang. Ini bererti bahawa suara Melayu di Dewan Rakyat tidak sampai dua pertiga dan implikasinya ialah, orang Melayu sendiri sudah tidak mempunyai kuasa untuk meminda Perlembagaan Negara.

Dalam tahun 1976, UMNO memang kukuh. PAS, satu lagi parti Melayu yang berpengaruh, juga berada di sisi UMNO sebagai komponen Barisan Nasional. Namun begitu, suara Mustapha Ali seperti di atas mencerminkan keraguan dan kebimbangan beliau terhadap penghakisan dominan Melayu dalam politik tanahair ketika itu.

Hari ini, PAS sudah keluar dari Barisan Nasional. Hari ini juga, UMNO sudah berpecah. Sebahagian dari ahli-ahli UMNO sudahpun mewujudkan Parti Semangat 46 yang bergabung dengan PAS, BERJASA dan HAMIM untuk menumbangkan UMNO dan Barisan Nasional. Gabungan ini pula, Angkatan Perpaduan Ummah, bekerjasama dengan erat dan ghairahnya dengan DAP serta PRM.

Pendek kata, umat Melayu yang dulunya menentukan kekuatan UMNO dan Barisan Nasional, kini sudah berpecah belah dengan sengit dan seriusnya. Pertarungan Melayu sesama Melayu di Semenanjung, kini sudah mencapai klimaknya. Mungkinkah ramalan Lee Kuan Yew seperti di atas akan menjadi hakikat, jika orang Melayu gagal untuk kembali bersatupadu di dalam UMNO dengan seberapa segera?

Jadi, ke manakah akhirnya Melayu? Wajarkah dominan Melayu dalam politik dan pemerintahan negara ini digadaikan dengan perpecahan dan

kehancuran? Wajarkah dominan itu digadaikan dengan masa depan yang gelap? Wajarkah dominan itu digadaikan dengan kelangsungan, kebaqo'an serta survival Melayu yang tidak punya arah dan tujuan di bumi tumpah darah ini?

Maka, seharusnya umat Melayu sedar bahawa kecenderungan untuk menimbulkan perselisihan dan perbalahan yang didorong oleh sesuatu kepentingan yang sempit, adalah suatu perbuatan yang perlu dihindarkan. Penghindaran ini perlu kerana segala perselisihan dan perbalahan yang bertujuan untuk memecah-belahkan hanya akan menghancurkan masyarakat seluruhnya.

Scharusnya jugalah umat Melayu hari ini sedar dan insaf bahawa setiap perjuangan yang menyimpang dari jalan yang diredai Allah hanya akan berakhir dengan kegagalan. Setiap jalan yang tidak lurus hanya akan menuju ke lembah penghambaan. Jadi, masalah pokoknya sekarang, umat Melayu sedang berpecah-belah. Dalam konteks politiknya, umat Melayu berpecah kepada tiga kelompok yang besar, iaitu UMNO, PAS dan Parti Semangat 46. Juga menjadi masalah pokok sekarang ialah, perpecahan ini, jika gagal diatasi dengan segera, pasti akan terus menggugat dominan, ketuanan ataupun keindukan Melayu dalam politik dan pemerintahan tanahair.

Keadaan menjadi lebih haru-biru apabila perpecahan Melayu dan gugatan kepada ketuanan Melayu ini diporak-perandakan lagi dengan campurtangan sekelompok pemimpin politik bukan yang Melayu yang memang jelas tidak mahu menerima Melayu sebagai teras politik negara, apatah lagi sebagai teras kepada bangsa Malaysia.

Bagaimanakah keadaan ini harus diatasi? Ke manakah akhirnya Melayu yang sedang berpecah-belah dan sedang diganggu-gugat dari segi ketuanannya sekarang?

Persoalan-persoalan ini perlu dipecahkan dengan segera demi keutuhan politik Melayu dan dominan Melayu. Persoalan-persoalan ini penting diatasi segera kerana dalam Pilihanraya Umum akan datang ini, kesetiaan Melayu terhadap UMNO dan Barisan Nasional tidak lagi kukuh seperti dulu. Sebaliknya, kesetiaan itu, nampaknya, terlalu rapoh dan gonyeh.

Masalah kesetiaan Melayu kepada UMNO dan Barisan Nasional yang tidak total ini adalah hakikat dan adalah krisis. Krisis ini bukan krisis

UMNO. Krisis ini bukan krisis Parti Semangat 46. Krisis ini bukan krisis PAS. Krisis ini adalah krisis orang Melayu seluruhnya.

Krisis ini krisis Melayu kerana caivinisme DAP serta ekstremisme PAS yang kini digabungkan oleh Parti Semangat 46, sebenarnya adalah satu kombinasi yang merbahaya dan boleh menghancurkan bangsa Melayu dan negara Malaysia dalam masa yang sesingkat-singkatnya. Masalah ini tidak boleh dipandang ringan ataupun diperkecil-kecilkan.

Kegagalan Melayu membendung dan mengatasi krisis ini akan merugikan Melayu sendiri. Ia sungguh merugikan kerana jika UMNO yang menjadi teras Barisan Nasional gagal mempertahankan kedudukannya, maka gabungan Parti Semangat 46-PAS-DAP itulah yang akan menang. Kalau mereka menang, siapakah yang boleh menjamin kestabilan politik tanahair dan kesejahteraan rakyat Malaysia ketika itu?

Dalam konteks ini, adakah impian Tengku Razaleigh bahawa Parti Semangat 46 akan memenangi 40 kerusi, PAS 22 kerusi, HAMIM 2 kerusi, BERJASA 2 kerusi, DAP 30 kerusi dan PRM 1 kerusi akan menjadi kenyataan dan gabungan Angkatan Perpaduan Ummah bersama DAP dan PRM akan memerintah negara ini?

Andaian yang dibayangkan oleh Tengku Razaleigh itu jelas membuktikan bahawa gabungan parti-parti Melayu yang simpati kepada Parti Semangat 46 akan menguasai sejumlah 67 kerusi, sementara parti bukan Melayu, DAP, menguasai 30 kerusi. Bolehkah parti-parti yang tidak harmoni dari segi ideologi itu bersatu dan menubuhkan Kerajaan? Akan terjaminkah dominan Melayu dalam kerajaan andaian ini?

Bagaimana pula kedudukan Parti Semangat 46 yang terlalu ghairah hendak menumbangkan kekuasaan Melayu, apabila Lim Kit Siang pula meramalkan DAP sendiri akan memperolehi tambahan sekurang-kurangnya 29 kerusi dalam Pilihanraya Umum akan datang, menjadikan kawasan Parlimen yang dikuasainya kepada 53 kerusi?

Utusan Malaysia 9 April, 1990 melaporkan Lim Kit Siang membuat ramalan bahawa berdasarkan keputusan Pilihanraya Umum 1986, jika 12 peratus pengundi memihak kepada pembangkang, DAP akan mendapat pertambahan 24 kerusi. Partinya juga menjangka pertambahan 5 kerusi lagi dari Sabah dan Sarawak.

Dengan 24 kerusi Parlimen yang dikuasai sekarang, ini bermakna

sesudah Pilihanraya Umum akan datang ini DAP menjangka mempunyai sejumlah 53 kerusi kesemuanya. Angka ini lebih besar dari yang diandaikan oleh Tengku Razaleigh!!! Ke manakah akhirnya Melayu dan dominennya dalam kekuasaan negara?

Menerusi laporan yang sama, Lim Kit Siang juga meramalkan bahawa parti-parti di Sabah dan Sarawak, katanya, berkemungkinan besar akan menyertai pembangkang kerana "tiada satu parti pun di Sabah dan Sarawak akan menyokong Barisan Nasional selama-lamanya." Kalau ramalan ini benar, kepada siapakah parti-parti dari Sabah dan Sarawak ini akan bernaung? Kepada DAP ataupun Parti Semangat 46? Terjaminkah dominan Melayu ketika itu?

Sementara itu, menurut satu kajian terhadap keputusan Pilihanraya Umum 1986, hanya 47 dari 177 kawasan Parlimen di negara ini yang mempunyai majoriti pengundi Melayu antara 70 hingga melebihi 80 peratus. Dalam keadaan perpecahan Melayu sekarang, hanya kawasan tersebut sahaja yang boleh jatuh ke tangan Melayu, baik UMNO, PAS, Parti Semangat 46, BERJASA, HAMIM ataupun PRM.

Kajian tersebut juga mendapati bahawa kawasan-kawasan Parlimen yang majoriti pengundi Melayunya dari 50 hingga 69 peratus, sebanyak 44 kerusi, mungkin akan jatuh ke tangan pembangkang bukan Melayu. Ini boleh terjadi jika parti-parti Melayu terus berebut untuk menguasai kawasan-kawasan tersebut tanpa mengambil kira bahawa perebutan itu akan menguntungkan pihak ketiga yang kebetulannya pula pembangkang bukan Melayu.

Kawasan-kawasan Parlimen dengan majoriti pengundi Melayu di bawah 50 peratus pula adalah sebanyak 41 kerusi dan keseluruhan 45 kerusi Parlimen di Sabah, Sarawak dan Labuan memang tidak mempunyai majoriti Melayu.

Jadi, bagaimanakah kedudukan dominan kekuasaan Melayu jika ditakdirkan Tuhan UMNO kalah teruk dalam Pilihanraya Umum ini dan Parti Semangat 46 serta pendukung-pendukungnya hanya memenangi 47 dari 177 kerusi Parlimen seperti yang diramalkan di atas?

Tidakkah ini akan bermakna bahawa parti-parti bukan Melayu, baik sahabat UMNO dalam Barisan Nasional mahupun pembangkang, akan menguasai 130 kerusi? Bagaimanakah pula, sebagaimana diandaikan

seperti di atas, jika berikutan kekalahan UMNO yang teruk, semangat setia kawan Barisan Nasional turut runtuh dan parti-parti bukan Melayu terus menggabungkan diri atas landasan bukan Melayu dan bukan Islam?

Memang andaian adalah andaian semata-mata. Manusia merancang, tetapi Tuhan yang akan menentukan segala-galanya. Bagaimanapun, andaian ini bukan untuk menimbulkan rasa perkauman ataupun sentimen anti-Melayu. Andaian ini cuma untuk meniupkan keinsafan dan kesedaran yang mendalam di kalangan orang Melayu dan pemimpin Melayu, betapakah serius dan betapakah buruknya kesan percaturan politik yang mereka lakukan hari ini terhadap dominan Melayu dan masa depan Melayu.

Senario inilah yang diandaikan sebagai krisis. Dan, tanggungjawab mengatasi krisis ini adalah tanggungjawab orang Melayu seluruhnya. Melayu UMNO, Melayu PAS dan Melayu Semangat 46 tidak akan terlepas dari tanggungjawab ini. Tidak ada siapa yang boleh menafikan tanggungjawab ini.

Senjata yang paling keramat dalam mengatasi krisis ini adalah satu keinsafan dan kesedaran di kalangan jiwa seluruh orang Melayu bahawa apa yang disifatkan sebagai krisis Melayu ini adalah real, adalah hakikat, adalah wujud dan sedang dirasakan oleh orang Melayu keseluruhannya.

Senjata yang amat keramat untuk mengatasi krisis Melayu ini adalah hati dan dada yang dibuka seluas-luas dan seikhlas-ikhlasnya, disaingi dengan satu keinsafan amat mendalam bahawa di samping orang Melayu dikenali sebagai Melayu; orang Melayu juga adalah orang Islam, penganut agama Allah.

Apabila premis kesedaran dan keinsafan ini boleh diterima, semua pemimpin parti politik Melayu perlu bermusyawarah dan bermuzakarah. Ikatkan semula silaturahim yang tulin, gabungkan pemikiran yang tenang dan cetuskanlah gagasan perpaduan yang jitu dan diredai Tuhan.

Usaha seperti ini mustahil tidak boleh dijalankan kerana yang memecah-belahkan umat Melayu hingga ke peringkat yang paling parah sekali hari ini bukannya perbezaan akidah Islam. Yang memecah-belahkan mereka adalah sebab-sebab yang "political," sebab-sebab yang berunsur politik semata-mata.

Pihak-pihak Melayu yang bukan politik, seharusnya mengambil usaha

untuk menjadi jurudamai kerana sebaik-baik perbuatan dalam sesuatu persengketaan adalah menjadi jurudamai yang ikhlas dan jujur dengan kepentingan bangsa serta agama menggaris-bawahkan segala usaha tersebut.

Sewajarnya, janganlah orang Melayu hanya mahu dan terdesak untuk kembali bersatu apabila nasi sudah menjadi bubur. Berpadulah segera. Hari ini juga. Ini penting kerana dalam keadaan orang Melayu yang masih tercicir dan tertinggal dalam mensejahterakan ekonominya, orang Melayu perlu memiliki kepimpinan yang berkeupayaan, tabah, jujur dan ikhlas.

Kepimpinan Melayu, biar puak mana sekalipun, perlu kembali bersatupadu kerana orang Melayu masih memerlukan ketuanannya di negara yang berbilang kaum ini. Melayu masih perlu menjadi induk kepada bangsa Malaysia kerana orang Melayu tidak rela menjadi satu bangsa yang terhina dan akhirnya ditimpa nasib seperti "itik di air mati kehausan, ayam di kepok mati kebuluran."

Kalau pemimpin Melayu dalam tahun 1976 bimbang dengan ramalan Lee Kuan Yew pada 1964 yang mengatakan dominan politik Malaysia akan jatuh dari tangan Melayu ke tangan bukan Melayu dalam tahun 1994, setiap pemimpin Melayu hari ini mempunyai lebih banyak sebab untuk menjadi cemas dan gerun dengan ramalan seperti itu.

Hidup-matinya Melayu hari ini adalah tanggungjawab seluruh orang Melayu tanpa mengira aliran politik masing-masing. Hidup-matinya Islam di Malaysia hari ini, juga merupakan tanggungjawab seluruh orang Islam di negara ini tanpa mengira aliran politik masing-masing.

Satu ramalan yang menggerunkan kini berhadapan dengan orang-orang Melayu. Pastikah ramalan itu akan berlaku? Pastikah? Benarkah Melayu akan kehilangan kuasa pada tahun 1994, iaitu empat tahun lagi? Benarkah ramalan ini atau dominan Melayu akan hancur selepas Pilihanraya Umum kali ini?

Mungkinkah Melayu akan hilang di dunia? Mungkinkah? Kalau tidak mungkin, jenis Melayu yang bagaimanakah yang akan menghuni tanahair tercinta ini apabila dominan kekuasaan Melayu sudah hancur, apabila Melayu sudah kehilangan kuasa? Jenis Melayu yang bagaimanakah agaknya?

Ke manakah akhirnya perlawanan Melayu sesama Melayu ini seka-

rang? Mungkinkah akhirnya ialah Melayu lenyap ditelan kebangkitan satu kuasa bukan Melayu yang maha asing dan maha tidak peduli terhadap Melayu? Andaian ini boleh jadi mungkin, dan boleh jadi tidak. Yang lemah, selalunya ditelan yang gagah. Segala-galanya terserah kepada Melayu dan arah serta matlamat perjuangannya!!!

Seperatah kata Kassim Ahmad, dalam bukunya QUA VADIS BANGSAKU:

Kita boleh mengelak kemungkinan ini jika pemimpin kita dari semua parti dan golongan segera sedar serta mengambil tindakan untuk membendung dan menghapuskan perpecahan ini dan mencapai perpaduan mengikut ajaran Ilahi dalam Quran.

Segala-galanya di tangan kita. Tuhan hanya akan menolong kita jika kita sanggup menolong diri kita sendiri dengan mengubah jiwa dan fikiran kita mengikut ajaran al-Quran. Inilah yang dilakukan oleh masyarakat Arab Jahilliah abad ketujuh di bawah pimpinan Nabi Muhammad dan khalifah al-rasyidin. Kejayaan besar mereka satu contoh teladan yang gilang-gemilang kepada kita. Kita patut mencontohi teladan ini.

Sebagai penutup, renungkanlah kata-kata Datuk Musa Hitam mengenai perpaduan seperti yang terkandung dalam teks ucapan beliau, Menjunjung Obor Perjuangan, seperti berikut:

Apakah punca dan apakah rahsia kepada segala kejayaan-kejayaan gemilang yang telah kita capai. Rahsia dari segala rahsia kejayaan kita menghadapi cabaran politik tersebut, tidak lain dan tidak bukan ialah perpaduan yang teguh dan kukuh.

Memang benar, perpaduan Melayulah yang selama ini menjadi senjata menghancurkan-leburkan rancangan Malayan Union. Perpaduan Melayulah yang menjadi benteng paling kuat dalam proses menghapuskan keganasan bersenjata komunis. Perpaduan Melayulah yang mencetuskan kemerdekaan negara. Perpaduan Melayulah yang memungkinkah termaktubnya keluhuran dan kemuliaan agama Islam, serta kedaulatan Bangsa Melayu dan budaya Melayu dalam Perlembagaan Negara.

Oleh itu, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab suci setiap umat Melayu untuk terus berjuang mengekal, dan lebih dari itu, meningkatkan perpaduan bangsa Melayu pada setiap masa.

Dalam ucapan yang sama, Datuk Musa juga menggariskan seperti

berikut:

Dalam kita membawa pembaharuan-pembaharuan, perlulah kita memastikan bahawa kita tidak kehilangan arah, tidak pula kehilangan punca. Untuk tidak kehilangan arah, dan supaya tidak kehilangan punca, perlulah kita sedar dan perlulah kita menghayati asas-asas falsafah bangsa Melayu yang dirumuskan oleh ajaran agama dan amalan adat. Asas falsafah kehidupan bangsa Melayu mengatakan bahawa "hidup bersendi adat, adat itu bersendikan Syarak, Syarak pula bersendikan Kitabullah."

Jadi, pokoknya sekarang, biar berlaga ayam di reban, biar menendang kuda di kandang, namun adat wajib dijaga. Adat bersaudara, saudara dipertahankan, adat berkampung, kampung dijaga, adat berbangsa, perpaduan bangsa diutamakan.

Oleh itu, bersatulah orang Melayu. Biduk lalu, kiambang bertaut. Air dicincang tak akan putus. Carik-carik bulum ayam, lama-lama bercantum juga.

Oleh itu, berdamailah pemimpin Melayu dan selesaikanlah masalah perpaduan Melayu dan ketuanan Melayu ini dengan penuh bijaksana. Berwaspadalah, kalau menarik rambut di dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan bersepah. Berhati-hatilah, kalau membunuh ular, kayu pemukul janganlah patah, ular dipukul biarlah mati, tanah terpukul jangan pula lekuk.

Jangan diredekan ramalan Lee Kuan Yew menjadi kenyataan dalam masa empat tahun lagi. Jangan redakan senario itu dari terjadi. Melayu harus berpadu. Melayu harus bersatu. Melayu harus bersatu dan berpadu dalam politik dan seluruh aspek kehidupan yang sewajarnya!!

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada UHI-Amri (*orang-orang yang berkuasa*) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalkannya kepada (*Kitab*) Allah (*Al-Quran*) dan (*Sunnah*) RasulNya - Jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (*bagi kamu*), dan lebih elok pula kesudahannya.

Surah An-Nisaa' ayat 59.

Demi Melayu dan demi Islam, atasilah masalah perpecahan Melayu

hari ini. Memang segala yang telah berlaku ke atas orang Melayu ini mempunyai sebab-musababnya. Tetapi, perlu diingat bahawa memang sudah menjadi hukum alam ini bahawa sebab-sebab itu sebenarnya telah diatur oleh Allah 'Azza wa Jalla.


Begitulah hakikatnya di sisi Islam. Kalau Islam menuntut setiap umatnya supaya hanya Allah sahajalah yang kita sembah, Islam juga menuntut supaya kepada Allah sahajalah kita memohon pertolongan.

Oleh itu, usahakanlah perdamaian antara Melayu dan Islam di negara ini. Ikhtiarkanlah. Segala dayausaha itu dijalankan seiringan dengan restu dan hidayat yang dipohonkan dari Allah yang maha besar lagi maha sempurna.

Mudah-mudahan segala dayausaha dan doa restu yang kita pinta dari Allah itu akan meletakkan umat Melayu-Islam di negara ini sebagai umat yang benar-benar diredaiNya dengan "jalan yang lurus," bukannya dilorongkan ke jalan yang dimurkai, termasuk jalan yang dianuti oleh mereka yang berperasaan fanatik lagi taksab kepada sesuatu yang diyakininya.

Waspadalah, dalam sesuatu pertelingkahan, setiap pihak yang terbabit akan mengatakan bahawa dia berada di pihak yang benar, sedangkan kebenaran itu hanya satu, bukannya dua, dan kebenaran itu pula datangnya dari Allah Subhanahu Wataala jua.

Beginilah seharusnya perlawanan Melayu sesama Melayu hari ini berakhir.. Kembalilah ke pangkal jalan!!



RUJUKAN

- ABDULLAH KHIR: **SIAPA BUNUH UMNO**
- AHMAD MOKHTAR HAJI MOHAMAD: **KUASA RAKYAT**
Penerbitan Dinamik,
Petaling Jaya, 1988
- BAHARUDIN ALI MASROM: **POLITIK MELAYU ABAD 21**
'D' Enterprise, Kuala Lumpur, 1989.
- CHAMIL WARIYA: **UMNO BARU, KELAHIRAN DAN PERKEMBANGAN AWALNYA**
'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1988.
- CHAMIL WARIYA: **UMNO ERA MAHATHIR**
Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.,
Petaling Jaya, 1988.
- FIRDAUS ABDULLAH: **KEPIMPINAN MELAYU - SATU RAKAMAN KEWARTAWANAN**
Dewan Bahasa Dan Pustaka,
Kuala Lumpur.
- HAMBALI ABDUL LATIFF: **UMNO BARU MILIK SIAPA?**
Penerbitan Pena Sdn. Bhd.,
Kuala Lumpur, 1988.
- IBU PEJABAT UMNO KUALA LUMPUR: **UMNO 20 TAHUN**
- KAMARAZAMAN YACOB: **POLITIK MALAYSIA - RUMUSAN**
Media Jaya, Kuala Lumpur, 1988.

- KAMARAZAMAN YACOB:** **MAHATHIR MENUJU DIKTATOR?**
Media Jaya, Kuala Lumpur, 1988.
- KASSIM AHMAD:** **QUO VADIS BANGSAKU?**
Media Indah Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur, 1989.
- KEMENTERIAN DALAM NEGERI:** **KE ARAH MEMELIHARA KESELAMATAN NEGARA**
1988.
- KEPIMPINAN MELAYU JOHOR:** **KESINAMBUNGAN PERJUANGAN BERMARTABAT**
Penganjur Perhimpunan Melayu Negeri Johor Darul Ta'zim, 1988.
- LEON COMBER:** **PERISTIWA 13 MEI - SEJARAH PERHUBUNGAN MELAYU-CINA**
International Book Service,
Petaling Jaya, 1985.
- LING LIONG SIK:** **THE FUTURE OF MALAYSIAN CHINESE**
Malaysian Chinese Association, 1988.
- MALIK MUNIP:** **TUNTUTAN MELAYU**
Sarjana Enterprise,
Kuala Lumpur, 1981.
- MAJLIS GERAKAN NEGERA:** **TRAJEDI 13 MEI SATU LAPORAN MAJLIS GERAKAN NEGERA**, 1969.
- MAHATHIR MOHAMAD:** **UMNO TETAP UMNO**
Ibu Pejabat UMNO,
Kuala Lumpur, 1988.
- MAHATHIR MOHAMAD:** **KEWIBAWAAN UMNO**
Ibu Pejabat UMNO.
- MUHAMMAD YUSOFF HASHIM:** **KESULTANAN MELAYU MELAKA**
Dewan Bahasa Dan Pustaka,
Kuala Lumpur, 1989.

- MUSA HITAM:** **MENJUNJUNG OBOR PERJUANGAN**
1987.
- RAMLAH ADAM:** **UMNO - ORGANISASI DAN KEGIATAN POLITIK**
Mohd. Nawi Book Store,
Kelantan, 1978.
- SALMAH SHEIKH BRIX:** **PANGLIMA SALLEH**
Jabatan Sejarah Universiti Malaya,
1977.
- TENGGU RAZALEIGH HAMZAH:** **MENENTANG KEMUNGKARAN POLITIK DAN EKONOMI**
1987.
- TENGGU RAZALEIGH HAMZAH:** **KE ARAH PERPADUAN SEMANGAT 46**
1988.
- TUNGU ABDUL RAHMAN:** **SELAMATKAN UMNO**
1988.